

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
USUL:-	
Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelapan (2001-2005)	(Halaman 15)
RANG NDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2003	(Halaman 64)

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Dilantik)

“ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M. (Dilantik)

“ Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamed, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M. (Dilantik)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Brig. Jen. (B) Datuk Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin (Dilantik)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor, (Dilantik)

“ Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S. (Dilantik)

“ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M. Kayveas P.J.N. (Dilantik)

“ Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin, (Dilantik)

“ Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Abdullah bin Ayub (Dilantik)

“ Datuk Agnes Shim Tshin Nyuk (Dilantik)

“ Tuan Haji Abdul Rahman bin Palit (Dilantik)

“ Dato' Haji Arzmi bin Haji Abdul Hamid (Kedah)

“ Puan Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Dun (Dilantik)

“ Tuan Benedict Bujang Tembak (Sarawak)

“ Puan Hajah Che Jam binti Haron (Dilantik)

“ Dato' Dr. Chin Fook Weng (Pulau Pinang)

“ Datin Chong Set Mui (Dilantik)

“ Puan Halimah binti Hamzah (Pahang)

“ Dato' Hamzah bin Zainudin (Perak)

“ Tuan Hassan bin Haji Shukri (Terengganu)

“ Datuk Dr. Haris bin Haji Salleh (Johor)

“ Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan (Melaka)

“ Tuan Ismail bin Kasim (Dilantik)

“ Puan Jaya Partiban (Dilantik)

“ Datuk Kalakau bin Untol (Sabah)

“ Datuk Haji Karim Ghani (Sabah)

“ Datuk Lau Yin Pin @ Lau Yen Beng (Dilantik)

“ Tuan Lee Sing Chooi (W. Persekutuan)

“ Dato' Lim Sing @ Lam Kam Sang (Pahang)

“ Puan Lim Kee Moi (Johor)

“ Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Haji Ahmad Raffae (Dilantik)

“ Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar (Dilantik)

Yang Berhormat Puan Mariah binti Haji Abdullah (Perlis)

- “ Dato Mohamad Taha Ariffin (Sarawak)
- “ Datuk Haji Mohamed bin Omar Beledram (Dilantik)
- “ Dato’ Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani (Dilantik)
- “ Tuan M. Krishnan (Dilantik)
- “ Tuan M. Ratnam (Dilantik)
- “ Tuan M. Saravanan (Dilantik)
- “ Tuan K. R. A. Naidu (Dilantik)
- “ Che Puan Sri Kelana D’Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya (Dilantik)
- “ Datuk Nor Azah binti Awin (Wilayah Persekutuan)
- “ Puan Nosimah binti Hashim (Dilantik)
- “ Dato’ Omar bin Faudzar (Pulau Pinang)
- “ Puan Ooi Siew Kim (Dilantik)
- “ Tuan Osman bin Bungsu (Dilantik)
- “ Tuan Poh Mok Hua @ Poh Bak Hoe (Melaka)
- “ Datin Hajah Puizah binti Haji Abu Kassim (Dilantik)
- “ Tuan R. Sinniah (Dilantik)
- “ Puan Safinah binti Jusoh (Terengganu)
- “ Puan Hajah Samsiah binti Samsudin (Dipilih)
- “ Dato’ Dr. S. Vijayaratnam (Dilantik)
- “ Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee (Dilantik)
- “ Puan Siw Chun a/p Eam (Dilantik)
- “ Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff (Kelantan)
- “ Tuan Tan Cheng Tee (Negeri Sembilan)
- “ Tuan Udam @ George Adam Talek
- “ Tuan Wan Nordin bin Che Murat (Perlis)
- “ Tuan Wee Kok Tiong (Dilantik)
- “ Datuk William Lau Kung Hui (Dilantik)
- “ Puan Wan Ubaidah binti Omar (Kelantan)
- “ Datuk Yaakob bin Haji Mohammad (Kedah)
- “ Tuan Yew Teong Look (Dilantik)
- “ Tuan Zainal bin Rampak (Dilantik)

DEWAN NEGARA
PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara
Dato' Abdullah bin Abdul Wahab

Ketua Penolong Setiausaha
Roosme binti Hamzah
Zamani bin Haji Sulaiman

Penolong Setiausaha
Ruhana binti Abdullah
Riduan bin Rahmat
Muhd Sujairi bin Abdullah

PETUGAS-PETUGAS
CAWANGAN DOKUMENTASI

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan
Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Zaiton binti Yaacob
Abd. Talip bin Hasim
Syed Azuddin bin Syed Othman
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Nurziana binti Ismail
Taharah binti Mohamed
Nik Elyana binti Ahyat
Marzila binti Muslim
Habibunisah Mohd. Azir
Sherliza Maya binti Talkah
Mohd. Izhar bin Hashim
Chong Lai Peng

PETUGAS-PETUGAS
UNIT CETAK

Kamaroddin bin Mohd. Yusof
Mohamed Shahrizan bin Sarif
Alias bin Mohd. Nor

JURUBAHASA SERENTAK

Hajah Paizah binti Haji Salehuddin
Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman
Mazidah binti Mohamed

BENTARA MESYUARAT

Lt Kol (B) Mohamed Nor bin Mohd. Darus
Mejar (B) Zakaria bin Salleh
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

PETUGAS-PETUGAS
CAWANGAN KOMPUTER

Mohd Shah bin Rahman
Sulaiman bin Sirad
Azzahar bin Hashim

PETUGAS-PETUGAS
CAWANGAN PERUNDANGAN

Mohd. Shariff bin Hussein
Azmi bin Othman
Zafniza binti Zakaria
Hindun binti Wahari
Rozaimah binti Mohamad Ariffin
Mohd. Sidek bin Mohd. Sani
Mazlina binti Ali
Norlaila binti Abdullah Sidi
Ropiah binti Tambi
Suhairi bin Othman

MALAYSIA**DEWAN NEGARA****Rabu, 19 November 2003****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, bagi Ahli-ahli Yang Berhormat, satu jam yang diperuntukkan ini adalah kesempatan terbaik untuk Yang Berhormat menyertai *performance audit* terhadap kerajaan. Bagi Ahli-ahli Kerajaan, ini adalah kesempatan untuk menyerlahkan lagi keprihatinan kerajaan selaku pemerintah yang dipilih rakyat jelata terhadap prinsip *accountability*. Gunakanlah kesempatan ini sepenuhnya. Soalan. Datuk Yaakob Haji Mohammad

1. **Datuk Yaakob bin Hj. Mohammad** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah pendirian kerajaan mengenai tindakan pihak tertentu yang menjalankan kempen negatif dengan menamakan bajet tersebut sebagai 'Bajet Asar' dan telah memutar belitkannya dengan soal agama berbanding dengan niat ikhlas kerajaan untuk menjana ke arah satu masyarakat yang lebih gemilang di negara ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Yaakob bin Haji Mohammad. Dalam pembentangan Bajet 2004 baru-baru ini, kerajaan telah mengagihkan sejumlah RM112.5 bilion untuk perbelanjaan mengurus dan pembangunan. Bajet ini telah mengambil kira kepentingan semua golongan masyarakat dan rata-rata rakyat dan semua pihak telah menyambut baik isi kandungan yang dimuatkan ke dalam bajet tersebut. Malangnya, terdapat sesetengah pihak yang telah menjalankan kempen negatif terhadap pembentangan Bajet 2004 tersebut. Mereka telah memutarbelitkan isu pembentangan bajet tersebut dengan mencampuradukkan urusan rasmi negara dengan urusan peribadi.

Sememangnya, tidak pernah dinafikan bahawa kewajipan mengerjakan solat adalah perkara pokok seseorang Muslim. Ia juga adalah urusan dan hak sebagai individu. Sesuai dengan keperluan dan hak individu Muslim, bolehlah kita imbas kembali sewaktu pembentangan Bajet 2004 berlangsung, bilamana tidak ada tegahan kepada mana-mana ahli Dewan untuk keluar dari Dewan, termasuklah untuk menunaikan solat Asar. Kempen negatif dengan menamakan pembentangan Bajet 2004 sebagai "Bajet Asar" adalah tidak tepat dan lebih bermotifkan politik. Mempolitikkan soal ibadat seseorang individu Muslim hanya akan mendedahkan kelemahan umat Islam dan ia tidak membantu mempertingkatkan martabat Islam yang sepatutnya ditangani dengan cara berhemah dan bijaksana.

Sekiranya ada pihak sedar akan perkara ini, mengapa pula tiada sesiapa yang mengemukakan usul menangguhkan sesi pembentangan tersebut? Saya berpendapat, Ahli-ahli Yang Berhormat sedia memahami kemampuan masing-masing dan sewajarnya tidak memperbesar-besarkan tanggungjawab setiap individu atas perbuatannya. Sesungguhnya Allah memberikan pembalasan kepada amal seseorang, menurut niatnya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menyediakan sesuatu bajet, kerajaan sentiasa berusaha untuk memberikan yang terbaik untuk rakyat tanpa mengira agama dan bangsa. Oleh itu, semua pihak haruslah sedar dan menghentikan usaha memburuk-burukkan

kerajaan. Saya pasti, rakyat memahami niat ikhlas kerajaan untuk membangunkan negara ini, yang tentunya akan memberikan banyak manfaat kepada mereka semua. Terima kasih.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Soalan tambahan saya, Bajet 2004 telah dianggap yang terbaik Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat setuju kalau saya katakan, bahawa pihak PAS tidak ikhlas apabila mereka mempolitikkan isu "Bajet Asar" ini semata-mata kerana mereka sudah tidak ada, ataupun kekurangan isu. Kalau setuju, sila beri penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Hashim bin Ismail: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Yaakob. Tuan Yang di-Pertua, saya amat bersetuju dengan Yang Berhormat Datuk Yaakob bahawa pihak PAS sememangnya tidak ikhlas apabila mempolitikkan isu bajet ini atau apa yang mereka sebut sebagai "Bajet Asar" ini. Seperti yang saya sebutkan di peringkat awal jawapan saya tadi, oleh kerana tiada sesiapa pun termasuk pihak PAS yang mengusulkan supaya Dewan ditangguhkan seketika untuk membolehkan Ahli-ahli Dewan menunaikan solat Asar, saya pada mulanya cenderung untuk mengandaikan bahawa, sama ada Ahli Pembangkang ataupun pihak kerajaan secara tidak sengaja telah lalai dalam menyempurnakan kewajipan mereka. Mudah-mudahan Allah mengampunkan dosa kita semua. .

Tetapi, apabila ada pihak yang mendakwa begitu prihatin terhadap isu "Asar" ini, tetapi dengan sengaja membiarkan ianya berlalu dan berlaku tanpa membuat sebarang teguran atau usul untuk menanggukannya Dewan, malah memilih untuk membangkitkannya di luar Dewan, dalam ceramah-ceramah, dalam kempen-kempen politik sebagai modal atau bahan untuk mencemuh dan mencerca sesama umat Islam dan memesongkan perhatian rakyat daripada bajet yang begitu mesra rakyat dengan harapan, untuk memperlekehkan usaha murni kerajaan dan dengan harapan untuk meraih keuntungan politik dan keuntungan duniawi.

Maka, saya menganggapnya, ini sebagai satu tindakan yang amat tidak bertanggungjawab, tidak ikhlas, tidak bersifat ukhuwah dan jauh menyimpang dari ajaran Islam yang sebenarnya. Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan telah bertungkus-lumus memerah otak untuk menghasilkan satu bajet yang mesra rakyat, lengkap dan menyeluruh. Bajet yang memberi banyak manfaat kepada semua golongan rakyat, golongan miskin, golongan kurang upaya, golongan cacat, ibu tunggal, pelajar, kaum-kaum Asli dan lain-lain golongan.

Bajet yang menepati maksud hadis Rasulullah yang bermaksud: "*Sebaik-baik insan ialah mereka yang memberi manfaat kepada insan yang lain* ataupun dengan izin [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] dan oleh kerana tidak banyak isu yang dapat diambil peluang oleh pembangkang untuk menghentam kerajaan daripada bajet mesra ini, maka golongan ini menjadikan "Asar" sebagai isu untuk dijaja seluruh negara dan solat dijadikan bahan publisiti, bukan bersandarkan kepada roh dan kemurnian solat seperti yang dituntut oleh Islam, malah sebagai bahan atau modal untuk menghina sesama saudara Islam dan bahan atau modal untuk meraih keuntungan atau dividen politik duniawi.

Tuan Yang di-Pertua, kesimpulannya, saya mengatakan bahawa tidak ada keikhlasan dalam isu ini. Yang ada, hanyalah isu yang sengaja dipolitikkan untuk mengangkat dan menjulang nama sebuah parti politik dan bukan sama sekali bertujuan untuk mengangkat martabat Islam dan memperkukuhkan ukhuwah Islamiah dan jauh menyimpang dari nilai-nilai murni Islam itu sendiri. Terima kasih.

2. **Dato' Hj. Arzmi bin Hj. Abdul Hamid** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sejauh manakah dakwaan bahawa pekerja asing banyak terlibat dalam kegiatan jenayah seperti merompak, bunuh, samun, rogol dan lain-lain dan berapakah kes-kes seumpama ini yang berlaku berpunca daripada pekerja asing ini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Zin]: Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat dinafikan bahawa terdapat di kalangan pekerja asing yang terlibat dalam kegiatan jenayah samun, bunuh dan rogol sama ada pekerja asing yang datang secara sah atau secara haram. Mengikut statistik daripada tahun 2000 sehingga bulan September

tahun 2003, 9% kejadian samun, 11% kejadian bunuh dan 7% daripada kes rogol dilakukan oleh pekerja asing yang berada di dalam negara ini.

Dato' Haji Arzmi bin Haji Abdul Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya, adakah pihak polis memantau di sesuatu tempat, banyak buruh-buruh asing bekerja, seperti di tapak pembinaan, kilang, ladang yang berhampiran dengan kediaman ramai, yang kerap kali berlakunya kecurian dan samun.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Pihak pasukan keselamatan di dalam negara ini, bukan sahaja memantau di mana terdapat pekerja asing di tapak-tapak pembinaan dan sebagainya, bahkan pasukan keselamatan memantau keseluruhannya, termasuk rakyat dalam negara ini. Mana-mana yang melakukan kesalahan, dapat aduan ataupun dapat ditangkap, semua akan ditahan dan dibicarakan.

Puan Lim Kee Moi: Tuan Yang di-Pertua, selamat pagi dan terima kasih. Soalan tambahan saya, apakah tindakan yang sewajarnya diambil oleh Kementerian Dalam Negeri untuk mengatasi kes tersebut? Terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, biasanya keadaan keselamatan dalam negeri ini, orang bertanya kerajaan, apakah kerajaan akan ambil tindakan. Sebenarnya, kerajaan sudah ambil tindakan dan kerajaan akan terus ambil tindakan. Sebab itulah, pada akhir-akhir ini, apabila kita sendiri, Kementerian Dalam Negeri dan kerajaan memikirkan bahawa keperluan anggota polis ini ditambah dan kemudahan-kemudahan untuk pasukan polis ini diberi, maka peruntukan dan *recruitment* dengan izin telah dibuat.

Pada masa yang sama, kita juga menambah anggota-anggota RELA dan kumpulan-kumpulan NGO serta badan-badan sukarela supaya dapat memberi sokongan dalam gerakan membanteras ataupun mengawal keselamatan di kawasan masing-masing seperti Rukun Tetangga, JKK dan pasukan RELA yang berada di dalam negara kita. Ini membantu bagi mengawal selia keadaan keselamatan di kawasan masing-masing. Apa yang perlu dibuat oleh rakyat yang lain ialah supaya memberi kerjasama kepada badan-badan ini dan memaklumkan kepada pihak yang tertentu apabila terdapat dasar curiga dan apabila kejadian ini berlaku, terima kasih.

3. **Tuan Osman bin Bungsu** minta Menteri Pendidikan menyatakan tentang keciciran Pelajar Orang Asli terlalu tinggi. Berdasarkan kajian sebuah universiti tempatan seramai 20,871 pelajar sekolah rendah berbanding 5,239 pelajar meneruskan pelajaran ke sekolah menengah. Ini menunjukkan keciciran sebanyak 60%. Apakah langkah-langkah Kementerian untuk menangani masalah ini.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin]: Tuan Yang di-Pertua, kepada Yang Berhormat Tuan Osman bin Bungsu, Kementerian Pendidikan sedar akan jumlah peratus keciciran yang terdapat di sekolah di mana pelajar-pelajar anak Orang Asli belajar. Oleh itu Kementerian Pendidikan sentiasa bekerjasama dengan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli dalam pelaksanaan program-program yang telah dirangka khas dalam pelan tindakan pembangunan pendidikan masyarakat Orang Asli.

Sehubungan itu kementerian sedang memperluaskan program khas bagi murid Orang Asli pada semua 90 buah sekolah yang terdapat. Kementerian Pendidikan juga telah mempertingkatkan kemudahan pendidikan yang lebih kondusif, contoh, pembinaan Sekolah Kebangsaan Lenjan dan Sekolah Kebangsaan Titom di Kuala Lipis yang dilengkapi dengan kemudahan bilik darjah, bilik guru, perpustakaan, bilik komputer dan stor. Hanya harapan Kementerian Pendidikan semoga ibu bapa daripada kaum Orang Asli dapat membawa satu masa di mana anak-anak mereka mestilah dikhususkan belajar di rumah, terima kasih.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, adakah kementerian untuk mengatasi masalah ini, adakah kementerian telah atau akan melihat sama ada perlantikan guru-guru khas seperti kaunselor dan mentor untuk

membantu golongan ini mungkin boleh meringankan masalah yang telah wujud sekarang? Terima kasih.

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Tuan Yang di-Pertua, bagi Kementerian Pendidikan dia tidak ada bezakan dari segi kemudahan yang terdapat di bandar, di kampung dan di luar bandar. Masalah kita yang sedang dihadapi sekarang ialah bagaimana cara-cara untuk mempertingkatkan usaha daripada anak-anak ini sendiri. Dalam hal ini tentulah peranan ibu bapa yang menonjol sekali, oleh sebab keadaan kita mungkin Yang Berhormat sudah pergi tetapi saya memang kebiasaan untuk melawat kawasan-kawasan ini keadaannya tidak sekondusif seperti yang ada di bandar. Maka pengaruh inilah yang menyebabkan anak-anak kita keciciran bukan bererti mereka tidak ada kebolehan, mereka mempunyai kebolehan seperti sahaja dengan anak-anak kita. Oleh sebab itu Kementerian Pendidikan menegaskan bahawa apa juga kemudahan yang terdapat di luar bandar maka anak-anak ini akan diberi kemudahan yang sama, terima kasih.

4. **Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani** minta Menteri Pertahanan menyatakan di mana didapati banyak kontrak di kementerian diberi kepada anak-anak syarikat LTAT. Berapakah nilai kontrak yang diberikan pada tahun 2002 dan adakah ianya diberikan kerja-kerja subkontrak kepada bekas anggota tentera dan berapakah nilainya.

Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Mohd. Shafie bin Haji Apdal]: Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) dan anak-anak syarikatnya, tidak mendapat sebarang kontrak daripada Kementerian Pertahanan bagi tahun 2002. Walau bagaimanapun, Perbadanan Perwira Harta Malaysia (PPHM) iaitu sebuah perbadanan milik penuh LTAT telah dianugerahkan kontrak *design and build* daripada Kementerian Pertahanan pada 22 Januari tahun 2003 yang bernilai sejumlah RM267.9 juta. Kontrak ini adalah bagi cadangan mereka bentuk, membina dan menyiapkan kemudahan bangunan 95 hospital Angkatan Tentera Malaysia di Mukim, Setapak Kuala Lumpur. Persoalan sama ada subkontrak diberikan kepada bekas perajurit, memang ada subkontrak diberikan kepada bekas perajurit.

5. **Puan Siw Chun a/p Eam** minta Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga menyatakan:-

- (a) berapakah peruntukan yang diberikan kepada persatuan-persatuan wanita bagi menjalankan aktiviti serta latihan kemahiran dan perbelanjaan pentadbiran satu-satu persatuan pada setiap tahun; dan
- (b) adakah Kementerian bercadang untuk menganjurkan kursus-kursus khas bagi wanita dalam bidang mempertahankan diri semasa menghadapi rompak atau penderaan dari mana-mana pihak.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga [Datuk Hajah Mastika Junaidah binti Husin]: Tuan Yang di-Pertua, mulai tahun 2001 sehingga Oktober 2003. Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga telah mengagihkan peruntukan bantuan khas perbendaharaan kepada pertubuhan bukan kerajaan untuk melaksanakan Program Pembangunan Kapasiti Wanita dan Keluarga di seluruh negara. Pemberian peruntukan bantuan khas pada NGO ini tidak termasuk peruntukan untuk membiayai perbelanjaan pentadbiran dan pengurusan sesebuah pertubuhan. Butir-butir terperinci jumlah peruntukan dan bilangan NGO-NGO yang mendapat peruntukan Kementerian pada setiap tahun adalah seperti berikut:

- (i) Pada tahun 2001, peruntukan sebanyak RM7,845,262 telah diluluskan kepada 162 buah NGO untuk melaksanakan 187 Program Pembangunan Kapasiti Wanita dan Keluarga
- (ii) Pada tahun 2002, peruntukan sebanyak RM19,830,688 telah diluluskan kepada 131 buah NGO untuk melaksanakan 231

Program Pembangunan Kapasiti Wanita dan Keluarga. Jumlah ini termasuk RM4 juta yang diagihkan kepada Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga untuk melaksanakan berbagai Program Pembangunan Wanita dan Keluarga di peringkat negeri dan akar umbi.

- (iii) Bagi Januari hingga Oktober 2003, peruntukan sebanyak RM14.919,383 telah diluluskan kepada 85 buah NGO untuk melaksanakan 117 Program Pembangunan Kapasiti Wanita dan Keluarga termasuk RM10 juta yang diagihkan kepada Majlis Pembangunan Wanita Negeri.

Bagi menjawab soalan (b), untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian memang prihatin dan memandang serius masalah rompakan dan penderaan kaum wanita di negara ini. Berbagai-bagai usaha untuk mencegah keganasan dan membantu mangsa keganasan telah sedang dan akan terus dilaksanakan untuk membantu wanita daripada keganasan, penderaan dan rompakan. Usaha-usaha ini termasuk usaha berbentuk dasar seperti penyemakan undang-undang berkaitan dengan keganasan rumah tangga, satu kaedah lagi ialah menerusi ceramah dan kempen termasuk kempen organisasi wanita membanteras keganasan ataupun ombak. Daripada perkataan Bahasa Inggeris WAVE - *women against violence*.

Penerapan nilai-nilai murni keluarga seperti kempen 'Semakin Hari Semakin Sayang'. Bagi membantu wanita menjaga keselamatan diri mereka Kementerian ada menerbitkan dan menyebarkan *brochures* serta garis-garis panduan kepada wanita tentang cara-cara menjaga keselamatan diri daripada keganasan dan rompakan. Bagi memberikan perkhidmatan kepada wanita termasuk mangsa keganasan dan rompakan.

Kementerian telah menubuhkan unit kaunseling di Jabatan Pembangunan Wanita, pusat ini berperanan sebagai pusat aduan setempat di mana khidmat kaunseling akan diberikan oleh kaunselor-kaunselor yang berkemahiran. Unit ini bekerjasama dengan agensi-agensi yang terlibat dalam pemberian khidmat bantuan dan sokongan kepada mangsa-mangsa keganasan seperti Polis Diraja Malaysia, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Kementerian Kesihatan dan hospital-hospital. Kes-kes keganasan termasuk rompakan dan penderaan yang di bawah kepada perhatian telah dilaporkan kepada unit kaunseling disalurkan kepada agensi-agensi yang berkaitan untuk tindakan lanjut.

Selain daripada itu pusat khidmat wanita yang dinamakan Rumah Nur telah ditubuhkan di setiap negeri untuk memberi khidmat bantuan kaunseling pada mangsa penderaan di negeri-negeri. Rumah Nur bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan dan NGO untuk mengatasi masalah-masalah berbangkit serta mendapatkan tempat perlindungan bagi mangsa-mangsa. Sekian, terima kasih.

Puan Siw Chun a/p Eam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya mengemukakan soalan tambahan. Adakah pihak Kementerian membuat pemantauan bagaimana penggunaan dan perkembangan terhadap persatuan-persatuan wanita yang telah diberi peruntukan dan sejauh manakah keberkesanannya? Terima kasih.

Datuk Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Siw Chun. Di dalam Jabatan Pembangunan Wanita kita mempunyai satu bahagian iaitu bahagian pemantauan yang mana bahagian ini sememangnya menjalankan pemantauan kepada peruntukan-peruntukan yang diberikan. Malahan pegawai-pegawai kita turun ke negeri-negeri bukan sahaja mendapat laporan daripada pihak-pihak NGO yang menjalankan kegiatan tetapi kita turun ke akar umbi melihat sejauh mana pelaksanaan yang dijalankan.

Buat masa ini pihak Kementerian amat berpuas hati dengan program-program yang dianjurkan oleh pihak NGO dan kami mengucapkan banyak terima kasih kerana kebanyakan pemimpin-pemimpin wanita yang ada di akar umbi yang kebanyakan mereka berada di dalam badan-badan bukan kerajaan ini telah menunjukkan komitmen yang sungguh membanggakan dalam mengadakan program untuk pembangunan wanita. Terima kasih.

[Soalan No. 6 – Yang Berhormat Puan Wan Ubaidah binti Omar tidak hadir]

7. **Dato' Lim Sing @ Lam Kam Sang** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sama ada Malaysia masih mengimport kayu balak dari Indonesia dan jika ada berapa jumlah kuantiti tahunan yang diimport.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Datuk Anifah Aman]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan Malaysia telah mengambil keputusan untuk mengharamkan pengimportan kayu balak dari Indonesia dan kayu bulat besar dan empat segi sama, LLS dari Indonesia yang masing-masing berkuat kuasa pada 25 Jun 2002 dan 1 Jun 2003. Ini adalah berikutan tindakan yang diambil oleh kerajaan Indonesia untuk mengharamkan pengeksporan kayu balak dari negaranya berkuat kuasa pada 8 Oktober 2001.

Keputusan ini juga diambil untuk melindungi kepentingan serta imej industri kayu-kayuan negara yang terjejas dengan tuduhan-tuduhan negatif pihak-pihak tertentu di luar negara termasuk pertubuhan bukan kerajaan, NGO, bahawa Malaysia terlibat dalam perdagangan balak haram daripada Indonesia. Mereka juga telah melabel Malaysia sebagai salah sebuah *laundering center* dengan izin bagi balak-balak haram dari Indonesia. Walau bagaimanapun, untuk menampung keperluan bahan mentah oleh industri pemprosesan kayu tempatan kerajaan masih memindahkan pengimportan kayu balak dan LLS dari negara-negara lain selain daripada negara Indonesia.

Di samping itu lesen import bagi kayu balak dan LLS hanya akan diberikan kepada pemohon-pemohon yang dapat membuktikan kesahihan sumber eksport bahan mentah tersebut. Mulai dari tarikh-tarikh tersebut tidak lagi pengimportan kayu balak pula dan LLS dari Indonesia dibenarkan. Malahan tiada lesen import dikeluarkan bagi pengimportan kayu balak bulat dan LLS dari Indonesia dan pihak penguat kuasa diarah meningkatkan usaha penguatkuasaan di pintu-pintu masuk negara ini bagi memastikan tiada kayu balak dari Indonesia memasuki negara kita, terima kasih.

Dato' Lim Sing @ Lam Kam Sang: Soalan tambahan saya, lain-lain daripada kayu balak adakah kayu papan diimport dari Indonesia?

Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Datuk Anifah Aman]: Tuan Yang di-Pertua, kita membenarkan dan lain-lain masuk ke negara kita. Cuma kayu balak bulat dan LLS sahaja dikecualikan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat hanya terdapat *money laundering* rupanya ada *timber laundering* pun. [Ketawa] Puan Jaya Partiban.

Puan Jaya Partiban: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, ada sedikit kesilapan, apa yang saya minta ialah 'adakah Kementerian akan mengkaji kemungkinan membenarkan', soalan saya nombor 8.

8. **Puan Jaya Partiban** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah kementerian akan mengkaji kemungkinan membenarkan pembantu rumah dari India bekerja di negara kita memandangkan mereka dapat menyesuaikan diri dengan mudahnya berasaskan konteks amalan agama, budaya dan makanan khususnya di kalangan keluarga majikan yang terdiri dari pengamal "vegetarian".

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Zin]: Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Senator. Pada masa ini kementerian tiada ada kajian yang dijalankan untuk membenarkan pengambilan pembantu rumah dari India tetapi kerajaan berpandangan negara sumber yang sedia ada bagi pembantu rumah dari Indonesia, Filipina dan Sri Lanka adalah mencukupi. Tentang makanan vegetarian ini, saya rasa Sri Lanka pun ada yang mengamalkan, terima kasih.

Dato' Arzmi bin Haji Abdul Hamid: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya mohon di sini sama ada terkeluar soalan saya ataupun terpulang pada Tan Sri sendiri. Soalan tambahan saya, berapakah jumlah sekiranya ada figure di sini, jumlah pembantu rumah yang pandai mengurus rumah sehingga berkahwin dengan majikan itu sendiri?

[Dewan gamat seketika dengan ketawa]

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Soalan ini *detail*, rekod perkahwinan pun saya mesti saya sampaikan juga. Ini adalah yang istimewa sehingga pembantu rumah boleh mengikat hati majikan, yang susah bagi kita majikan hendak mengikat hati pembantu rumah. Saya tidak dapat beri berapa ribu tetapi saya percaya bahawa di dalam negara kita ini, ramai di kalangan masyarakat kita yang menggunakan pembantu rumah daripada negara asing. Terima kasih.

9. **Dato' Lau Yin Pin @ Lau Yen Beng** minta Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi menyatakan langkah-langkah yang telah diambil untuk mempercepatkan pengeluaran 'strata title' untuk pembeli-pembeli pangsapuri memandangkan kebanyakan pembeli-pembeli masih lagi menunggu pengeluaran 'strata title' sehingga bertahun-tahun lamanya.

Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi [Dr. Tan Kee Kwong]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, masalah pengeluaran Hak Milik Strata boleh dikategorikan sebagai kegagalan untuk memohon Hak Milik Strata dan juga kelewatan di dalam peringkat pemprosesan permohonan. Pada amalannya kegagalan memohon Hak Milik Strata adalah disebabkan kurangnya kesedaran, minta izin *ignorance* oleh pemaju untuk memohon Hak Milik Strata. Bagi kes-kes kelewatan pengeluaran hak milik strata pula ia adalah disebabkan oleh permohonan yang dikemukakan adalah tidak lengkap dan tidak mematuhi kehendak undang-undang.

Sehubungan dengan itu, kerajaan dari masa ke semasa sentiasa membantu menyelesaikan masalah yang menyebabkan mereka gagal untuk memohon hak milik strata. Selain memberikan khidmat nasihat, kerajaan juga sentiasa memberikan bimbingan kepada kes-kes yang bermasalah ini dengan mengadakan mesyuarat-mesyuarat khas untuk membincangkan masalah-masalah mereka. Di peringkat kementerian pula, satu jawatankuasa khas yang dikenali sebagai Jawatankuasa Bersama Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah ditubuhkan. Penubuhan jawatankuasa ini antaranya adalah untuk membincangkan masalah-masalah yang berkaitan pengeluaran hak milik strata.

Di samping itu, kementerian ini sentiasa bertindak proaktif dengan memberikan khidmat nasihat kepada pemaju di dalam memberikan kesedaran tentang tata cara permohonan hak milik strata. Untuk makluman juga, Akta Hak Milik Strata sentiasa dikaji dan pindaan telah dan akan dilakukan dari masa ke semasa untuk mengatasi masalah kelewatan pengeluaran hak milik strata. Demi menjaga kepentingan pembeli agar hak mereka terpelihara, kerajaan juga telah melaksanakan Pusat Pemprosesan Setempat, dengan izin, *one stop agency* untuk mempercepatkan pengeluaran hak milik strata. Terima kasih.

Datuk Lau Yin Pin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Timbalan Menteri yang memberi jawapan yang begitu teliti. Soalan tambahan saya ialah, adakah benar pemaju biasanya enggan membuat permohonan *strata title*, oleh kerana mereka hendak terus menguruskan bangunan-bangunan seperti kondominium selepas projek itu siap. Terima kasih.

Dr. Tan Kee Kwong: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Jawapan pendek, ialah kadang-kadang sebab sekarang kita sudah tubuhkan satu Pusat Pemprosesan Setempat. Kalau butir-butir tidak lengkap, kita terus *reject* dan Menteri saya iaitu Yang Berhormat Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam sudah memberi arahan, sesiapa pemaju yang tidak mengikuti Akta Hak Milik Strata, kita akan mengambil tindakan yang keras. Terima kasih.

Datuk Nor Azah binti Awin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, kita telah diberitahu bahawa proses mengelektronikkan hak milik-hak milik sedang atau sudah dijalankan, sama ada sudah atau belum, harap pihak kementerian boleh jelaskan. Selain daripada *strata title* ataupun *certified title* ini apa yang juga merunsingkan pihak-pihak korporat misalnya pihak-pihak rakyat, pembeli, dari dahulu dan sekarang proses memindah hak milik itu masih memakan, minimumnya 3 bulan. Kalau kita tengok

dari segi negara maju, seseorang boleh memindah milik dalam jangka masa tiga hari kerana semua hak milik dielektronikkan. Bilakah tahapnya yang negara kita akan sampai ke tahap itu? Terima kasih.

Dr. Tan Kee Kwong: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi sedang melaksanakan satu proses Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer (SPTB) untuk Semenanjung Malaysia dengan menggunakan peruntukan lebih kurang RM250 juta. Fasa 1 sudah siap dan sekarang fasa 2 hampir siap..

Pandangan Ahli Yang Berhormat, kita ada masalah di dua negeri iaitu Johor dan Selangor. Di lain tempat tidak ada masalah, sebab beri contoh sekarang, sesiapa hendak semak butir-butir *title*, boleh pergi ke pejabat kita di Wilayah Persekutuan dan bayar RM30 selepas dapat kod nombor, boleh dapat butir-butir di dalam lima minit dengan Akta 400 *size print out*. Terima kasih.

10. **Datuk Agnes Shim Tshin Nyuk** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan apakah faktor yang menyebabkan masalah cetak rompak masih berleluasa walaupun syarikat rakaman telah pun bersetuju untuk menurunkan harga kaset, VCD, CD dan DVD 'ori'; apakah kerana penurunan ini hanyalah 'token' semata-mata dan sebenarnya menunjukkan ketidakhikhlisan syarikat rakaman tempatan untuk memerangi cetak rompak habis-habisan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Wong Kam Hoong]: Tuan Yang di-Pertua, perkembangan teknologi yang membolehkan bahan cetak rompak dihasilkan dengan mudah, cepat, murah dan berkualiti dan jurang perbezaan harga yang ketara. Antara produk tulen dengan produk cetak rompak adalah antara faktor yang menggalakkan aktiviti cetak rompak di negara ini.

Dari aspek ini, antara tindakan yang diambil oleh kementerian saya ialah mendapatkan kerjasama pihak industri supaya secara sukarela mengkaji semula struktur harga CD dan VCD, agar ia dapat dijual dengan harga yang mampu dibayar pengguna-pengguna dan sekali gus menyaingi harga produk cetak rompak. Namun begitu, tidak ada respons yang menggalakkan yang diberikan oleh pihak industri. Jika ada pun penurunan adalah dibuat untuk promosi-promosi tertentu dalam jangka masa yang pendek dan melibatkan tajuk-tajuk yang lama.

Oleh kerana tidak ada komitmen daripada pihak industri, kerajaan telah membuat keputusan untuk akan melaksanakan kawalan harga ke atas CD dan VCD mulai tahun hadapan. Kementerian yakin tindakan-tindakan penguatkuasaan yang konsisten, yang selari dengan usaha keluaran harga dan kempen-kempen kesedaran harta intelek akan dapat membanteras kegiatan cetak rompak dengan lebih berkesan. Kerajaan sebenarnya telah melaksanakan banyak tindakan bagi membanteras kegiatan cetak rompak.

Keseluruhannya, tindakan-tindakan yang diambil itu telah menyekat kegiatan tersebut daripada berkembang dan umumnya pada masa ini, aktiviti pengedaran CD dan VCD tidaklah lagi berlaku secara berleluasa. Kementerian akan terus memberi perhatian di dalam memerangi kegiatan tersebut. Sekian, terima kasih.

11. **Tuan Wee Kok Tiong** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kementerian untuk menjadikan kawasan berdekatan dengan *Bakun Reservoir* sebagai sebuah pusat pelancongan setelah projek hidroelektrik tersebut siap.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Datuk Fu Ah Kiow]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan bersama-sama dengan Kerajaan Negeri Sarawak mengambil maklum untuk membangunkan kawasan berdekatan *Bakun Reservoir* sebagai produk pelancongan apabila Projek Hidro-Elektrik Bakun siap kelak. Sesungguhnya ia mempunyai potensi untuk dibangunkan sebagai salah satu daya tarikan pelancongan di negeri Sarawak.

Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan negeri sedang merancang untuk mengadakan pelan induk pelancongan ketiga yang mana kajian ini nanti akan turut

memberikan fokus terhadap potensi-potensi produk pelancongan yang boleh dibangunkan terutama di kawasan tengah, termasuk kawasan Bakun negeri Sarawak. Kementerian percaya hasil dan cadangan dari kajian ini nanti boleh digunakan untuk merancang pembangunan pelancongan kursus di kawasan berdekatan *Bakun Reservoir*. Sekian, terima kasih.

12. **Puan Safinah binti Jusoh** minta Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga menyatakan adakah terdapat sebarang usaha daripada kementerian bagi memastikan maruah, keselamatan dan kebajikan banduan-banduan wanita di Malaysia terjamin.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga [Datuk Hajah Mastika Junaidah binti Husin]: Tuan Yang di-Pertua, kementerian tidak menyediakan program yang khusus kepada banduan-banduan wanita. Walau bagaimanapun, kementerian sebagaimana biasa menyediakan program-program peningkatan kemahiran kaunseling yang dijalankan sendiri atau dengan kerjasama dengan pertubuhan bukan kerajaan yang terbuka kepada semua golongan untuk mendapat perkhidmatan.

Dalam kes ini program peningkatan kemahiran adalah perlu untuk memudahkan mereka terutamanya bekas-bekas banduan untuk kembali kepada masyarakat. Saya percaya Kementerian Dalam Negeri yang bertanggungjawab mengenai perkara ini telah mengambil langkah yang mencukupi untuk memastikan keselamatan banduan-banduan ini terjamin dan kebajikan mereka terjaga dengan sewajarnya. Terima kasih.

Puan Lim Kee Moi: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah, sejauh manakah kejayaan yang telah dicapai oleh Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga dalam usaha bagi memastikan maruah, keselamatan dan kebajikan banduan-banduan wanita di Malaysia itu terjamin.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah pun terjawab, Yang Berhormat.

13. **Puan Ooi Siew Kim** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan setakat ini terdapat berapa ramai bilangan isteri warganegara asing di Malaysia dan dari negara manakah mereka ini berasal.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Senator, untuk makluman Yang Berhormat, kementerian hanya mempunyai maklumat berhubung dengan perkahwinan orang asing bukan Islam yang melibatkan perkahwinan orang asing dengan warganegara Malaysia. Pada tahun 2001 hingga September 2003, seramai 11,319 perkahwinan yang melibatkan orang asing dan warganegara Malaysia telah didaftarkan di negara ini. Kebanyakan mereka adalah berasal daripada negara Indonesia, Thailand, Singapura, Filipina, China, India, Taiwan dan terdapat juga dari negara-negara yang jauh dari rantau ini.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah kerajaan bercadang untuk menggunakan sebelas ribu yang disebut itu sebagai satu sumber pekerja bagi menampung keperluan-keperluan kita daripada beberapa sektor, memandangkan kerajaan masih kekurangan pekerja-pekerja yang ada kemahiran-kemahiran tertentu. Terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Senator, sahnya bahawa peluang pekerjaan bagi sebelas ribu ini adalah menjadi suri rumah tangga dan mereka dengan sendirinya dibenarkan bekerja di dalam rumah masing-masing. Akan tetapi untuk mendapat pekerjaan di tempat-tempat lain dan sekiranya mereka *specialize* dengan izin, ada kepakaran, ada kemahiran, ada juga sebahagian daripada mereka ini diberi pertimbangan tetapi tidak kepada individu yang tertentu. Saya akui bahawa ini merupakan sumber tetapi hanya kepada sumber yang tertentu sahaja.

14. **Dato' Dr S. Vijayaratham** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh kerajaan untuk mengatasi masalah pencemaran pantai-pantai peranginan di Pantai Barat Semenanjung Malaysia oleh

minyak dan sisa-sisa daripada buangan kapal-kapal yang menggunakan laluan di Selat Melaka.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Zainal bin Dahalan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar melalui Jabatan Alam Sekitar telah menguatkuasakan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 untuk mengatasi masalah pencemaran minyak dan pelepasan sisa-sisa dari buangan kapal-kapal yang menggunakan laluan Selat Melaka. Program pemantauan melalui udara, darat dan laut dengan kerjasama agensi-agensi penguat kuasa maritim seperti Jabatan Laut, Jabatan Alam Sekitar, Polis Marin, Jabatan Perikanan dan sebagainya dilaksanakan secara bersama sebagai langkah mencegah berlakunya pencemaran di perairan Malaysia.

Di samping Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, terdapat beberapa undang-undang dan peraturan lain yang berkaitan dengan pencemaran marin yang dikuatkuasakan oleh beberapa agensi maritim yang lain termasuklah:

- (i) Akta Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) 1984, seksyen 10 (Kesalahan Kerana Membuang atau Melepaskan Bahan-bahan Tertentu);
- (ii) Akta Pelantar Benua 1966; dan
- (iii) Ordinan Perkapalan Saudagar 1952.

Bagi mengatasi masalah pencemaran minyak yang besar apabila berlaku pelanggaran kapal tangki misalnya, Jabatan Alam Sekitar juga telah menyediakan Rancangan Kontigensi Kebangsaan Kawalan Tumpahan Minyak untuk diguna pakai sebagai panduan semasa bertindak melawan tumpahan minyak sedemikian. Jabatan Alam Sekitar juga telah menyediakan Garis Panduan Penyediaan Pelan Tindakan Pembersihan Pantai dan Pelupusan Sisa Berminyak di peringkat negeri dan daerah bertujuan untuk dijadikan panduan kepada pihak-pihak berkuasa kerajaan negeri, pejabat daerah dan pihak berkuasa tempatan dalam penyediaan pelan tindakan pembersihan pantai dan pelupusan sisa berminyak bagi kawasan masing-masing apabila tumpahan minyak merebak sehingga ke pantai.

Dua buah pelan tindakan pembersihan pantai telah pun diguna pakai oleh negeri iaitu negeri Melaka dan Negeri Sembilan. Setakat tahun 2002 dan sehingga Oktober 2003, sebanyak enam buah lagi pelan tindakan pembersihan pantai peringkat negeri sedang dalam proses penyediaan iaitu bagi negeri Johor, Perak, Pulau Pinang, Kedah dan Wilayah Persekutuan Labuan. Terima kasih.

Dato' Dr. S. Vijayaratnam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat di atas jawapan beliau. Saya minta Yang Berhormat kalau boleh memberi angka-angka anggapan ataupun *estimated figure*, berapa kapal-kapal atau syarikat-syarikat perkapalan dapat ditangkap dan dibawa ke mahkamah atas kesalahan pencemaran pada tahun 2002 dan tahun ini? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sebab soalan tambahan ini memerlukan statistik dan

Dato' Zainal bin Dahalan: Saya minta notis...

Tuan Yang di-Pertua: ...adalah tidak adil bagi saya meminta supaya Yang Berhormat memberi statistik di bawah soalan tambahan secara serta-merta. Yang Berhormat mempunyai hak untuk memohon notis.

Dato' Zainal bin Dahalan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon notis.

15. **Datuk William Lau Kung Hui** minta Menteri Pengangkutan menyatakan, apakah peranan pihak kementerian dalam meluluskan jadual penerbangan dan laluan syarikat-syarikat penerbangan domestik memandangkan waktu yang sedia ada tidak memudahkan orang ramai untuk merancang waktu perjalanan seperti mana yang berlaku bagi laluan penerbangan sektor Kuala Lumpur-Sibu-Kuala Lumpur dan adakah pihaknya

sedar masalah yang dihadapi oleh para penumpang dan apakah tindakan segera yang akan diambil untuk mengatasi masalah tersebut.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua, mana-mana laluan sama ada domestik atau antarabangsa yang ingin dikendalikan oleh Penerbangan Malaysia (MAS) ataupun syarikat-syarikat penerbangan tempatan lain, hendaklah mendapat kelulusan pihak Kementerian Pengangkutan terlebih dahulu. Bagi jadual penerbangan pula, ia secara amnya dirancang dan ditetapkan oleh syarikat-syarikat penerbangan masing-masing.

Dalam hal ini iaitu dalam usaha menyediakan jadual penerbangan termasuk bagi sektor Kuala Lumpur–Sibu, pergi balik, beberapa faktor biasanya diambil kira. Di antaranya menentukan permintaan terhadap perkhidmatan tersebut adalah dengan izin, *viable* supaya kekerapan penerbangan dapat diselaraskan, menentukan bahawa penjadualan perkhidmatan itu memenuhi keperluan penumpang untuk membuat penerbangan sambungan dan juga menentukan bahawa terdapat jumlah pesawat yang mencukupi untuk mengadakan perkhidmatan tersebut. Pada masa ini perkhidmatan yang disediakan bagi sektor Kuala Lumpur–Sibu pergi balik diadakan berdasarkan faktor-faktor tersebut.

Berhubung dengan pemerhatian bahawa waktu perjalanan sektor Kuala Lumpur–Sibu tidak memudahkan orang ramai bagi merancang waktu perjalanan, ingin saya memaklumkan bahawa pada masa ini penerbangan bagi sektor Kuala Lumpur–Sibu disediakan oleh MAS serta Air Asia iaitu pada waktu yang ditetapkan pada 8.10 pagi dan 7.45 pagi masing-masing dari Kuala Lumpur ke Sibu dan pada 9.10 pagi dan 10.05 pagi bagi sektor Sibu ke Kuala Lumpur. Memandangkan itu adalah tidak sukar untuk penumpang merancang waktu perjalanan oleh sebab waktu penerbangan memang tetap telah ditetapkan seperti mana yang dinyatakan.

16. **Tuan R. Sinniah** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, apakah tindakan yang telah diambil oleh kerajaan untuk mengawasi kegiatan anasir-anasir keganasan dalam negeri dan apakah hubungan mereka dengan kumpulan-kumpulan pengganas di luar negara.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan mengambil usaha dan tindakan yang berterusan dalam memantau kegiatan-kegiatan militan serta yang berunsur keganasan. Di antara langkah-langkah yang diambil ialah dengan mengadakan kerjasama dengan agensi-agensi keselamatan dalam pertukaran maklumat risikan, latihan dan operasi bersama. Kawalan keselamatan di pintu-pintu masuk negara juga diperketat. Unsur-unsur atau elemen yang disyaki akan dipantau bagi memastikan kegiatan keganasan tidak berlaku dalam negara ini. Sejak tahun 2001, dua kumpulan yang dikenal pasti terlibat dengan kegiatan militan serta keganasan ialah Kumpulan Militan Malaysia (KMM) dan Jemaah Islamiah (JI). Kumpulan Militan Malaysia (KMM) merupakan satu kumpulan tempatan yang tidak berhubung kait dengan mana-mana kumpulan pengganas antarabangsa.

Bagi Jemaah Islamiah pula, terdapat setengah ahlinya yang berhubung dengan ahli-ahli Jemaah Islamiah dan oleh kerana pernah menghadiri usrah atau ceramah agama yang diberikan oleh Abu Bakar Bashir, pemimpin Jemaah Islamiah di Indonesia ketika beliau berada di Malaysia. Namun begitu, Kumpulan Jemaah Islamiah di Malaysia tidak mempunyai hubungan secara langsung dengan pertubuhan pengganas antarabangsa.

Dato' Mohamad Taha Ariffin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Adakah kementerian berpuas hati dengan sumber yang ada termasuk *manpower* untuk kita menghadapi cabaran-cabaran seperti ini?

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Menjadi amalan kita untuk memantau dan merisik. Walaupun kita telah mengetahui dalam anggapan kita memuaskan, tetapi pada keseluruhannya kita terus merisik dan terus memantau supaya kejadian yang berlaku tidak akan menjejaskan keseluruhan keselamatan dan pembangunan negara ini.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sejauh manakah kegiatan anggota-anggota kumpulan yang dianggap sebagai pengganas ini

dibayangi ataupun terlibat secara langsung dengan parti politik dalam negara ini? Terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Kumpulan minta maaf. Tuan Yang di-Pertua, kumpulan apa, saya tak *clear*.

Tuan Yang di-Pertua: Sila ulangi. Soalan tambahan.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Kumpulan yang dianggap sebagai pengganas.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Kumpulan yang dianggap sebagai pengganas ialah kumpulan-kumpulan yang boleh membawa kepada suatu tindakan yang kasar, yang boleh merosakkan perhubungan individu, yang boleh merosakkan pembangunan sosial dan pembangunan ekonomi dalam negara ini, dan kerosakan ini boleh menjejaskan kepercayaan negara asing terhadap keselamatan dalam negara kita. Inilah kumpulan pengganas, kalau tidak, kita anggapkan dia sebagai suatu gerakan *gangsterism* yang kecil.

17. **Tuan Poh Mok Hua** minta Menteri Pendidikan menyatakan untuk meningkatkan mutu pelajaran, murid-murid SJK(C) hendaklah lulus semua mata pelajaran dalam UPSR untuk terus masuk ke Tingkatan Satu manakala yang lain dimasukkan ke Sekolah Teknik. Adakah kementerian bersetuju untuk mempertimbangkan cadangan ini. Jika bersetuju bilakah ia akan dilaksanakan.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Poh Mok Hua. Murid-murid Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) dibenarkan terus masuk ke Tingkatan Satu Sekolah Menengah Kebangsaan tanpa melalui Kelas Peralihan sekiranya lulus sekurang-kurangnya Gred C dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dalam UPSR ataupun Penilaian Kemajuan Berasaskan Sekolah iaitu PKBS di Tahap 2 iaitu Tahun 4, 5 dan 6 dan berkebolehan berkomunikasi dengan baik dalam Bahasa Melayu khususnya kemahiran bertutur dan menulis.

Buat masa sekarang untuk makluman Yang Berhormat, murid-murid yang ingin masuk ke Sekolah Menengah Teknik hanyalah ditawarkan kepada murid-murid lepasan PMR sahaja. Terima kasih.

Tuan Poh Mok Hua: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, jika boleh memberi tahu berapa peratus pelajar yang tercicir daripada sekolah menengah. Ini maksud saya murid-murid daripada Sekolah Jenis Kebangsaan Cina masuk ke sekolah menengah, berapa peratus yang cicir mulai daripada tahun 2000 hingga ke 2002.

Tuan Yang di-Pertua: Sekali lagi permohonan untuk mendapatkan statistik kalau Yang Berhormat ada boleh beri. Kalau tiada, boleh mohon notis. Tak perlu malu.

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak pernah berasa malu dalam hal kemasyarakatan seperti ini asalkan baik. [*Tepuk*] Saya mohon notis, namun demikian untuk pengetahuan Yang Berhormat, kelulusan anak-anak daripada Sekolah Cina yang masuk ke sekolah menengah pada lazimnya adalah memuaskan dan baik. Terima kasih.

18. **Datuk Dr Haji Haris bin Haji Salleh** minta Menteri Kesihatan menyatakan secara perbandingan kos rawatan kelas satu hospital kerajaan dengan kos rawatan yang sama di hospital swasta terkemuka termasuk "*gastroscopy*", "*colonoscopy*", "pembedahan *appendix*", "*cataract*", "*coronary*", "pembedahan *laserian*", "berkhatan", "bersalin secara normal" dan lain-lain rawatan dan prosedur.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan S.G. Sothinathan]: Tuan Yang di-Pertua, pesakit yang dirawat di hospital kerajaan dikenakan caj mengikut Perintah Fi Perubatan 1982. Perintah Fi tersebut disediakan mengikut caj wad, rawatan, penyiasatan dan pembedahan mengikut Kelas 1, 2 dan 3.

Senarai rawatan prosedur dan pembedahan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat terkandung dalam klasifikasi pembedahan 'Jenis A'. Kos rawatan bagi caj pembedahan termasuk *anaesthesia* mengikut Kelas 1 adalah RM3,000 tidak termasuk caj wad di mana caj telah ditetapkan dari RM30 sehari bagi tiga katil dalam satu bilik dan RM80 bagi satu katil dalam sebilik dan juga caj penyiasatan dan rawatan.

Caj rawatan di hospital swasta akan dikawal di bawah Peraturan Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Swasta. Jadual Fi yang digubal di bawah peraturan tersebut bertujuan untuk mengawal kos rawatan yang dikenakan oleh pihak hospital swasta. Senarai rawatan, pembedahan dan prosedur tersebut terkandung dalam klasifikasi kompleks *Major Plus Four* dalam jadual tersebut. Caj rawatan yang ditetapkan merangkumi caj profesional sahaja dan caj profesional bagi pakar bedah adalah RM5,220 dan bagi pakar *anaesthesia* ialah RM2,560. Caj ini tidak termasuk caj wad, penyiasatan dan rawatan. Secara umum, caj yang dikenakan di hospital kerajaan adalah sepertiga atau setengah dari caj yang dikenakan oleh hospital swasta.

Dato' Dr. S. Vijayaratnam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya harap soalan saya ini tidak terkeluar sedikit. Jika seorang asing ataupun *foreigner* minta rawatan di hospital-hospital kerajaan, bagaimanakah sistem caj untuknya.

Tuan S.G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, bagi rakyat asing memang ia terkandung dalam Jadual Fi juga dan ia adalah lebih tinggi berbanding dengan rakyat Malaysia, tetapi ia adalah jauh lebih murah berbanding dengan hospital swasta.

19. **Tuan Ismail bin Kassim** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan apakah persediaan yang telah dan akan diambil bagi menghadapi AFTA dan persaingan-persaingan yang mungkin wujud dalam sektor perdagangan antarabangsa negara.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Seri Kerk Choo Ting]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebagaimana yang telah diperjelaskan di Dewan yang mulia ini, Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN telah mula dilaksanakan secara berperingkat sejak tahun 1963. Pada 1 Januari 2003, enam anggota asal ASEAN iaitu Brunei, Filipina, Indonesia, Malaysia, Singapura dan Thailand telah pun melaksanakan AFTA sepenuhnya. Sementara empat negara anggota yang lain diberi jangka masa yang lebih panjang untuk melaksanakan AFTA iaitu Kemboja (Tahun 2010), Laos dan Myanmar (Tahun 2008) dan Vietnam (Tahun 2006).

Persediaan yang telah dan sedang diambil bagi menangani persaingan pelaksanaan AFTA termasuk menyediakan berbagai insentif khususnya bagi membolehkan industri-industri tempatan mengurangkan kos pengeluaran masing-masing. Ini termasuk:

- (a) pemberian tarif perintis;
- (b) memberikan elaun cukai pelaburan dan elaun cukai pelaburan semula;
- (c) pengecualian cukai import dan cukai jualan bagi pengimportan bahan-bahan mentah; dan
- (d) menyediakan insentif penyelidikan dan pembangunan.

Kerajaan juga telah menawarkan pelbagai bantuan teknikal melalui agensi-agensi di bawah MITI bagi membantu pihak-pihak industri meningkatkan produktiviti serta daya saing. Selain dari itu, pelbagai program telah dijalankan bagi meningkatkan kefahaman dan kesedaran ahli-ahli perniagaan dan pengusaha-pengusaha tempatan mengenai peluang-peluang dan cabaran-cabaran AFTA.

Ini termasuk memberi penerangan mengenai AFTA melalui seminar-seminar dan taklimat yang dianjurkan oleh pihak kementerian, jabatan-jabatan dan agensi-agensi kerajaan serta sektor swasta. Persaingan yang wujud bagi industri tempatan dalam arena perdagangan antarabangsa masa kini termasuk:

- (i) lebih saingan dari pengeluar kos rendah;
- (ii) keupayaan daya saing semakin kurang terutamanya industri-industri eksport tradisional dan industri-industri kecil dan sederhana yang berasaskan sumber asli, berintensif buruh dan berteknologi rendah; dan
- (iii) pemansuhan perlindungan seperti status monopoli.

Sehubungan ini, syarikat-syarikat Malaysia perlu terus meningkatkan daya saing melalui:

- (i) meningkatkan kecekapan dan kreativiti;
- (ii) pengurusan kos dan kualiti yang lebih baik;
- (iii) mempertingkatkan teknologi dan kepakaran;
- (iv) penstrukturan dan rasionalisasi industri;
- (v) pembuat produk tambah nilai tinggi;
- (vi) pembangunan dan reka bentuk produk; dan
- (vii) penggabungan dan pemindahan lokasi perniagaan negara-negara ASEAN yang lain untuk mendapatkan kelebihan daripada skel pemuatan lebih besar, sumber hasil mentah lebih banyak dan murah, peluang mendapatkan modal, teknologi dan tenaga mahir dan berkongsi pasaran.

Salah satu inisiatif yang akan diusahakan di peringkat serantau bagi menjamin daya saing syarikat tempatan adalah konsep persyarikatan ASEAN atau ASEAN Incorporated, dengan izin. Konsep ini yang dicadangkan oleh Malaysia bertujuan untuk mempertingkatkan kerjasama lebih erat antara pihak kerajaan dengan sektor swasta negara-negara anggota ASEAN bagi membantu syarikat-syarikat serantau memperkembangkan pasaran mereka di peringkat global. Mesyuarat pertama Persyarikatan ASEAN dijangka akan diadakan pada awal tahun 2004. Sekian, terima kasih.

20. **Tuan Lee Sing Chooi** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan bilangan sungai di negara kita yang tercemar dan pencemaran yang sudah melepasi tahap piawai yang ditetapkan oleh Kementerian Sains Teknologi dan Alam Sekitar.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Zainal bin Dahalan]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa berdasarkan kepada data Pengawasan Kualiti Air Sungai tahun 2002, bilangan sungai yang tercemar di seluruh negara adalah 14 buah sungai (11%), manakala 63 lembangan sungai adalah bersih dan 43 (36%) lembangan sungai adalah di bawah kategori sederhana tercemar. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kali ini permohonan statistik termasuk dalam soalan asal, maka dibenarkan. Masa tamat untuk pertanyaan-pertanyaan. Lebih banyak soalan dijawab, lebih menyerlahlah akauntabiliti dan ketelusan kerajaan.

[Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan telah tamat]

USUL

KAJIAN SEPARUH PENGGAL RANCANGAN MALAYSIA KELAPAN (2001-2005)

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguh atas "Usul Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelapan" **[18 November 2003]**

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta Yang Berhormat bagi pihak Kementerian Kewangan menjawab.

11.05 pagi.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh]: Bismillahir Rahmanir Rahim, Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelapan dan yang telah menyentuh perkara di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan. Saya akan memberi jawapan dan penjelasan kepada persoalan dan pertanyaan yang telah dibangkitkan di Dewan yang mulia ini. Bagi yang tidak sempat dijawab, perkara-perkara yang telah dibangkitkan itu akan diberi pertimbangan sewajarnya oleh Kementerian Kewangan.

Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng menyarankan supaya kerajaan lebih berhati-hati dengan perbelanjaan supaya mengambil kira keupayaan sebenar dan tidak melakukan pembaziran. Yang Berhormat juga menyarankan supaya pakej rangsangan pada masa akan datang dirancang dengan teliti dengan melihat semua aspek pelaksanaan bertujuan untuk mengurangkan aspek kelemahan pelaksanaan di samping memberi keutamaan kepada agenda sosial dalam pelaksanaan pakej rangsangan itu.

Kerajaan menyambut baik pandangan dan saranan Yang Berhormat berkaitan dengan hal ehwal pengurusan kewangan dan juga keprihatinan Yang Berhormat terhadap agenda sosial negara. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memanglah menjadi tanggungjawab kerajaan untuk memastikan bahawa perbelanjaan adalah mengikut peraturan dan berasaskan kemampuan kewangan kerajaan. Justeru itu, kerajaan sentiasa mengambil langkah berhati-hati dalam berbelanja dan memantau perbelanjaan dari masa ke semasa bagi memastikan segala peraturan dipatuhi.

Langkah kerajaan menguruskan kewangan dengan berkesan telah membolehkan ekonomi berkembang dengan kukuh di mana pertumbuhan ekonomi adalah mapan, paras hutang negara terkawal dan kadar khidmat hutang yang rendah. Kerajaan juga sedang berusaha melaksanakan konsolidasi fiskal di mana perbelanjaan dikawal dan defisit fiskal kerajaan dikurangkan secara beransur-ansur untuk mencapai bajet berimbang pada tahun 2006.

Berhubung dengan pakej rangsangan, kerajaan yang sentiasa prihatin ini melaksanakan satu pakej rangsangan ekonomi dalam keadaan tertentu. Contohnya, apabila berlaku kemelesetan ekonomi akibat daripada krisis kewangan, wabak penyakit atau pergolakan geopolitik memberi kesan meluas ekonomi global dan turut mengancam ekonomi negara, langkah-langkah ini bertujuan mengekalkan paras pertumbuhan di samping mengurangkan kesan negatif kepada ekonomi. Kerajaan tidak bercadang untuk menjadikan ini satu amalan, sebaliknya hanya dilaksanakan apabila benar-benar perlu dan negara mempunyai kemampuan kewangan untuk melaksanakannya.

Walaupun pakej rangsangan ekonomi bertujuan merancakkan aktiviti ekonomi, kerajaan yang mempunyai penuh prihatin masih memberi perhatian terhadap kesejahteraan rakyat. Misalnya pakej strategi baru yang diumumkan pada bulan Mei tahun ini turut memperkenalkan langkah menyediakan perumahan mampu milik. Pelepasan cukai anak

daripada RM800 kepada RM1,000 serta galakan cukai kepada majikan untuk menubuhkan pusat penjagaan kanak-kanak di tempat kerja. Di samping itu, bagi membantu ibu tunggal mengusahakan perniagaan, dana khusus sebanyak RM100 juta disediakan di bawah Kredit Mikro Desa, sementara mereka juga akan diberi keutamaan dan diskaun sebanyak 20% untuk membeli rumah kos rendah dan sederhana.

Selain daripada itu, untuk meningkatkan pembangunan sumber manusia beberapa insentif telah pun diberi di samping melaksanakan pelbagai projek pertanian di luar bandar. Aspek kelemahan pelaksanaan juga diberi perhatian melalui pelaksanaan pelbagai langkah, mengurangkan kerenah birokrasi dan meningkatkan sistem serahan atau dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, *delivery system* melalui penurunan kuasa kepada kementerian atau agensi serta mempercepatkan pengeluaran dan pembayaran kepada kontraktor. Sehubungan itu, beberapa surat pekeliling telah dipinda dan akan dikeluarkan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk William Lau Kung Hui dalam pembahasannya telah menyentuh perkara berhubung dengan kedudukan sebenar pinjaman tabung perkapalan bernilai RM1 bilion bagi membantu sektor perkapalan dan setakat mana ia telah mencapai matlamat. Suka saya menjelaskan bahawa tabung perkapalan baru ditubuhkan oleh kerajaan dengan nilai RM1 bilion bertujuan untuk meningkatkan sektor perkapalan yang berpotensi dan berdaya maju. Matlamatnya ialah untuk membantu syarikat perkapalan memperolehi kapal sama ada baru ataupun terpakai sekali gus menambah bilangan kapal dengan keupayaan perkapalan di negara kita.

Yang Berhormat Datuk William Lau Kung Hui juga telah membangkitkan mengenai insentif dan perlindungan untuk industri perkapalan tempatan. Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini telah pun terdapat satu jawatankuasa khas yang diurusetikan oleh Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) untuk meneliti isu-isu berhubung dengan perlindungan cukai. Dengan itu, isu yang dibangkitkan itu akan dikemukakan untuk dikaji oleh jawatankuasa berkenaan yang baru ditubuhkan itu.

Yang Berhormat Tuan Ismail bin Kasim mencadangkan kerajaan mempertingkatkan insentif kepada industri teknologi tinggi. Pada masa ini kerajaan telah menyediakan insentif cukai bagi menggalakkan syarikat menjalankan projek teknologi tinggi seperti pengecualian cukai 100% selama lima tahun atau elaun cukai pelaburan 60% ke atas perbelanjaan modal yang layak ditolak sehingga 100% pendapatan *statutory* dalam tempoh lima tahun. Insentif yang diberikan ini adalah lebih baik daripada insentif cukai yang diberikan untuk projek biasa yang digalakkan. Bagi projek biasa bukan berteknologi tinggi pengecualian cukai pendapatan ialah 30% selama lima tahun atau elaun cukai pelaburan 60% ke atas perbelanjaan modal yang layak ditolak sehingga 70% pendapatan *statutory* dalam tempoh lima tahun.

Di samping itu kerajaan juga menyediakan pakej galakan istimewa, di mana syarikat sendiri menyediakan pakej galakan yang diperlukan bagi projek dan dikemukakan untuk pertimbangan kerajaan. Setiap permohonan bagi galakan ini akan dipertimbangkan berdasarkan meritnya. Syarikat yang ingin menjalankan projek berteknologi tinggi juga boleh memohon insentif di bawah Skim Pakej Galakan Istimewa ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Ismail bin Kasim juga meminta supaya di masa hadapan, perancangan terperinci dibuat dalam pembahagian kredit mikro bagi memastikan mereka yang diberi pinjaman berupaya membayar balik. Terima kasih kepada Yang Berhormat yang prihatin tentang perkara ini. Memang menjadi hasrat ikhlas kerajaan untuk menyediakan pinjaman kecil bagi membantu pengusaha yang benar-benar ingin berniaga.

Oleh sebab itu kaedah dan syarat pinjaman telah dipermudahkan berbanding dengan peraturan yang dikenakan oleh institusi kewangan atau bank perdagangan. Kalau dulu, orang kampung berjumpa Ahli Yang Berhormat, mengatakan apabila hendak meminjam duit daripada bank selalunya bank menanyakan mengenai *collateral*. Orang kampung kata, "colateralnya tidak ada, kolesterol dia banyak". [Ketawa]

Jadi, oleh itu kaedah dan syarat ini dipermudahkan, tetapi kerajaan berharap kemudahan ini tidak disalahgunakan. Adalah penting bagi peminjam pinjaman untuk membayar balik pinjaman mengikut jadual supaya lebih ramai lagi rakan peniaga mendapat

peluang untuk meminjam dan memajukan perniagaan. Di kawasan saya, Tuan Yang di-Pertua, saya panggil mereka, sembahyang bersama-sama sebelum membuat pinjaman, untuk pinjaman TEKUN misalnya, dan kita bacakan dalam surah Al-Baqarah ayat 282 yang bermaksud, "*Hai orang-orang yang beriman, apabila kamu berpiutang dengan suatu piutang hingga masa yang ditetapkan, hendaklah kamu tuliskan, dan orang yang berhutang wajib membayar hutangnya dan menepati janjinya*".

Bank Pertanian Malaysia dan Bank Simpanan Nasional telah mengambil tindakan sewajarnya dengan perancangan terperinci dibuat dan dalam memberi pinjaman kredit mikro kepada mereka yang benar-benar layak dan mampu membayar balik. Antara tindakan yang diambil ialah memastikan dokumen permohonan adalah lengkap, menemu duga pemohon, melawat tapak projek dan premis penjagaan di samping mengkaji dan memastikan projek yang berdaya maju sehingga dibiayai.

Dalam memproses pinjaman, penyata pendapatan atau aliran tunai perniagaan digunakan bagi menilai kemampuan permohonan membayar balik pinjaman. Kutipan bayaran balik juga dibuat di premis perniagaan bagi memastikan pembayaran balik dibuat dengan sempurna. Jadi, *cash flow analysis*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, aliran tunai perniagaan itu adalah penting. Kalau misalnya orang bela ayam, ayam dia boleh dijual dalam masa empat bulan, maka janganlah baru dua bulan sudah datang kerana ayam belum boleh dijual. Kalau bank, datang setelah enam bulan, duit pun sudah tidak ada kerana ayam sudah habis dijual. Jadi *cash flow analysis* itu penting untuk memastikan mereka dapat membayar balik pinjaman itu.

Untuk makluman Yang Berhormat, prestasi pembayaran balik kredit mikro sehingga kini adalah baik. Pada akhir bulan Oktober 2003, bayaran balik yang diterima oleh BSN ialah sebanyak RM6.4 juta, ataupun 92 peratus daripada jumlah bayaran balik yang sepatutnya diterima. Bagi Bank Pertanian Malaysia, setakat 16 November 2003, bayaran balik pinjaman adalah sebanyak RM20.5 juta, ataupun 88.3 peratus daripada jumlah bayaran balik yang sepatutnya diterima. Adalah diharapkan semua peminjam menunaikan tanggungjawab mereka untuk membayar balik pinjaman yang telah diberikan.

Satu kajian perbandingan telah dibuat semasa kita memberikan pinjaman Amanah Ikhtiar Malaysia di antara peminjam lelaki dengan peminjam perempuan. Alhamdulillah, peminjam perempuan ini taat, Tuan Yang di-Pertua. Mereka membayar balik sampai 98 peratus, [*Tepuk*] tetapi peminjam lelaki ini sembelit sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Ismail bin Kasim juga berharap kontraktor tempatan diberi peluang mendapatkan projek yang ditawarkan melalui tender terbuka yang kebiasaannya diperolehi hanya oleh kontraktor asing kerana kelebihan mereka dari segi pengalaman. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, semua tender kerajaan dipanggil secara tempatan, kecuali bagi kontrak di mana kontraktor tempatan tidak mempunyai kemahiran ataupun kepakaran yang ditetapkan. Dalam kes sedemikian, tender antarabangsa akan dipelawa. Bagaimana pun kerajaan mensyaratkan bahawa jika tender antarabangsa dipelawa untuk projek kerja, kontraktor asing dikehendaki melaksanakan kerja secara usaha sama dengan kontraktor tempatan bagi tujuan memperolehi kepakaran, kemahiran dan pemindahan teknologi.

Begitu juga dengan projek-projek yang disenggarakan, misalnya di Sabah dan Sarawak, kita utamakan kontraktor daripada Sabah ataupun kontraktor daripada Sarawak. Sekiranya kontraktor daripada Sabah dan Sarawak tidak kompeten, maka kita arahkan supaya kontraktor yang berkenaan membuat *joint-venture* dengan kontraktor Semenanjung supaya mendapat pengalaman-pengalaman ditimba daripada projek yang berkenaan.

Yang Berhormat Datuk Nor Azah binti Awin meminta supaya penggunaan barangan tempatan dalam perolehan kerajaan disegerakan. Untuk makluman Yang Berhormat, perkara ini telah pun dilaksanakan oleh Kementerian Kewangan yang mana penggunaan bahan barangan atau perkhidmatan tempatan adalah diwajibkan dalam perolehan kerajaan. Malahan mengikut peraturan yang ada sekarang, perolehan melalui import hanya akan dipertimbangkan setelah dipastikan ia tidak boleh diperolehi secara tempatan.

Kerajaan juga sedang melaksanakan langkah untuk memastikan *local content* diambil kira dalam penilaian projek perolehan kerajaan. Spesifikasi yang disediakan dalam semua projek perolehan kerajaan hendaklah bersesuaian dan berlandaskan bahan ataupun barangan tempatan yang berasaskan Standard Malaysia ataupun MS, yang dikeluarkan oleh Jabatan Standard Malaysia, iaitu JSM. Berhubung dengan senarai barangan tempatan, Kementerian Kewangan telah melantik Ikram QA Services Sdn. Bhd. untuk mengeluarkan senarai bahan atau barangan binaan tempatan dan SIRIM QA Services Sdn. Bhd. untuk mengeluarkan senarai bahan barangan buatan tempatan. Senarai-senarai ini hendaklah dipatuhi oleh agensi kerajaan dalam melaksanakan perolehan barangan dan oleh kontraktor yang melaksanakan projek-projek kerajaan itu. Tindakan boleh dikenakan terhadap agensi atau kontraktor yang tidak mematuhi peraturan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan dan mengemukakan pandangan serta saranan, terutamanya yang mana di bawah tanggungjawab Kementerian Kewangan. Dalam hubungan ini, Kementerian Kewangan akan mengambil tindakan atas cadangan dan saranan yang membina oleh Ahli Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh minta penjelasan dengan syarat tidak begitu mengganggu daripada Yang Berhormat Menteri yang sedang menjawab. Saya memperingatkan perkara ini jika ada Ahli-ahli Yang Berhormat hendak mohon penjelasan. Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri.

11.18 pagi.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Zin]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah membahaskan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelapan, dan telah menyentuh perkara-perkara yang terletak di bawah bidang kuasa dan tanggungjawab Kementerian Dalam Negeri, dan saya akan memberi penjelasan mengenai perkara-perkara yang telah dibangkitkan.

Yang Berhormat Tuan M. Ratnam telah membangkitkan mengenai isu keganasan yang berlaku di negara kita, terutamanya di kalangan belia India. Yang Berhormat juga telah mempersoalkan adakah belia India semula jadi ganas. Rekod-rekod polis sejak tahun 1960-an, 1970-an dan 1980-an menunjukkan remaja India tidaklah seganas seperti yang dijangka, seperti apa yang telah dilihat dan dibaca di dalam akhbar pada setiap hari.

Saban hari terpampang dalam surat khabar kes jenayah remaja India. Apa yang menjadi kemusykilan ialah adakah belia-belia India yang menjadi anggota kumpulan haram begitu handal sehingga seluruh tenaga Polis Diraja Malaysia tidak dapat mengawal dan mengatasinya, atau memang tidak ada satu program yang khas untuk mengatasi masalah *gangsterism* di kalangan remaja India. Yang Berhormat Tuan Ratnam turut menyeru kepada pihak-pihak berkenaan untuk memberi tumpuan yang lebih serius kepada masalah sosial dan kerana banyak nyawa yang telah hilang. Beliau juga berpendapat kerajaan tidak boleh memandang remeh dan menganggap masalah ini boleh hilang begitu sahaja kerana tidak dilakukan sesuatu, remaja India akan menjadi satu beban kepada negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, masalah *gangsterism* di kalangan remaja India telah menjadi tumpuan dan mengenai masalah jenayah di kalangan remaja India juga lebih-lebih lagi apabila didapati golongan ini mula melibatkan diri dalam jenayah-jenayah kekerasan seperti jenayah keganasan, samun, bersenjata api yang tidak bersenjata api dan kes bunuh.

Adalah didapati kebanyakan kumpulan gangster India tertumpu di negeri-negeri seperti di Kuala Lumpur, Selangor, Pulau Pinang, Negeri Sembilan, Johor, Pahang, Melaka dan Kedah. Mereka menubuhkan kumpulan-kumpulan yang diberi nama ataupun yang diketahui dengan panggilan 'Gang 21', 'Gang 360', 'Gang 18', 'Gang 04', "*Indian Ducks*" dan sebagainya. Berdasarkan kes-kes fail polis mendapati individu-individu yang menjadi mangsa kepada keganasan *gangster* remaja India telah dibunuh atau dipukul dengan kejam seperti menetak mangsa menggunakan parang atau kapak, atau membakar mangsa.

Bagi mengatasi masalah jenayah di kalangan remaja India pihak Polis Diraja Malaysia telah melancarkan operasi khas bagi tujuan untuk menangkap semua ahli *gangster* dan menghapuskan gejala *gangsterism* dari terus wujud di seluruh pelosok negara. Untuk tujuan tersebut Polis Diraja Malaysia telah melancarkan satu operasi yang dinamakan...

Tuan Ismail bin Kasim: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Ismail bin Kasim.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Nanti saya beri habis sekejap, Tuan Yang di-Pertua....Polis Diraja Malaysia telah melancarkan satu operasi yang dinamakan *Ops Copperhead*. Melalui *Ops Copperhead* statistik remaja India dikenal pasti terlibat di dalam jenayah kekerasan seperti jenayah keganasan samun bersenjata api, tidak bersenjata api dan bunuh hingga tahun 2002 adalah seperti berikut:- ...

Tuan Yang di-Pertua: Sila, Yang Berhormat.

Tuan Ismail bin Kasim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua..

Tuan Yang di-Pertua: Kita sambung seperti berikut supaya "seperti berikut" itu jangan terganggu.

Tuan Ismail bin Kasim: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana memberi peluang laluan kepada saya sedikit untuk mendapatkan penjelasan. Ada setengah di kalangan anggota yang terlibat dalam *gangsterism* ini mendakwa pergerakan kumpulan mereka adalah di bawah kawalan orang-orang berpengaruh, orang-orang penting dan ada setengahnya mendakwa mereka dikawal oleh orang-orang atau tokoh-tokoh penting dalam masyarakat, orang politik dan sebagainya. Apa pandangan Yang Berhormat berhubung dengan perkara ini?

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, tuduhan boleh dibuat bagi menyelamatkan diri masing-masing. Saya juga ingin menekankan kepada Yang Berhormat supaya pada satu hari jangan nama Yang Berhormat juga dibabitkan sebagai orang yang melindungi perkara ini. Tetapi mana-mana sumber dalam bahasa Inggeris yang dikatakan *hearsay* dalam perkara ini menjadi pokok penyiasatan kita. Kalau orang-orang yang terlibat ini benar seperti yang telah dituduh ia juga akan diheret kepada pengadilan insya-Allah. Mereka biasanya menggunakan orang-orang tertentu bagi melindungi mereka, supaya orang-orang lain tidak akan mengganggu mereka. Polis Diraja Malaysia tidak akan mengenal bulu dan kedudukan, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang berikutnya.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Yang berikutnya ialah:-

Tahun	Bilangan orang
2000	229 orang
2001	199 orang
2002	239 orang

Ops Copperhead secara besar-besaran juga telah dilancarkan sebanyak dua kali iaitu pada 24 Jun hingga 6 Julai 2002 dan 14 April hingga 18 April, dengan tumpuan diberikan di negeri Selangor terutamanya di daerah Klang. Untuk makluman Yang Berhormat, daripada operasi tersebut seramai 181 orang telah ditahan. Pecahan mengikut bangsa adalah seperti berikut (*Ops Copperhead* bukan ditujukan khas belia-belia India sahaja):-

Bangsa	Bilangan
--------	----------

Melayu	11 orang
China	20 orang
India	65 orang
Pendatang Tanpa Izin	85 orang

Antara punca-punca penglibatan kaum India adalah kegiatan jenayah seperti berikut:-

- (i) kawasan penempatan penduduk India. Penempatan semula kawasan penduduk kaum India dari estet menjadi bandar telah menyebabkan terdapat penduduk kaum India merasa sukar untuk menyesuaikan diri dengan pembangunan;
- (ii) Pemuda-pemuda India terlibat di dalam jenayah pada amnya terdiri daripada mereka yang tidak mendapat pendidikan moral ataupun agama secukupnya. Taraf pendidikan yang rendah disebabkan penumpuan dan perhatian yang kurang daripada ibu bapa dan keluarga, menyebabkan mereka terjebak dengan melakukan kes-kes jenayah;
- (iii) Masalah kemiskinan menyebabkan mereka terpaksa bersaing dengan kaum-kaum yang lain. Ini menyebabkan ada di antara belia kaum India yang berpendapat melakukan jenayah adalah perkara yang paling mudah untuk mendapatkan kesenangan;
- (iv) Terdapat beberapa filem Tamil yang menampilkan hero yang memegang watak masing-masing, tetapi selalu memperoleh kemenangan antaranya watak seperti Rajeni Khanth - macam mana dia punya bunyinya Tuan Yang di-Pertua - TH Rajeni Khanth yang mempunyai ramai peminat di kalangan remaja India yang cenderung meniru watak negatif mendorong untuk terlibat melakukan jenayah kekerasan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa mencari jalan untuk menjalankan program-program pemulihan kepada remaja-remaja tanpa mengira bangsa. Agensi-agensi seperti Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat dan Kementerian Belia dan Sukan memainkan peranan dalam memastikan remaja-remaja bermasalah dapat diberi pemulihan yang sewajarnya. Suka saya memaklumkan kepada Yang Berhormat bahawa kerajaan telah menubuhkan satu jawatankuasa di bawah unit pepadanan tadbiran yang bertujuan untuk melaksanakan program-program bagi remaja India yang berisiko tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Safinah binti Jusoh seterusnya mengajukan persoalan mengenai pengisytiharan yang telah dibuat oleh kerajaan bahawa tahun 2015 adalah sebagai tahun sifar penagihan dadah. Pada masa ini didapati ramai penagih dadah di pusat-pusat serenti sehingga kaum lelaki pemuda lebih ramai di pusat serenti daripada di universiti. Yang Berhormat Puan Safinah binti Jusoh juga mencadangkan supaya kerjasama antara agensi-agensi kerajaan dan NGO seperti ADK, PDRM, dan PEMADAM dapat dipertingkatkan lagi.

Saya mengucapkan banyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Safinah binti Jusoh di atas keprihatinan beliau memberikan cadangan supaya usaha-usaha memerangi dadah perlu dipertingkatkan dan ditangani dengan lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya memaklumkan kepada Yang Berhormat sejak dadah diisytiharkan sebagai musuh nombor satu pada tahun 1983 kerajaan telah melaksanakan usaha-usaha memerangi dadah secara bersepadu dan terselaras. Berkat kerjasama dan usaha semua pihak kerajaan telah berjaya membendung gejala dadah daripada menjadi wabak dan bencana yang tidak terkawal. Kementerian Dalam Negeri

menerima baik cadangan Yang Berhormat Puan Safinah binti Jusoh supaya agensi-agensi kerajaan meningkatkan lagi kerjasama di kalangan masing-masing serta juga kerjasama dengan pihak NGO seperti PEMADAM agar langkah-langkah kerajaan mengawal dan seterusnya membanteras gejala dadah dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Suka saya mengambil kesempatan ini untuk menyeru kepada semua pihak termasuk ibu bapa, guru-guru, pensyarah-pensyarah, pemimpin-pemimpin masyarakat dan majikan agar dapat memberikan kerjasama yang sepenuhnya dan menjayakan usaha-usaha kerajaan untuk menghapuskan gejala yang masih dianggap musuh nombor satu di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kesempatan ini juga saya ingin menjawab soalan yang diwujudkan ataupun yang dimajukan oleh Yang Berhormat Wan Ubaidah Omar berhubung dengan penahanan 13 pelajar di bawah ISA.

- (i) Yang Berhormat meminta kerajaan mewujudkan bukti kepada rakyat supaya tidak menjadi *trauma* kepada pelajar-pelajar tersebut;
- (ii) Yang Berhormat meminta agar diberikan bukti kepada penahanan pelajar-pelajar tersebut;
- (iii) Yang Berhormat juga meminta kerajaan menyenaraikan negara-negara yang menjadi lubuk kepada pengganas dan dengan itu rakyat tidak menghantar anak-anak mereka belajar di negara tersebut.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat 13 orang pelajar warganegara Malaysia yang belajar di Pakistan telah ditangkap oleh pihak berkuasa Pakistan pada 10 November 2003 yang lebih awal di Pakistan tetapi telah kembali ke negara kita ditangkap di negara ini sebaik sahaja mereka tiba di tanah air.

Bagi menjawab soalan pertama, untuk makluman pihak Yang Berhormat, Ketua Polis Negara telah membuat kenyataan mengenai perkara ini. Dalam masa 48 jam, pihak polis telah memberitahu kepada keluarga secara lisan dan bertulis. Pengakuan ibu bapa juga telah diperolehi. Lawatan keluarga telah diadakan pada 14 November 2003, 17 November 2003, 18 November 2003 dan 19 November 2003 malahan sembilan keluarga telah berjumpa dan berpuas hati hasil daripada perjumpaan mereka dengan anak masing-masing.

Bagi menjawab soalan kedua, pada masa sekarang siasatan sedang dijalankan untuk mengenal pasti sama ada kesemua pelajar terbabit benar-benar terlibat dengan kegiatan militan. Sebarang tindakan terhadap pelajar-pelajar berkenaan adalah berlandaskan kepada bukti-bukti yang diperolehi sepanjang tempoh siasatan dijalankan.

Bagi menjawab soalan ketiga secara objektifnya, tiada terdapat negara-negara tertentu yang menjadi sarang pengganas atau kumpulan militan, memandangkan modus operandi rangkaian pengganas masa kini banyak didalangi oleh Pertubuhan Al-Qaeda dan mereka hanya beroperasi secara bersendirian, tidak tersusun dan tidak disokong oleh mana-mana negara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng membangkitkan mengenai pentadbiran lama seperti Yang Berbahagia Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri menjadi Ketua Pengarah Jabatan Imigresen, di mana banyak perubahan telah dilakukan, tetapi pentadbiran sekarang banyak berlaku kerana kerenah birokrasi. Yang Berhormat meminta agar diambil tindakan terhadap perkara ini. Kementerian Dalam Negeri mengambil maklum akan cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat, malahan Jabatan Imigresen Malaysia juga dari masa ke semasa cuba untuk mempertingkatkan imejnya.

Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga yang merangkap Menteri Dalam Negeri juga telah turut memandang serius akan perkara ini. Sebagai contohnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah pergi ke Jabatan Imigresen pada 13 November yang lalu, membuat lawatan meninjau

dengan izin, *spot check*. Pada masa yang sama pihak kementerian sentiasa meneliti dan memantau sekiranya terdapat masalah-masalah seperti masalah birokrasi sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mencadangkan beberapa perkara yang sesuai untuk mengatasi masalah yang dibangkitkan oleh rakyat kita yang menggunakan kemudahan Jabatan Imigresen ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Yaakob bin Haji Mohammad telah membangkitkan persoalan berhubung dengan masalah berbaris yang panjang seawal enam pagi untuk mendapatkan nombor giliran di kaunter pasport, di Jabatan Imigresen Malaysia. Masalah ini dikatakan boleh memberi peluang kepada Tonto untuk menjual nombor kepada orang ramai. Yang Berhormat mencadangkan agar Jabatan Imigresen Malaysia menggunakan *crisis management* pada waktu-waktu yang sesak. Seterusnya Yang Berhormat juga ingin mengetahui jumlah pasport antarabangsa yang telah dikeluarkan mengikut kaum sehingga Jun 2003.

Ahli Yang Berhormat, kesesakan yang berlaku di kaunter Jabatan Imigresen selalunya adalah bermusim terutamanya semasa cuti sekolah. Namun begitu pada hari-hari biasa selalunya ia tidak terlampau sibuk sebagaimana hari-hari cuti. Walau bagaimanapun pihak Jabatan Imigresen mengambil maklum mengenai perkara ini dan menyedari akan masalah kesesakan yang berlaku. Oleh kerana itu bagi mengelakkan kesesakan yang berlaku pada masa-masa akan datang, tindakan akan diambil oleh Jabatan Imigresen untuk membuka lebih banyak kaunter tambahan bagi menangani masalah tersebut.

Yang Berhormat Datuk Yaakob bin Haji Mohammad juga meminta statistik pasport antarabangsa yang telah dikeluarkan mengikut kaum sehingga Jun 2003. Untuk makluman Yang Berhormat, berikut adalah statistik terkini jumlah pasport antarabangsa yang telah dikeluarkan mengikut kaum sejak tahun 1998 sehingga Jun 2003. Tahun 1998 sehingga 2003, orang Melayu berjumlah 713,642, bagi orang-orang Cina ialah 2,205,292, bagi orang India 233,283. Kita tidak dapat berikan kepada orang-orang lain selain daripada tiga bangsa yang terbesar dalam negara ini.

Yang Berhormat Dato' Haji Arzmi Haji Abdul Hamid menyentuh tentang kemasukan buruh asing ini akan menjejaskan prestasi dari segi rakyat tempatan untuk bekerja. Kerajaan sentiasa sedar bahawa pekerja tempatan sentiasa diberi keutamaan untuk mendapat pekerjaan di dalam pelbagai sektor di negara ini. Walau bagaimanapun keperluan yang amat terdesak dari segi keperluan tenaga kerja di dalam pelbagai sektor seperti perladangan, pembinaan, pembuatan dan perkhidmatan menyebabkan kerajaan tidak ada pilihan melainkan membenarkan pekerja asing dari 12 buah negara sumber masuk ke negara ini untuk bekerja. Sumbangan mereka ini tidak dapat dinafikan dapat mempercepatkan pembangunan dan kemajuan ekonomi negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah pun menjawab perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator dan sekiranya terdapat perkara-perkara lain yang tidak disentuh dan tidak dapat dijawab pada hari ini, pihak Kementerian Dalam Negeri akan mengambil tindakan yang sewajarnya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dijemput Yang Berhormat Timbalan Menteri.

11.37 pagi.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Peter Chin Fah Kui]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu Senator Tuan Ismail bin Kasim, Senator Dato' Dr. Chin Fook Weng, Senator Tuan M. Ratnam dan Senator Tuan R. Sinniah yang telah mengambil bahagian semasa membahaskan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelapan, yang menyentuh bidang tugas Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Ismail bin Kasim telah meminta agensi-agensi yang melaksanakan Program Perumahan Rakyat mengurangkan *red tape* atau kerenah birokrasi di dalam meluluskan projek. Untuk makluman Ahli Yang

Berhormat, di bawah Program Pembangunan Perumahan, kerajaan telah menetapkan matlamat untuk mencapai Setinggalan Sifar menjelang tahun 2005 dan Satu Rumah Satu Keluarga menjelang tahun 2020.

Oleh itu bagi mencapai matlamat tersebut, pelaksanaan Program Perumahan Rakyat sememangnya diberi laluan *fast track*, dengan izin oleh agensi-agensi kerajaan memandangkan Program Perumahan Rakyat merupakan program secara langsung Kerajaan Persekutuan yang mendapat kerjasama dan sokongan penuh daripada kerajaan negeri. Walau bagaimanapun ia masih perlu mengikut syarat-syarat dan kriteria-kriteria asas yang ditetapkan.

Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Chin Fook Weng telah membangkitkan isu keperluan rumah kos sederhana rendah khasnya bagi kakitangan kerajaan yang berpendapatan sederhana. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di negara kita agensi kerajaan dan swasta sama-sama memikul tanggungjawab untuk menyediakan pelbagai kategori rumah bagi memastikan semua golongan rakyat dari pelbagai pendapatan mempunyai peluang untuk memiliki rumah sama ada dibeli atau disewa. Di antaranya ialah rumah kos rendah, rumah kos sederhana rendah, rumah kos sederhana dan rumah kos tinggi.

Bagi rumah kos sederhana rendah, harga jualan ialah antara RM43,000 sehingga RM70,000 seunit, manakala rumah kos sederhana, harga jualan ialah antara RM71,000 sehingga RM100,000 seunit. Bagi kakitangan kerajaan yang tidak mampu membeli rumah kos sederhana, mereka mempunyai peluang untuk membeli rumah kos sederhana rendah yang berharga antara RM43,000 sehingga RM70,000 seunit. Selain daripada rumah kos rendah, kerajaan menggalakkan sektor swasta dan sektor awam untuk membina lebih banyak rumah kos sederhana rendah bagi memenuhi permintaan yang semakin meningkat di dalam Rancangan Malaysia Kelapan ini.

Yang Berhormat Senator Tuan M. Ratnam telah membangkitkan isu kawasan-kawasan estet yang dimajukan untuk projek-projek perumahan yang menyebabkan penghijrahan belia India ke bandar dan mewujudkan gejala sosial. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dari segi kelulusan pembangunan sesuatu projek perumahan adalah terletak kepada pihak berkuasa perancang tempatan dan negeri berdasarkan pelan tempatan yang telah diluluskan atau diwartakan bagi sesuatu kawasan. Sesuatu kawasan estet tidak akan diberi kelulusan untuk dimajukan sebagai projek perumahan jika ianya tidak mengikut rancangan pelan tempatan yang telah diwartakan.

Yang Berhormat Senator Tuan R. Sinniah telah membangkitkan isu penyediaan lebih banyak rumah kos rendah serta menyediakan infrastruktur bagi tujuan meningkatkan kualiti kehidupan masyarakat berpendapatan rendah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah melaksanakan pelbagai program perumahan. Antaranya ialah Program Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR), Skim Pertapakan dan Kemudahan (SPK), Program Perumahan Rakyat Bersepadu (PPR) dan yang terbaru, Program Perumahan Rakyat (PPR) disewa dan dimiliki dalam dasar baru.

Dalam usaha kerajaan menyediakan lebih banyak rumah kos rendah, sejumlah 50,000 unit rumah di bawah Program Perumahan Rakyat dasar baru untuk disewa dan 40,000 rumah di bawah Program Perumahan Rakyat dasar baru untuk dimiliki telah disasarkan pembinaannya sehingga tahun 2006. Sehingga kini sebanyak lapan projek atau 8,350 unit rumah untuk disewa, manakala sebanyak 25 projek atau 3,650 unit untuk dimiliki sedang dilaksanakan oleh Jabatan Perumahan Negara. Bakinya akan dilaksanakan oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB).

Berhubung dengan kemudahan infrastruktur, semua projek perumahan rakyat yang dilaksanakan oleh Jabatan Perumahan Negara adalah mengikut standard dan spesifikasi rumah kos rendah seperti yang ditetapkan di dalam CIH1, Tahun 1998 bagi status perumahan kos rendah satu dan dua tingkat dan juga CIH2, Tahun 1998 bagi standard perumahan kos rendah rumah pangsa yang mana telah diambil kira kemudahan-kemudahan asas seperti dewan serba guna, surau, tadika, gerai dan taman permainan atau kawasan rekreasi.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata saya ingin mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang sudi terlibat secara langsung di dalam memberikan pandangan dan cadangan berkaitan isu-isu Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan semasa perbahasan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelapan di dalam Dewan ini.

Sekiranya ada perkara-perkara yang dibangkitkan tetapi tidak dijawab, sukacita saya menjelaskan bahawa segala cadangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan akan diberi perhatian dan diambil tindakan sewajarnya oleh pihak kementerian di dalam merangka dasar dan program untuk masa-masa yang akan datang. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerja Raya

11.46 pagi.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Mohamed Khaled bin Haji Nordin]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan terlebih dahulu saya merakam ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara-perkara yang menyentuh bidang tugas dan tanggungjawab Kementerian Kerja Raya ketika perbahasan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelapan. Saya akan cuba menjawab atau memberikan penjelasan kepada perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat K. R. A. Naidu telah menanyakan mengenai perkembangan dan status bagi pembinaan rangkaian jalan raya dari Slim River ke Bentong, Pahang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan berpendapat jalan-jalan yang sedia ada yang menghubungkan antara negeri Perak dan Pahang mencukupi buat ketika ini. Oleh yang demikian, setakat hari ini kerajaan tiada perancangan untuk membina jalan raya baru seperti dari Slim River ke Bentong, Pahang.

Ahli Yang Berhormat K. R. A. Naidu juga ada bertanya mengenai, bilakah jalan dari Bidor ke Teluk Intan akan siap. Sukacita dimaklumkan bahawa projek naik taraf laluan 58, Jalan Teluk Intan ke Bidor, Perak dijangka akan siap sepenuhnya pada 4 September 2004. Pada masa ini, kemajuan projek ialah 59% sebenar berbanding dengan 63% mengikut jadual.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek ini sememangnya menghadapi sedikit kelewatan. Puncanya adalah pengalihan utiliti terutamanya pengalihan paip air oleh Lembaga Air Perak, pengalihan kabel elektrik oleh Tenaga Nasional dan kabel telekom oleh STMB. Kerja-kerja pengalihan lewat dilaksanakan kerana agensi berkenaan menghadapi masalah kewangan, lebih-lebih lagi kos peralihan tidak diperuntukkan oleh agensi-agensi tersebut.

Walau bagaimanapun, pada masa ini, kerja-kerja pengalihan utiliti oleh ketiga-tiga agensi tersebut sedang giat dijalankan. Bagi pengalihan paip-paip air, kerja-kerja dijangka siap pada Februari 2004, sementara kabel TNB dan STMB dijangka siap pada akhir Disember 2003. Selain daripada itu, cuaca bagi kawasan tersebut di mana hujan setiap hari, sedikit sebanyak telah memberi kesan kepada kelancaran projek-projek tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Haji Ahmad Raffae mencadangkan supaya pihak Jabatan Kerja Raya memantau pemasangan papan tanda jalan lebuhraya supaya berada di kedudukan yang strategik dan sesuai pada penglihatan.

Untuk makluman Yang Berhormat, pihak Jabatan Kerja Raya sentiasa prihatin tentang keadaan papan tanda yang dipasang di jalan raya-jalan raya Persekutuan di seluruh negara. Di samping melakukan penyelenggaraan ke atas papan tanda yang dipasang, sama ada dengan mencuci dan mengganti papan tanda yang rosak, pihak Jabatan Kerja Raya juga akan memastikan pemasangan dilakukan pada kedudukan yang strategik bagi penglihatan semua pengguna jalan raya. Ini dibuat dengan melakukan rondaan yang rutin di jalan raya-jalan raya berkenaan.

Akhir sekali, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan menyentuh isu-isu di bawah Kementerian Kerja Raya ketika perbahasan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelapan. Jika

ada isu-isu yang tidak sempat dijawab, kementerian saya akan memberikan perhatian dan mengambil tindakan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Datuk Hajah Dayang Mahani mohon penjelasan.

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Haji Ahmad Raffae: Minta laluan. Dalam perbahasan, saya menimbulkan khusus satu jalan iaitu ke Johor. Jadi saya mengucapkan tahniah kepada keprihatinan kementerian yang selalu memantau, tetapi oleh sebab ada khusus, satu di tempat yang berlaku ini, boleh atau tidak kementerian menyemak semula seperti mana yang disebutkan?

Tuan Yang di-Pertua: Jalan berkenaan, boleh jelaskan?

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Haji Ahmad Raffae: Oh ya, itu di lebuhraya Johor.

Dato' Mohamed Khalid Khaled bin Haji Nordin: Seperti yang telah dijawab secara umum, jawapan kepada perkara yang dibangkit oleh Yang Berhormat, di samping itu perkara yang spesifik itu memang telah pun kita maklumkan untuk diberikan perhatian oleh pihak yang terlibat. Jadi isu-isu yang tidak sempat dijawab, sememangnya Kementerian Kerja Raya memberikan perhatian dan mengambil tindakan susulan. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

11.52 pagi.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Seri Kerk Choo Ting]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelapan, khususnya mengenai perkara-perkara di bawah bidang kuasa Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Izinkan saya memberi jawapan dan maklum balas ke atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan di sepanjang tempoh perbahasan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Nor Azah binti Awin mencadangkan lebih banyak industri desa diwujudkan untuk menyediakan peluang-peluang pekerjaan di kawasan luar bandar. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, usaha kerajaan dalam membangunkan ekonomi tidak hanya tertumpu kepada kawasan-kawasan tertentu sebaliknya meliputi seluruh negara. Ini adalah bagi memastikan supaya pembangunan wilayah dan kawasan di negara ini dilaksanakan dengan seimbang. Sehubungan itu, langkah-langkah bagi memperluaskan dan meningkatkan asas ekonomi bagi negara dan kawasan yang kurang maju termasuk di luar bandar sentiasa diberi perhatian.

Kerajaan melalui beberapa kementerian seperti MITI, Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Kementerian Pembangunan Usahawan memang menggalakkan pertumbuhan industri desa di kawasan luar bandar. Antara langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan ialah menyediakan kemudahan mikro kredit tanpa cagaran, seperti memberi insentif yang lebih menarik bagi pelaburan industri di kawasan koridor timur meliputi negeri Pahang, Kelantan, Terengganu, Johor, di daerah Mersing, Sabah dan Sarawak.

Kursus bagi sektor perkilangan, MITI melalui agensi Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana telah menyediakan berbagai program dan bantuan kewangan bagi membantu Industri Kecil dan Sederhana meningkatkan keupayaan dengan izin, *capacity building* dan daya saing mereka termasuk:

- (i) Program Pembangunan Teknologi;
- (ii) Program Pembangunan Pasaran;
- (iii) Program Peningkatan Produktiviti dan Kualiti; dan
- (iv) Program Peningkatan Penggunaan ICT.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk William Lau Kung Hui menyarankan supaya MITI menghapuskan keperluan Permit Import (AP), dengan izin bagi komponen besi untuk membina kapal dan mengenakan duti import yang lebih tinggi terhadap kapal terpakai, dan menghapuskan duti import terhadap komponen kapal dengan izin, '*mild steel plate*' yang pada masa ini adalah tinggi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, permit import bagi komponen kapal iaitu besi dikenakan bertujuan sebagai pemantauan dan pengumpulan data sahaja. Sektor perkapalan adalah termasuk sektor terpilih yang diberi pengecualian duti import dan buat masa ini tidak ada keperluan untuk menghapuskan permit import.

Berkaitan dengan isu mengenai duti import yang lebih tinggi terhadap kapal pelbagai yang diimport. Pada masa ini, kadar duti adalah di antara .0% hingga 25% bergantung kepada dengan izin, *tonnage* dan tiada kod tarif yang khas bagi kapal terpakai yang diimport. Dasar semasa berkaitan dengan duti import adalah duti yang lebih tinggi, yang dikenakan jika terdapat pengeluar tempatan. Dalam kes di Sarawak, kapal terpakai yang diimport adalah melebihi 5,000 DWT di mana didapati tiada pengeluar tempatan. Oleh itu kadar duti import yang lebih tinggi tidak perlu dikenakan. Duti import yang dikenakan ke atas komponen kapal iaitu dengan izin, *mild steel plate* adalah diberi pengecualian duti import memandangkan keluaran tempatan tidak menepati spesifikasi dan kualiti yang diperlukan untuk membuat kapal di Sarawak. Oleh itu duti import tidak perlu dihapuskan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Ismail bin Kasim telah menyentuh mengenai ketiadaan kerjasama dengan Petronas dengan Proton dalam pembangunan industri automotif. Beliau juga telah menyarankan lebih banyak usaha sama dalam perkongsian teknologi seperti kerjasama dengan NAZA Motor dengan KIA Motor dari Korea yang telah dapat mempercepatkan pembangunan industri automotif tempatan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah diperhatikan bahawa kerjasama wujud di antara Petronas dan Proton pada peringkat mendapatkan dengan izin, *lubricant* dari Petronas untuk kegunaan kereta Proton. Di samping itu enjin yang dibangunkan oleh Petronas adalah memiliki prestasi yang tinggi yang biasanya tidak boleh digunakan bagi kereta yang bertujuan dengan izin, *mess market* supaya Proton. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' S. Vijayarajam membangkitkan isu yang mana kerajaan harus merancang strategi bagi meningkatkan penglibatan kaum India dalam sektor ekonomi dan perniagaan serta pelaksanaan dasar untuk meningkatkan pegangan ekuiti kaum India.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, MITI bersama-sama EPU sedang merangka garis panduan dan tatacara bagi melaksanakan dasar peningkatan penglibatan kaum India seperti yang telah digariskan dalam strategi jangka masa panjang, selaras dengan Rangka Rancangan Jangka Panjang 3 khususnya dalam sektor korporat melalui syarikat-syarikat yang hendak disenaraikan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan kenyataan Yang Berhormat Dato' Haji Arzmi bin Haji Abdul Hamid bahawa MITI mengamalkan pengambilan 10% daripada nilai pelaburan sebelum sebarang perjanjian ditandatangani. MITI ingin menjelaskan bahawa kaedah ini tidak diamalkan. Pada masa ini, Malaysia mengamalkan dasar pelaburan yang liberal bagi sektor perkilangan, yang mana pemegangan ekuiti asing sehingga 100% dibenarkan bagi semua pelaburan baru termasuk pelaburan dalam projek-projek pembesaran dan pelbagai oleh syarikat-syarikat yang sedia ada tanpa dikenakan sebarang syarat eksport. Dasar yang liberal ini dilaksanakan kerana kita bersaing dengan negara-negara lain yang juga memberi pegangan ekuiti 100% dan insentif-insentif yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Lee Seng Choy membangkitkan isu mengenai cabaran yang dihadapi oleh Malaysia untuk menarik pelabur-pelabur asing. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menarik kemasukan pelabur asing ke Malaysia, kerajaan telah dan sedang melaksanakan langkah-langkah penggalakan, antaranya ialah:-

- (i) mewujudkan iklim pelaburan yang *conducive* serta melaksanakan dasar pelaburan yang liberal dan terus untuk memberi keyakinan kepada pelabur asing;

- (ii) mempertingkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan di semua peringkat termasuk di peringkat kerajaan negeri dan tempatan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, boleh beri saya laluan sebentar.

Dato' Seri Kerk Choo Ting: Okey.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, bersandarkan Peraturan Mesyuarat 6(3), saya ingin meminta Yang Berhormat Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar membantu saya untuk terus mempengerusikan Majlis Mesyuarat. Terima kasih. Dijemput Yang Berhormat.

[Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar *mempengerusikan Mesyuarat*]

Dato' Seri Kerk Choo Ting: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua,

- (iii) mengambil langkah-langkah mengurangkan kos menjalankan perniagaan;
- (iv) menganjurkan misi penggalakan perdagangan dan pelaburan ke negara-negara sumber pelaburan asing seperti Amerika Syarikat, Jepun, Taiwan, Korea dan negara-negara Eropah; dan
- (v) menganjurkan misi projek spesifik untuk menarik syarikat-syarikat asing yang memiliki teknologi yang sesuai untuk menempatkan operasi mereka di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan, kemasukan pelaburan asing ke Malaysia tidak bergantung kepada kedudukan Malaysia dalam indeks rasuah seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Wan Ubaidah Omar. Dalam membuat keputusan pelaburan faktor-faktor yang diambil kira oleh pelabur termasuk kestabilan politik dan sosioekonomi, kos pengendalian perniagaan dan yang berpatutan, sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan yang cekap, dan iklim pelaburan yang *conducive*.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Mohamad Taha Ariffin menyarankan supaya kerajaan menilai semula teknik, dengan izin, *packaging* pemasaran dan mencari sumber-sumber pasaran baru. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sentiasa menggalakkan syarikat-syarikat Malaysia untuk mencari sumber-sumber pasaran baru di samping menggalakkan pembaharuan teknik, pembungkusan dan pengurusan penjenamaan untuk membolehkan syarikat menikmati ekonomi berskala.

Tuan Yang di-Pertua, bagi membantu syarikat menembusi pasaran eksport baru bantuan dalam bentuk geran disediakan. Syarikat boleh membuat tuntutan bagi kos-kos yang ditanggung untuk menjalankan kajian seperti kajian kemungkinan pasaran dan kajian strategi pemasaran. Kerajaan melalui skim geran pembangunan pasaran membantu *enterprise* kecil dan sederhana yang menyertai pasaran atau misi perdagangan antarabangsa termasuk promosi jenama dan inisiatif pembungkusan dan pelabelan dengan geran tidak melebihi RM60,000 setiap syarikat.

Setakat ini, sejumlah 324 permohonan telah diluluskan dengan jumlah RM3.4 juta. Kerajaan melalui strategi baru ke arah merangsang pertumbuhan ekonomi negara telah menubuh Tabung Pembangunan dan mempromosi jenama Malaysia dengan dana permulaan sebanyak RM100 juta, melalui Belanjawan 2004 peruntukan tabung ini telah ditambah sebanyak RM100 juta lagi. Tabung ini bertujuan membantu syarikat tempatan untuk membangun dan mempromosikan jenama Malaysia.

Di samping itu, bantuan kewangan dalam bentuk potongan gaji dua kali bagi promosi jenama Malaysia dan promosi eksport turut disediakan. Melalui *package strategic* baru ke arah merangsang pertumbuhan ekonomi negara juga, kerajaan turut menyediakan geran bersamaan, dengan izin, *matching grant* bagi menampung kos latihan berkaitan projek-projek sektor yang telah dikenal pasti di dalam dan luar negeri.

Kos latihan merangkumi gaji, barang kursus, bahan guna habis, tiket pergi balik, penginapan dan elaun sara hidup bagi pelatih dan jurulatih. Antara aktiviti-aktiviti yang

layak di bawah skim latihan ini, meliputi aktiviti perkilangan dan aktiviti perkhidmatan berkaitan dengan perkilangan, seperti latihan pembinaan jenama, reka bentuk dan *prototype*.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah penjelasan yang ingin saya berikan kepada isu-isu penting yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh bidang kuasa MITI. Terima kasih.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Terima kasih. Sekarang dijemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan.

12.06 tgh.

Timbalan Menteri Pertahanan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya bagi pihak Kementerian Pertahanan ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelapan yang mana telah menyentuh isu-isu yang berkaitan dengan Kementerian Pertahanan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya izinkan saya menjawab ke atas perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Syed Ali Tan Sri Syed Abbas Alhabshee iaitu mengenai program khidmat latihan negara yang mana tempoh latihannya yang singkat dan perlunya peserta-peserta sentiasa memanfaatkan pengajaran dan pengalaman hasil dari program ini kelak. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, penetapan jangka masa selama tiga bulan bagi melaksanakan program ini telah mengambil semua aspek pelaksanaan untuk mencapai objektifnya. Kerajaan yakin jangka masa tiga bulan ini akan memberi impak yang terbaik melalui pelaksanaan modul yang terancang dan berhemah. Pelaksanaan modul fizikal, kenegaraan, pembinaan karakter serta aktiviti khidmat komuniti dijangka akan memberi kesan yang besar kepada peserta. Sepanjang program ini berlangsung, para peserta akan dapat mempertingkatkan daya tahan, menanam rasa tanggungjawab, menerapkan nilai murni serta menyemarakkan rasa cinta kepada negara. Mereka juga akan melaksanakan semua aktiviti secara bersama dengan rakan dari pelbagai kaum yang akan menjadikan mereka lebih toleransi di antara satu sama lain sehingga dapat memperkukuhkan lagi perpaduan kaum dan pembangunan negara. Kesempatan ini akan memberi peluang untuk mereka mempelajari budaya dan adat resam rakan-rakan dari pelbagai kaum. Di peringkat umur 18 tahun ini, kita yakin proses penerapan nilai-nilai positif dan pengalaman baru yang dilalui akan memberi kesan yang mendalam ke atas peserta-peserta yang akan menyertai program ini kelak.

Di samping itu, para peserta juga akan didedahkan kepada kerja-kerja kebajikan di bawah modul Khidmat Komuniti di mana ianya melibatkan agensi-agensi kerajaan serta badan-badan beruniform, pertubuhan-pertubuhan badan bukan kerajaan dan pasukan-pasukan sukarela. Kita berharap ini akan memberi ruang terbaik kepada peserta untuk menghayati peranan pertubuhan ini dan seterusnya akan menyertai pertubuhan atau pasukan tersebut pada masa hadapan. Peruntukan bagi membiayai program Latihan Khidmat Negara yang akan dilaksanakan pada tahun 2004 tidak termasuk dalam peruntukan Rancangan Malaysia Kelapan, ianya merupakan satu program baru di bawah program khas. Kerajaan dijangka membelanjakan sebanyak RM400 juta pada tahun hadapan bagi melaksanakan program ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai saranan Yang Berhormat Tuan K.R.A. Naidu supaya program Latihan Khidmat Negara disegerakan agar muda mudi dapat bergaul dan memupuk semangat perpaduan. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, seperti mana yang dirancang, program ini akan dilaksanakan pada tahun 2004. Ianya sememangnya direncanakan bagi mencapai objektif membentuk satu masyarakat yang berdisiplin, bersemangat waja, berkeyakinan diri, sentiasa bersedia menghadapi sebarang cabaran dan dugaan serta untuk meningkatkan lagi perpaduan kaum demi integrasi nasional.

Semasa menjalani program ini, remaja dari pelbagai kaum dan negeri akan tinggal dan melaksanakan aktiviti secara bersama dan dengan ini, ianya dapat melahirkan satu generasi yang bertoleransi dan saling hormat-menghormati antara satu sama lain. Tuan

Yang di-Pertua, sekali lagi saya bagi pihak Kementerian Pertahanan mengucapkan ribuan terima kasih atas keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh dan memberi pandangan di dalam beberapa perkara yang berkaitan dengan Kementerian Pertahanan. Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan selamat menyambut Hari Raya kepada semua rakyat di negara ini. Sekian, terima kasih.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Terima kasih. Sekarang dijemput Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

12.11 tgh.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Zainal bin Dahalan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga bagi pihak Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat, yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan mengenai Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelapan, khususnya kepada Yang Berhormat Datuk Nor Azah binti Awin, Yang Berhormat Puan Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Dun, Yang Berhormat Dato Mohamad Taha Ariffin dan Yang Berhormat Datuk Dr. Haris bin Haji Salleh yang mana telah menyentuh beberapa perkara dan juga mengemukakan cadangan-cadangan berkaitan dengan urusan kementerian ini dalam perbincangan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Nor Azah binti Awin, suka saya menyatakan bahawa kita menyedari bahawa sebahagian besar daripada hasil-hasil penyelidikan yang telah dibuat oleh beberapa agensi penyelidikan yang dibiayai oleh kementerian belum dapat dikomersialkan. Ini adalah disebabkan oleh beberapa perkara yang berkaitan dengan masalah komunikasi, masalah kos dan sebagainya. Oleh yang demikian, kementerian ini telah pun berusaha untuk mengatasi masalah tersebut dengan menubuhkan sebuah unit yang dinamakan Unit Pembangunan Perniagaan ataupun satu *business* unit yang telah ditubuhkan dengan tujuan untuk mewujudkan satu jaringan ataupun *networking* dan berfungsi sebagai *matchmaker* di antara pihak penyelidik dengan peniaga. Semoga hasil-hasil penyelidikan yang dihasilkan dapat dikomersialkan.

Selain daripada itu, saya ingin menyentuh terus kepada perkara ataupun bidang R&D yang telah disentuh oleh Yang Berhormat Datuk Nor Azah binti Awin dan Yang Berhormat Dato Mohamad Taha Ariffin yang telah pun saya jelaskan semasa dalam pengumuman semasa membahaskan Bajet 2004. Walau bagaimanapun, saya ingin menyentuh sedikit untuk memberikan penekanan beberapa perkara tentang keutamaan dan keprihatinan kerajaan mengenai bidang R&D. Kita menyedari bahawa bidang ini sangat penting dalam menghadapi persaingan di peringkat antarabangsa hari ini.

Sehingga ini, kerajaan melalui kementerian telah memperuntukkan sebanyak kira-kira 0.48% sahaja daripada KDNK untuk tujuan R&D yang bernilai kira-kira USD0.5 bilion pada masa ini. Dari segi perbandingan yang telah diberikan dengan beberapa negara yang maju seperti USA yang telah memperuntukkan 2.8% ataupun USD282 bilion daripada KDNKnya. Jepun 2.98% bernilai USD142 bilion daripada KDNK dan Korea 2.92% bernilai USD12 bilion, manakala Malaysia 0.48% bernilai lebih kurang USD0.5 bilion.

Walaupun bagaimanapun, di bawah Dasar Sains dan Teknologi Negara Kedua, kementerian telah mensasarkan peningkatan peruntukan R&D kepada sebanyak 1.5% daripada KDNK menjelang tahun 2010 iaitu pertambahan sebanyak tiga kali ganda. Ini bererti, kita akan memperuntukkan sebanyak lebih kurang USD1.5 bilion berbanding dengan USD0.5 bilion pada tahun 2001 untuk tujuan R&D.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjelaskan perkara yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Dun dan juga Yang Berhormat Datuk Dr. Haris bin Haji Salleh berkaitan dengan bioteknologi, sukacita saya menyatakan bahawa pada masa ini, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dengan kerjasama Universiti Malaysia Sabah (UNIMAS) telah menjalankan beberapa projek kerjasama yang sebahagiannya dibiayai oleh kementerian di bawah beberapa program. Misalnya projek pembangunan ataupun projek *seaweed* ataupun rumpai laut dan juga

projek pembangunan *genome* yang telah diadakan dengan pihak Universiti Malaysia Sabah.

Tindakan telah diambil untuk meningkatkan lagi usaha-usaha ini dan jika ada projek-projek baru yang akan dilakukan oleh pihak negeri Sabah sendiri ataupun melalui Universiti Malaysia Sabah, kementerian sedia untuk bekerjasama bagi mempertingkatkan lagi kerjasama dalam bidang tersebut. Berkaitan dengan peningkatan dalam bidang bioteknologi khususnya dalam peningkatan kemahiran IT, pada masa ini kementerian telah menubuhkan 'NBBnet' yang merangkumi dua bidang usaha sama iaitu *bio-informative* dan *bio-information* yang boleh didapati dari website kementerian.

Ini, adalah menjelaskan kepada perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Dr. Haris berkaitan dengan perkembangan dan kemajuan dalam bidang biotech, selain daripada tiga institut yang telah pun diwujudkan sebagai permulaan iaitu *the National Institute of Agro Biotechnology*, *National Institute of Pharmaceutical and Neutraceutical Biotechnology* dan *National Institute of 'Genomic' and Molecular Biology*.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja penjelasan yang dapat saya berikan. Saya ucapkan terima kasih dan mana-mana perkara lain yang mungkin tidak dapat saya sentuh, akan kita ambil tindakan seterusnya. Terima kasih.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Sekarang, dijemput Timbalan Menteri Kementerian Luar Negeri.

12.17 tgh.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Dr. Leo Michael Toyad]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelapan pada 17 dan 18 November yang menyentuh bidang tugas Kementerian Luar Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, sepanjang masa perbahasan tersebut, dari pengamatan kita, seramai dua orang Ahli Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng pada 18 November dan Yang Berhormat Datuk Yaakob bin Haji Mohammad juga pada 18 November yang telah menyentuh perkara-perkara yang mengenai Kementerian Luar Negeri. Dalam perkara ini Tuan Yang di-Pertua, ialah hubungan dua hala Malaysia dan Amerika Syarikat.

Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng telah menyentuh pendirian Malaysia ke atas isu bantuan Amerika Syarikat yang berjumlah USD1 juta ke atas Pusat Serantau Asia Tenggara Mencegah Keganasan (SEARCH) yang telah dibatalkan oleh Senat Amerika Syarikat berikutan kenyataan bekas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Persidangan OIC ke-10 lalu. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa berwaspada dan memantau perkembangan dan tindakan oleh negara-negara lain yang dipercayai boleh menjejaskan hubungan dua hala antara Malaysia dan negara itu.

Dewan Senat Amerika Syarikat telah meletakkan syarat bagi bantuan *International Military Education and Training* (IMET) dan bukan bantuan kepada Pusat Serantau Asia Tenggara Mencegah Keganasan (SEARCH) *South of Asia Regional Center for Counter Terrorism* ke atas Malaysia. Setakat ini, syarat ini terdapat di dalam draf undang-undang 2004 *Foreign Operation of Preparations Bill* yang telah dipersetujui oleh Dewan Senat pada 30 Oktober 2003.

Kerajaan berpendapat bahawa syarat tersebut tidak mencerminkan kerjasama rapat yang sentiasa wujud terutamanya dalam bidang pertahanan dan kerjasama dua hala untuk menangani keganasan antarabangsa. Walau bagaimanapun, dalam satu perkembangan terkini, kementerian ini difahamkan bahawa syarat mengenai bantuan IMET dalam rang undang-undang 2004 *Foreign Operation of Preparations Bill* yang telah dipersetujui oleh Dewan Senat pada 30 Oktober 2003 tersebut, telah ditarik balik oleh pihak Dewan Senat. Jadi, Kementerian Luar Negeri akan terus memantau perkembangan berkaitan syarat tersebut.

Walau bagaimanapun, kerajaan akan sentiasa menyuarakan pendirian Malaysia sebagai Pengerusi Pergerakan Negara-negara Berkecuali dan Persidangan Negara-negara Islam (OIC) mengenai isu-isu antarabangsa yang penting. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Dato' semasa cadangan penubuhan Pusat Serantau Asia Tenggara Mencegah Keganasan (SEARCH) dibuat, pihak kerajaan telah memutuskan bahawa segala perbelanjaan bagi mengendalikan pusat ini akan ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan Malaysia tanpa menerima sebarang bantuan kewangan secara langsung dari mana-mana pihak luar termasuk Amerika Syarikat. Isu penarikan balik bantuan USD1 juta adalah bantuan kepada Angkatan Tentera Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua ialah rancangan Malaysia selaku Pengerusi Pertubuhan NAM yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Yaakob bin Haji Mohammad pada 18 November. Tuan Yang di-Pertua, Sidang Kemuncak ke-13 NAM telah diadakan di Pusat Perdagangan Dunia Putra pada 24 hingga 25 Februari 2003 dengan kehadiran 105 buah daripada 114 buah negara-negara anggota NAM. Sidang kemuncak tersebut telah menerima sahkan empat dokumen iaitu dokumen muktamad, deklarasi Kuala Lumpur mengenai penyuburan semula NAM, kenyataan Iraq mengenai Iraq dan kenyataan mengenai Palestin. Malaysia sebagai Pengerusi NAM bagi tempoh tiga tahun akan datang telah diberikan mandat oleh semua anggota-anggota negara NAM untuk melaksanakan hala tuju dan perancangan pergerakan ini berdasarkan deklarasi Kuala Lumpur mengenai penyuburan semula NAM.

Deklarasi ini telah menggariskan 12 pendekatan dan program tindakan ini perlu dilaksanakan oleh Malaysia dan anggota-anggota NAM dalam penyuburan semula gerakan tersebut agar ia kekal relevan, berkesan dan utuh dalam memperjuangkan kepentingan negara-negara membangun. Pendekatan dan program tindakan ini antara lain melibatkan perkara-perkara yang bersifat struktural, keorganisasian dan metodologi serta isu-isu kritikal yang harus diberi tumpuan oleh NAM seperti isu pelbagai hala, ekonomi, perdagangan, kerjasama selatan-selatan, pembangunan dan pembasmian kemiskinan serta pembangunan sosial dan kemanusiaan yang bersifat sejagat.

Jelas, bahawa program tindakan di atas merupakan *blueprint* yang akan diperincikan berdasarkan perkembangan-perkembangan semasa global dan negara-negara membangun serta mendapatkan konsensus dari anggota-anggota NAM sebelum pelaksanaannya. Di samping itu, dalam merencanakan hala tuju NAM dalam tempoh tiga tahun seterusnya, Malaysia amat komited dan percaya bahawa proses diplomasi pelbagai hala harus menjadi tunjang utama dalam mempertahankan kepentingan dan kedaulatan negara-negara membangun terutamanya negara-negara anggota NAM. Ini jelas dalam konteks isu Palestin, Malaysia sebagai Pengerusi NAM telah memainkan peranan proaktif dan akan terus memperjuangkan hak rakyat Palestin untuk membebaskan negara mereka dari belenggu jajahan Israel.

Begitu juga dalam isu Iraq, kita telah menggariskan pendirian tegas NAM yang menolakkan sebarang tindakan ketenteraan yang bersifat unilateral ke atas Iraq yang dibuat di luar bidang kuasa Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Dalam konteks perancangan jangka masa panjang, Malaysia sebagai Pengerusi NAM bercadang untuk menganjurkan Mesyuarat Peringkat Menteri NAM mengenai wanita di Putrajaya. Mesyuarat ini bertujuan antara lain untuk membincangkan isu-isu wanita dalam pelbagai aspek yang berkepentingan untuk pembangunan dan kemajuan wanita. Mesyuarat ini dijangka akan menghasilkan sebuah deklarasi bagi menguatkan komitmen negara-negara anggota terhadap keupayaan wanita dan potensi mereka berdasarkan kesaksamaan dalam semua bidang.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai rumusannya, Malaysia sebagai pengerusi baru NAM akan terus memainkan peranannya yang efektif dan berkesan dalam memastikan pergerakan Negara-negara Berkecuali akan tetap relevan, efektif dan utuh dalam memperjuangkan kepentingan dan *survival* negara-negara membangun dalam mengharungi cabaran globalisasi masa kini.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana Yang Berhormat Dato' Yaakob Haji Mohammad sedia maklum, Malaysia akan menjadi Pengerusi OIC mulai tahun 2003 hingga tahun 2006. Sebagai Pengerusi Malaysia bertanggungjawab menyuarakan dan juga

menggerakkan hasrat dan kepentingan negara-negara anggota OIC di peringkat sesama negara-negara anggota dan antarabangsa. Dalam melaksanakan tugas-tugasnya Malaysia akan memberi fokus kepada tiga aspek penting. Di samping isu politik iaitu berusaha meningkatkan keberkesanan peranan Sekretariat Agung OIC di Jeddah meningkatkan kerjasama ekonomi di kalangan negara-negara anggota dan juga berusaha memartabatkan imej Islam di kaca mata masyarakat antarabangsa.

Usaha-usaha sedang dijalankan melalui perbincangan dengan Sekretariat Agung OIC dan agensi-agensi tempatan bagi mencapai matlamat tersebut. Jadi di antara aktiviti-aktiviti yang akan dijalankan ialah melalui kaji selidik, dialog, seminar dan kerjasama program ekonomi di kalangan negara anggota.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelapan yang telah menyentuh bidang kuasa, tugas Kementerian Luar Negeri. Saya juga ingin merakamkan penghargaan ke atas pandangan, cadangan dan usul-usul yang bernas yang telah diutarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam membahaskan usul ini dan Kementerian saya dalam mengambil perhatian yang serius ke atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan, sekian terima kasih.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Dijemput Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

12.27 tgh

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Wong Kam Hoong]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Nosimah binti Hashim yang mengambil bahagian dalam perbahasan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelapan. Dalam perbahasan beliau Yang Berhormat mencadangkan supaya harga barang-barang perlu diberi tumpuan dan tidak menumpukan kepada pemeriksaan berhubung cetak rompak sahaja. Pada masa yang sama beliau juga meminta supaya Kementerian bertindak terhadap kenaikan harga minyak masak yang dijual dengan harga RM12.50 untuk 5 kilogram minyak masak yang membebankan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian telah mengambil langkah-langkah yang perlu bagi menentukan kestabilan bekalan dan harga barang-barang perlu menjelang musim perayaan iaitu Hari Raya Puasa, iaitu dengan memastikan bekalan barang-barang keperluan mencukupi di pasaran dan boleh diperolehi dengan harga yang berpatutan. Dari segi bekalan 25 jenis barangan telah diwartakan sebagai barang kawalan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 bagi tempoh 20 September 2003 hingga 15 Jun 2004 pengisytiharan 25 jenis barang kawalan tersebut adalah sebagai tambahan kepada 21 jenis barang kawalan yang dikawal sepanjang masa.

Dari segi kawalan harga pula Kementerian melaksanakan skim keluaran harga maksimum runcit di bawah Akta Kawalan Harga 1946. Bagi perayaan Hari Raya Puasa kali ini, kawalan harga melibatkan 13 jenis barang terpilih yang berkuat kuasa mulai 18 November 2003 hingga 2 Disember 2003. Dalam hubungan ini Kementerian telah mempertingkatkan pemeriksaan bagi membanteras amalan-amalan perdagangan yang tidak beretika seperti menyorok barangan dengan tujuan menaikkan harga, tidak meletakkan tanda harga, mencatut, penipuan dalam timbangan dan sukatan, pengiklanan yang mengelirukan dan sebagainya yang merugikan pengguna. Walaupun tumpuan diberikan dari aspek penyelewengan ini Kementerian juga perlu memberi perhatian terhadap cetak rompak kerana jika dibiarkan kegiatan-kegiatan tersebut pasti dapat bertapak semula.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan harga minyak masak, sukacita saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa harga runcit minyak masak adalah tertakluk kepada kawalan harga siling yang ditetapkan oleh kerajaan. Peniaga-peniaga tidak boleh menaikkan harga tanpa mendapat kelulusan Kementerian, dalam hubungan ini walaupun terdapat kenaikan pada harga minyak sawit mentah dan permohonan pihak industri supaya harga siling disemak semula, kerajaan telah membuat keputusan untuk tidak mengkajinya sehingga jika perlu, jika perlu Tuan Yang di-Pertua selepas tahun baru

Cina nanti. Pada masa ini harga runcit masih lagi stabil dan tidak melebihi harga siling yang ditetapkan.

Contohnya harga minyak sawit masak untuk 5 kilogram ialah RM12.50 sen yang disebutkan oleh senator itu adalah di bawah paras siling RM13.35 sen yang masih berkuat kuasa sekarang. Walaupun demikian Kementerian telah meningkatkan pemeriksaan khususnya ke atas pengilang-pengilang, pemborong bagi menentukan tidak berlaku kegiatan penyorotan yang boleh menjejaskan kedudukan harga.

Yang Berhormat juga meminta supaya Jawatankuasa Pengguna diaktifkan dan tidak diwujudkan seperti melepas batuk di atas tangga. SPH atau Jawatankuasa Pengguna adalah merupakan satu penglibatan secara sukarela dari segenap lapisan masyarakat bagi membantu Kementerian menjalankan fungsi menjaga kepentingan pengguna. Pada masa ini terdapat lebih kurang 14,000 orang sukarelawan di seluruh negara. Mereka diketuai oleh seorang pengerusi di peringkat negeri dan daerah serta ahli-ahli jawatankuasanya.

Berbagai-bagai aktiviti telah dijalankan termasuk satu konvensyen peringkat kebangsaan pada awal tahun ini. Ahli-ahli SPH juga telah dilengkapi dengan kit yang memudahkan mereka membuat aduan. Setakat ini aduan-aduan dikemukakan oleh ahli-ahli SPH kepada cawangan Kementerian di negeri dan daerah telah diambil tindakan yang sewajarnya. Adalah tidak dinafikan SPH ini baru sahaja diwujudkan pada tahun 2001 dan tentulah sedikit sebanyak terdapat kelemahan. Walau bagaimanapun, dari semasa ke semasa peningkatan terhadap program ini sentiasa dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih kepada senator-senator khususnya kepada Yang Berhormat Senator Nosimah binti Hashim yang membangkitkan isu berkenaan dengan Kementerian saya dan pandangan beliau yang begitu bernas. Sekian, terima kasih.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Terima kasih. Dijemput Kementerian Kesihatan.

12.33 tgh.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan. S. G. Sothinathan]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Jaya Partiban yang telah membangkitkan dua isu yang berkaitan dengan Kementerian Kesihatan ketika membahaskan tentang Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelapan iaitu isu pertama adalah tentang langkah-langkah yang dilakukan oleh Kementerian Kesihatan untuk mengelakkan 'range' dengan izin, kesan dari penghijrahan pakar-pakar perubatan dari sektor kerajaan dan swasta.

Antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Kesihatan untuk mengelakkan masalah ini ialah pertama mengambil pegawai perubatan kontrak warganegara asing sebagai langkah jangka pendek dan kedua mengambil semula pegawai perubatan yang telah bersara wajib untuk berkhidmat secara kontrak dengan kerajaan. Juga antara langkah lain yang ialah bekerjasama dengan Kementerian Sumber Manusia dalam kempen menggalakkan tenaga pakar warganegara Malaysia untuk kembali berkhidmat di Malaysia dan juga mengadakan perbincangan dengan Kementerian Pendidikan untuk menambahkan bilangan graduan di institusi-institusi pengajian tinggi awam. Dan di samping itu pembukaan institusi pengajian tinggi swasta seperti Penang Medical College, Melaka Municipal Medical College, International Medical University, Perak College Of Medicine dan ASEAN Institute of Medicine Science and Technology akan membantu menambahkan lagi bilangan graduan perubatan di masa hadapan.

Untuk mengekalkan pegawai perubatan dalam perkhidmatan awam kerajaan telah pun memberi pelbagai insentif seperti gaji pokok yang lebih tinggi, elaun perkhidmatan kritikal, elaun pakar, elaun kerja di luar waktu bekerja, bayaran insentif kepada pegawai kesihatan awam, bayaran insentif kepada pentadbir hospital dan elaun berlayar bagi pegawai-pegawai dari Semenanjung Malaysia yang bertugas di Sabah dan Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan dan sebaliknya dan juga bayaran insentif pedalaman. Selain daripada itu juga kemudahan kepada pegawai perubatan yang layak seperti pinjaman

kenderaan perumahan, pinjaman komputer dan kemudahan *quarters* juga turut diberikan kepada mereka.

Isu kedua adalah tentang status kajian terhadap klinik-klinik ladang yang dimasukkan di bawah Kementerian Kesihatan, sebenarnya klinik-klinik di ladang-ladang ini sebenarnya termasuk dalam bidang kuasa kementerian lain tetapi ia dikawal melalui Akta 446 iaitu *Minimum Standard Of Housing Amenities* dan Kementerian Kesihatan telah pun mencadangkan beberapa pindaan kepada Kementerian Sumber Manusia supaya tahap perkhidmatan di klinik-klinik ladang ini dapat dipertingkatkan dan juga ia dapat dibawa di bawah kawalan Kementerian Kesihatan tetapi dia masih lagi dalam perbincangan, sekian terima kasih.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Terima kasih, Yang Berhormat Dr. Tan Tee Wong. Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi.

12.35 tgh.

Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi [Dr. Tan Kee Kwong]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan penghargaan dan juga terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelapan bagi mesyuarat ketiga penggal kelima Dewan Negara kesepuluh yang telah menyentuh beberapa perkara di bawah bidang kuasa Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Dato' Nor Azah binti Awin telah meminta Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi supaya perancangan yang teliti dan berhati-hati dilaksanakan supaya tindakan penyenaian FELDA ke BSKL tidak akan merugikan golongan peneroka. Untuk makluman Yang Berhormat, penyenaian FELDA ke BSKL yang telah diumumkan oleh bekas Perdana Menteri Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir Mohamad hanya melibatkan Felda Holdings Sdn Bhd atau FHSB sahaja. Maknanya ini tidak terlibat dengan tanah-tanah peneroka.

FELDA masih lagi sebagai badan berkanun iaitu agensi kerajaan di bawah Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi yang akan terus memainkan peranannya menguruskan peneroka dan tanah peneroka yang telah menerima hak milik. FELDA masih lagi agensi kerajaan dan segala program pembangunan dan aktiviti untuk masyarakat peneroka akan sentiasa diberi keutamaan. Untuk makluman.....

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Yang Berhormat, ya. Silakan.

Puan Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Dun: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya cuma ingin penjelasan daripada pihak kementerian, Felda Holdings ini akan disenaraikan dari BSKL ini apakah aset-asetnya kalau tidak melibatkan FELDA tanah-tanah kerajaan?

Dr. Tan Kee Kwong: Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, aset-aset Felda Holdings akan ditentukan. Untuk jawapan secaranya walaupun sampai sekarang, FELDA 100% kerajaan, kita berbangga atas aktiviti FELDA. Aset FELDA sekarang lebih kurang RM6 bilion...

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Bilion?

Dr. Tan Kee Kwong: Bilion, bukan million sekarang million *sap-sap soi* dengan izin. Aset FELDA RM6 bilion. Apa yang lebih penting pinjaman dari kerajaan kosong, satu sen pun tidak ada. Saya harap lain agensi kerajaan pun boleh ikut contoh dari FELDA dan wang tunai di bank RM2.5 bilion, terima kasih.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Boleh bagi bonus lebihlah pada *staff*.

Dr. Tan Kee Kwong: Bolehlah kita haraplah. Untuk makluman Yang Berhormat, ladang atau kebun peneroka akan terus bersama dengan peneroka dan hak milik akan diberikan kepada peneroka setelah mereka menjelaskan hutang atau bayaran kembali masing-masing. Rancangan penyenaian FELDA ke BSKL akan dilaksanakan sebaik sahaja kajian menyeluruh mengenainya dijalankan bagi memastikan kepentingan dan kebajikan golongan peneroka terjamin.

Tuan Yang di-Pertua, jumlah peratusan saham yang bakal diterima oleh peneroka setelah proses penyenaian sedang dipertimbangkan dengan memastikan peneroka mendapat faedah dengan penyenaian ini kelak. Ahli Yang Berhormat Puan Safinah binti Jusoh pula telah meminta kementerian supaya menjelaskan rasional mengapa generasi kedua FELDA tidak lagi diberikan peluang sama seperti generasi awal peneroka. Sebaliknya, kerja-kerja penanam dan penuaian kelapa sawit kini diberikan kepada para pekerja asing oleh pihak pengurusan FELDA.

Untuk makluman Yang Berhormat, generasi kedua peneroka yang berada di Rancangan FELDA ada di antaranya yang bekerja sendiri, makan gaji dan ada juga yang menganggur. Pihak pengurusan FELDA sebenarnya telah memberi banyak peluang kepada golongan generasi kedua FELDA yang menganggur untuk membuat kerja-kerja kontrak tetapi mereka kurang berminat untuk terlibat dalam kerja-kerja kebun yang diuruskan oleh pemborong. Generasi kedua peneroka FELDA dilihat lebih berminat untuk mengusahakan perusahaan atau menjalankan perniagaan sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kurangnya sambutan daripada kalangan anak peneroka FELDA untuk bekerja di kebun, pihak kontraktor terpaksa mendapatkan tenaga kerja buruh asing untuk memastikan kerja tanam semula di kebun milik peneroka dapat berjalan dengan lancar. Tuan Yang di-Pertua, ada juga di kalangan anak peneroka yang bekerja di kebun tetapi mereka dilihat tidak menunjukkan prestasi kerja yang memuaskan sehinggakan telah menjejaskan produktiviti kebun tanam semula serta meningkatkan kos. Apabila keadaan ini berlaku, pemborong membuat pilihan untuk menggunakan tenaga kerja buruh asing. Tuan Yang di-Pertua, pihak pengurusan FELDA sentiasa menggalakkan generasi...

Puan Safinah binti Jusoh: *[Bangun]*

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Yang Berhormat, Yang Berhormat Puan Safinah binti Jusoh minta laluan.

Puan Safinah binti Jusoh: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa saya tidak membangkitkan soal generasi kedua FELDA untuk diberikan taraf penerokaan di FELDA. Yang saya bangkitkan ialah generasi muda yang ada sekarang ini, mengapa tidak diberikan kepada mereka ini satu peluang untuk menyertai

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Generasi muda di FELDA ataupun generasi....

Puan Safinah binti Jusoh: *No, no.*

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: ... muda secara am.

Puan Safinah binti Jusoh: Generasi muda secara am, supaya mereka ini diberi peluang untuk turut sama dapat meneroka tanah-tanah di FELDA. Itu sahaja.

Dr. Tan Kee Kwong: Terima kasih, Ahli Yang Berhormat. Dari 1991, dasar kerajaan sudah berubah sebab tidak ada lagi peneroka. Ini adalah sebab kita nampak pada masa akan datang mungkin peneroka atau anak-anak peneroka tidak berminat untuk kerja di ladang lagi. Sebab itu dasar sudah berubah. Terima kasih. Untuk peluang-peluang anak peneroka yang sedia ada sekarang, kita ada program membina Kolej Komuniti Felda Jaya di Bentong dan sebagainya untuk peluang pendidikan dan juga kerja. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, pihak pengurusan FELDA sentiasa menggalakkan generasi kedua peneroka FELDA yang tidak bekerja untuk turut mengerjakan kebun milik keluarga mereka yang ditanam semula di bawah kelolaan pemborong-pemborong yang dilantik. Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga kini sebanyak 15% daripada jumlah keseluruhan pekerja di kebun tanam semula FELDA adalah terdiri daripada generasi kedua FELDA.

Tuan Yang di-Pertua, saya di sini sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dengan memberi pandangan-pandangan dan menyentuh bidang kuasa kementerian ini. Segala pandangan dan turutan akan diperhalusi dan diambil tindakan sewajarnya. Sekian, terima kasih.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Terima kasih, Yang Berhormat. Dijemput Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

12.46 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Dato' S. Veerasingam]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh mengenai fungsi dan tanggungjawab Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat semasa membahaskan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelapan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan K.R.A. Naidu telah mencadangkan agar kerajaan menubuhkan satu *Council of Elders on Race Relations*, dengan izin, untuk bertindak sebagai pusat mendengar isu-isu berkaitan perpaduan supaya dapat menyalurkan cadangan-cadangan kepada kerajaan untuk mengambil tindakan yang sewajarnya. Tuan Yang di-Pertua, kementerian saya menyambut baik cadangan Yang Berhormat supaya ditubuhkan satu *Council of Elders on Race Relations*, dengan izin. Untuk makluman Yang Berhormat, perkara ini akan diambil perhatian oleh kementerian saya untuk tindakan yang sewajarnya. Perkara ini juga akan dirujuk kepada panel penasihat perpaduan untuk pandangan jawatankuasa tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan M. Ratnam telah menyatakan gejala sosial telah meningkat di kalangan kaum India. Beliau mencadangkan supaya langkah-langkah yang diambil oleh pihak kerajaan untuk mengatasi masalah ini seperti program pembangunan sosial tidak menyisihkan kaum India. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan tidak pernah menyisihkan mana-mana kaum termasuklah kaum India dalam program pembangunan sosial negara. Ini adalah selari dengan dasar sosial negara yang bertunjangkan kepada prinsip *inclusive society*. Dasar sosial negara menjamin setiap individu, keluarga dan komuniti tanpa membezakan kumpulan etnik agama, budaya, *gender*, wilayah dan fahaman politik dapat menyertai dan memberi sumbangan kepada pembangunan negara serta menikmati kesejahteraan hidup secara berterusan.

Kerajaan sedar bahawa masalah-masalah sosial akan menjejaskan pembangunan negara dan kesejahteraan rakyat. Justeru usaha-usaha membanteras masalah-masalah sosial terus diberi perhatian oleh kerajaan melalui program-program pencegahan, penggalakan, intervensi dan pemulihan yang dilaksanakan oleh pelbagai agensi kerajaan, malah pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan, ibu bapa dan masyarakat juga turut membantu kerajaan dalam usaha-usaha ini. Program-program membanteras masalah sosial ini juga tidak terhad kepada sesuatu kaum tertentu sahaja tetapi meliputi semua kaum dengan keutamaan diberikan kepada golongan yang berisiko tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, masalah-masalah sosial yang melanda masyarakat India turut mendapat perhatian kerajaan. Bagi maksud ini kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM5.4 juta bagi pelaksanaan program-program membanteras masalah-masalah sosial di kalangan masyarakat India untuk tempoh 2001 hingga 2003. Program-program berkenaan yang selaras dan dikendalikan oleh Yayasan Strategik Sosial dilaksanakan dalam dua fasa dengan tumpuan kepada kumpulan sasaran dan kawasan yang berisiko tinggi.

Fasa pertama, yang dijalankan bagi tahun 2001 dan 2002 memperlihatkan pelaksanaan 36 aktiviti utama dan 551 *sub activities* dengan penyertaan seramai 70,302 orang. Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan ialah Seminar Kekeluargaan, Kem Perkembangan Remaja, Latihan Kepimpinan, Pembangunan Diri, Latihan Keselamatan Masyarakat dan sebagainya.

Bagi fasa kedua pula iaitu untuk tempoh 2002 hingga 2003, tumpuan diberikan kepada strategi intervensi lima peringkat iaitu program yang dirangka khusus bagi kawasan berisiko tinggi, keluarga dan individu berisiko tinggi, mereka yang terlibat dalam jenayah, mereka yang berada dalam tahanan dan khidmat susulan dan pemantauan (*after care*),

dengan izin. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan meliputi pembinaan kapasiti masyarakat India dan juga aktiviti-aktiviti pembangunan keluarga, remaja serta kanak-kanak. Kerajaan berharap melalui program-program yang telah disusun ini akan dapat membantu meningkatkan kesedaran sivik dan tanggungjawab sosial di kalangan masyarakat India dan seterusnya dapat mengurangkan penglibatan mereka dalam aktiviti-aktiviti antisosial.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelapan. Segala kritikan serta cadangan yang membina akan sentiasa dipertimbangkan oleh Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Sekian, terima kasih.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Terima kasih. Tidak ada noktah, ya. Terus sahaja.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Dijemput Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.

12.51 ptg.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Datuk Fu Ah Kiow]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya bagi pihak Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah bersama-sama membahaskan Kajian Separuh Penggal RMK8 mengenai Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dan seterusnya memberikan pandangan dan cadangan yang amat berguna kepada usaha-usaha kerajaan untuk memartabatkan industri pelancongan negara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Chin Fook Weng telah membangkitkan mengenai isu kekurangan agensi dan pemandu pelancong yang fasih berbahasa Rusia serta rancangan pihak tertentu untuk menghantar 5,000 orang ke Rusia untuk mempelajari bahasa tersebut. Beliau juga meminta supaya keputusan ke atas sesuatu permohonan dibuat dalam tempoh enam bulan. Tuan Yang di-Pertua, adalah diakui terdapat peningkatan kedatangan pelancong-pelancong dari Rusia dan negara bekas Soviet Union ke Malaysia di tahun-tahun ke belakang ini. Oleh itu terdapat masalah kekurangan pemandu pelancong yang berkemahiran berbahasa Rusia pada masa ini.

Sebagai langkah jangka pendek, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia telah melantik beberapa orang pemandu pelancong bangsa Rusia secara sementara yang terdiri daripada orang-orang asing yang mahir berbahasa tersebut. Di dalam masa yang sama, sebagai langkah jangka panjang, industri latihan pelancong digalakkan dan disarankan untuk mengadakan kursus-kursus bahasa ini demi untuk menambah rakyat Malaysia yang berkemahiran berbahasa Rusia dan boleh digunakan sebagai pemandu pelancong.

Mengenai perancangan untuk melatih 5,000 orang bagi mempelajari bahasa Rusia di negara tersebut, ini bukanlah merupakan program kementerian dan kementerian juga tidak tahu menahu mengenainya. Mengenai tempoh pemprosesan sesuatu permohonan lesen di bawah Akta Industri Pelancongan, kementerian ini telah memberi penjelasan beberapa kali mengenai perkara ini di Dewan yang mulia ini di masa-masa lepas, bahawa pemprosesan permohonan sesuatu lesen dibuat berasaskan kepada Piagam Pelanggan yang sedia ada dan tempoh yang diambil adalah lebih kurang satu hingga tiga bulan, bergantung kepada maklumat yang lengkap, yang dibekalkan oleh pemohon.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Lee Sing Chooi meminta kementerian mempertingkatkan lagi kualiti dan kuantiti produk pelancongan termasuklah perkhidmatan syarikat dan agensi pelancongan, meningkatkan lagi pakej-pakej domestik serta mempertingkatkan kebersihan dan keselamatan tempat-tempat pelancongan. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dari masa ke semasa berusaha untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan yang diberikan oleh agensi-agensi pelancongan, dan juga pemandu pelancong melalui aktiviti-aktiviti pemantauan yang dilakukan dari masa ke semasa.

Kementerian juga telah mensyaratkan supaya pemandu pelancong mengikuti program yang dinamakan dengan izin, *Continuing Tourism Related Education* (CTRE) bagi mempertingkatkan mutu perkhidmatan, kemahiran serta pengetahuan mereka yang terlibat dalam industri pelancongan. Dalam masa yang sama, tindakan juga diambil terhadap agensi-agensi pelancongan dan pemandu pelancong yang gagal memberi perkhidmatan yang baik melalui aduan-aduan yang diterima. Tindakan ini adalah dalam bentuk kompaun dan amaran-amaran yang tertentu.

Agensi-agensi pelancongan juga dari masa ke semasa digalakkan untuk menyediakan pakej-pakej pelancongan domestik yang menarik terutamanya bagi agensi yang terlibat dalam perniagaan *inbound* dan pelancongan domestik. Malah pakej-pakej domestik merupakan kriteria yang teliti di dalam menimbangkan permohonan sesuatu lesen agensi pelancongan yang baru. Mengenai kebersihan dan keselamatan tempat-tempat pelancongan, kementerian senantiasa bekerjasama dengan pihak-pihak berkuasa tempatan untuk meningkatkan kemudahan-kemudahan awam seperti tandas dibangunkan di tempat-tempat pelancongan di kawasan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, sekali lagi saya ingin merakamkan ribuan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan dan teguran dalam perbahasan-perbahasan yang berkaitan dengan kementerian saya. Segala teguran, cadangan dan saranan yang dikemukakan akan diberi perhatian oleh kementerian saya bagi memastikan industri pelancongan negara tumbuh secara berterusan sebagai penyumbang utama kepada pembangunan sosioekonomi negara. Sekian, terima kasih.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Terima kasih. Kalau mengikut peraturannya, saya patut memanggil Kementerian Sumber Manusia, tetapi saya tidak ada maklumat dan saya tidak ada melihat wakilnya. Jadi dengan sebab itu, untuk menjimatkan masa, saya terus menjemput Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

12.57 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Terima kasih, Datuk Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya mengucapkan...

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Minta maaf. Kita sudah buat peraturan di sini, semuanya "Tuan Yang di-Pertua".

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberi perhatian dan turut membincangkan perkara-perkara di bawah bidang kuasa Kementerian Pembangunan Luar Bandar di dalam perbahasan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelapan. Dalam tempoh kajian semula, program pembangunan luar bandar terus memberi penekanan kepada penyediaan infrastruktur asas dan kemudahan sosial, pembangunan sumber manusia serta meningkatkan penyertaan penduduk luar bandar dalam aktiviti ekonomi.

Manakala matlamat program pembasmian kemiskinan adalah kekal 0.5% menjelang tahun 2005. Pelbagai program peningkatan pendapatan akan diperluaskan lagi terutamanya aktiviti pertanian dengan penggunaan teknologi baru, di samping penyediaan infrastruktur fizikal, sosial serta pendidikan luar bandar akan terus dibangunkan. Usaha untuk memperkasakan pemimpin masyarakat dan penduduk luar bandar dipergiatkan lagi di bawah pendekatan Gerakan Daya Wawasan yang seterusnya membolehkan mereka menyertai dan menerokai aktiviti baru yang berorientasikan komersial.

Seterusnya, saya suka mengambil peluang ini untuk menjelaskan beberapa perkara yang berkaitan dengan pelaksanaan program pembangunan luar bandar yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa perbahasan. Yang Berhormat Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee telah membangkitkan pemberian bantuan bukanlah cara terbaik untuk mengurangkan kemiskinan.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian memang sentiasa membantu golongan miskin yang produktif dan menyedari mereka mempunyai potensi sebagai sumber manusia jika

dibimbing ke arah yang betul. Sehubungan dengan itu, di bawah Program Latihan dan Pendidikan (PLP) dan Program Pembangunan Minda Insan (PPMI), Kementerian dengan kerjasama Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP) dan agensi-agensi Kementerian dan menganjurkan kursus-kursus, latihan, kemahiran dan peningkatan minda insan.

Selain itu Kementerian sentiasa cuba untuk mewujudkan sinergi di antara program di atas dengan program-program lain yang dijalankan supaya dapat memberi kesan yang lebih besar kepada golongan sasaran. Misalnya, sekiranya seseorang itu memohon bantuan mesin jahit, beliau akan diminta untuk menjalani kursus menjahit...

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Yang Berhormat.....

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Hmm?

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Sambung jam 2.30 petang ini.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Okey, terima kasih.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Saya dengan ini menanggungkan persidangan mesyuarat kita sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Yang Berhormat, sila sambung.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Tuan Yang di-Pertua, program latihan dan pendidikan atau PLP ini mula dilaksanakan pada tahun 2002 dengan penglibatan seramai 14,000 penerima faedah serta perbelanjaan berjumlah RM6,330,112. Antara kursus kemahiran yang telah dilaksanakan ialah Kursus Pemprosesan Makanan, kursus berasaskan pertanian seperti tanaman, ternakan, kursus jahitan, kraf tangan daun getah yang mana selepas mendapat kemahiran ini, penerima faedah dapat mengusahakan sendiri di sekitar kawasan tempat tinggal dan seterusnya membantu meningkatkan pendapatan keluarga dan tidak perlu berhijrah ke bandar.

Manakala Program Pembangunan Minda Insan atau PPMI yang bertujuan membangunkan minda dan sikap kumpulan sasaran supaya lebih bermotivasi untuk berusaha meningkatkan ilmu, pendidikan dan kemahiran serta pendapatan keluarga. Di bawah program ini, kumpulan sasaran mengikuti kursus-kursus perubahan sikap, motivasi dan pembangunan insan. Sejak dimulakan pada tahun 2002, seramai 6,008 orang telah mendapat faedah dengan perbelanjaan berjumlah RM1,629,207.22.

Yang Berhormat Puan Safinah binti Jusoh mencadangkan selain daripada menubuhkan rancangan FELDA baru untuk mengurangkan kemiskinan, program dalam bidang keusahawanan dan pembuatan juga diadakan. Tuan Yang di-Pertua, di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar, penggalakan dalam bidang-bidang ini dilaksanakan melalui pelbagai program seperti Skim Pembiayaan Ekonomi Desa, pembangunan industri di kawasan Lembaga Kemajuan Tanah dan Lembaga Kemajuan Wilayah dan di bawah Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat.

Program peningkatan pendapatan di bawah Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat bertujuan untuk memberikan tambahan pendapatan terutama kepada kumpulan sasaran golongan miskin dan termiskin. Antara projek-projek yang dilaksanakan di bawah program-program ini meliputi kegiatan ekonomi berasaskan pertanian, pembuatan seperti kraf tangan dan juga perniagaan seperti perniagaan runcit serta aktiviti perkhidmatan, menjahit pakaian, gunting rambut, *homestay*, usahawan memiliki perusahaan, memberi latihan, memberi pinjaman mudah tanpa faedah, kemudahan premis, pemasaran dan promosi, membangun dan melaksanakan projek-projek pertanian komersial dan lain-lain aktiviti yang melibatkan golongan sasaran secara terus.

Tuan Yang di-Pertua, menjawab kepada isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Banedict Bujang Tembak, untuk makluman Yang Berhormat, bantuan dari Amanah Saham Bumiputera Sejahtera bukan dibuat berasaskan permohonan tetapi

penerima bantuan diperakukan oleh kerajaan negeri masing-masing mengikut kelayakan, iaitu ketua isi rumah, termiskin dan ibu tunggal yang mempunyai tanggungan dan mereka ini belum menerima bantuan daripada ASB PPRT, bantuan sara hidup pekebun kecil serta bantuan-bantuan yang diberikan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Bagi negeri Sarawak, senarai nama penerima bantuan diperoleh menerusi Jabatan Pembangunan Negeri Sarawak. Bagi bantuan rumah PPRT pula, masyarakat rumah panjang juga layak mendapat bantuan sekiranya ketua isi rumah tersebut telah didaftarkan sebagai ketua isi rumah termiskin di peringkat daerah. Kadar bantuan ialah RM11,930 bagi membina rumah baru dan RM5,970 bagi membaik pulih untuk seunit rumah.

Yang Berhormat Puan Azizah binti Dato' Seri Panglima Haji Mohd Dun meminta supaya Gerakan Daya Wawasan di sasar kepada kampung-kampung miskin. Beliau juga minta supaya kaum wanita terlibat sama sebagai Ahli Jawatankuasa Gerakan Daya Wawasan. Sasaran pelaksanaan Gerakan Daya Wawasan yang dilancarkan pada Julai 2003 adalah di semua kampung di Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Kejayaan gerakan ini tertakluk kepada kepimpinan formal dan bukan formal peringkat desa untuk mendayakan manusia, ekonomi dan pasaran di kampung masing-masing tanpa mengira kampung itu kaya atau miskin.

Untuk makluman Yang Berhormat, kaum wanita desa turut berkemampuan menjayakan ini secara berdiri di atas kaki sendiri. Misalnya, sekumpulan wanita desa yang benar-benar berdaya, manusia dan ekonomi mengikut kriteria yang ditetapkan kerajaan, pasti akan diberi peluang untuk memimpin sendiri pengeluaran produk berkualiti dan berdaya pasaran tanpa bantuan kerajaan.

Yang Berhormat Tuan Osman bin Bungsu meminta supaya kementerian mewartakan tanah-tanah yang telah diduduki oleh Orang Asli untuk kebaikan dan faedah Orang Asli. Jabatan Hal Ehwal Orang Asli sedang berusaha memohon supaya tanah-tanah yang didiami oleh masyarakat Orang Asli diwartakan secepat mungkin sebagai Rizab Orang Asli. Buat masa ini, sejumlah 5,191.2 hektar telah pun diwartakan sebagai Rizab Orang Asli. Manakala sejumlah 7,510.19 hektar telah diluluskan oleh kerajaan negeri sebagai Rizab Orang Asli dan ketika ini, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli sedang menjalankan kerja-kerja ukur tanah tersebut untuk tujuan pewartaan. Sejumlah 17,054.48 hektar pula masih di dalam proses menunggu kelulusan pihak berkuasa kerajaan negeri.

Dasar kerajaan negeri dalam pengambilan balik tanah Orang Asli untuk kegunaan awam biasanya mengutamakan kepentingan sesuatu projek. Dalam hal ini kerajaan negeri akan mengadakan rundingan dengan masyarakat Orang Asli setempat dan turut sama melibatkan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli sebagai perantara dalam menentukan jumlah pampasan dan kawasan baru untuk pemindahan. Memandangkan tanggungjawab pentadbiran tanah di luar kawasan rizab Orang Asli adalah kuasa kerajaan negeri maka kerajaan negeri berhak mengambil balik tanah tanpa persetujuan mana-mana pihak. Yang Berhormat Tuan Osman bin Bungsu juga bertanya kenapa tidak menggunakan Koperasi Orang Asli yang sedia ada dalam membangunkan tanah-tanah Orang Asli dan sebaliknya menggunakan anak syarikat RISDA.

Untuk makluman Yang Berhormat, projek pembangunan tanah-tanah oleh Kerajaan Persekutuan biasanya dilaksanakan oleh agensi pembangunan tanah Kerajaan Persekutuan seperti FELDA, RISDA dan FELCRA disebabkan pengalaman, kemahiran serta sumber kewangan yang kukuh. Kementerian akan memberi peluang kepada koperasi Orang Asli untuk membangunkan tanah-tanah Orang Asli setelah mereka bersedia dan mempunyai keupayaan setanding dengan agensi lain. Buat masa ini, penglibatan masyarakat Orang Asli dalam pembangunan tanah ialah melibatkan syarikat-syarikat individu Orang Asli serta diambil bekerja dengan agensi pembangunan tanah terbabit.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja jawapan terhadap isu-isu yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh tentang isu-isu pembangunan di dalam Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Kementerian sentiasa akan mengambil

tindakan di atas pandangan dan saranan Ahli-ahli Yang Berhormat dan diucapkan jutaan terima kasih demi kesejahteraan penduduk di luar bandar. Terima kasih.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Terima kasih. Saya menjemput Kementerian Belia dan Sukan.

2.42 ptg.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Datuk Ong Tee Keat]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu ingin saya merakamkan penghargaan dan mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelapan yang menyentuh perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian Belia dan Sukan. Saya ingin menyentuh tentang perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Jaya Partiban yang meminta agar pihak kementerian menerangkan tentang langkah strategi dan pendekatan untuk menarik minat belia yang bermasalah supaya menyertai program-program anjuran kementerian.

Untuk makluman Yang Berhormat, program dan aktiviti yang dianjurkan oleh Kementerian Belia dan Sukan bukan hanya ditumpukan kepada satu-satu kelompok belia sahaja. Penganjuran program yang dilaksanakan sebenarnya lebih memberikan keutamaan untuk menarik minat golongan belia yang didapati berpotensi bermasalah. Oleh yang demikian, program-program yang dianjurkan telah dipelbagaikan kegiatan berdasarkan kepada cita rasa, minat dan kegemaran kumpulan-kumpulan belia yang berkenaan.

Pihak kementerian akan menggunakan aktiviti-aktiviti ini sebagai satu strategi dan mekanisme untuk mendampingi semua peringkat belia termasuklah belia-belia yang bermasalah dan juga yang tidak bermasalah. Antara langkah dan pendekatan utama Kementerian Belia dan Sukan untuk menarik golongan tersebut adalah dengan menganjur dan menawarkan aktiviti-aktiviti yang diminati dengan menerapkan nilai-nilai murni yang boleh diteladani dalam setiap kegiatan yang dianjurkan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Jaya Partiban juga menyatakan bahawa perlunya pegawai-pegawai belia dan sukan untuk turun padang bagi melihat sendiri permasalahan belia di kawasan setinggan dan kawasan-kawasan lain. Suka saya nyatakan di Dewan yang mulia ini bahawa pihak kementerian sememangnya mengarahkan pegawai-pegawai berkenaan untuk turun padang dan menghubungi pemimpin-pemimpin belia di peringkat akar umbi seperti di kawasan setinggan, kawasan perumahan, kemajuan tanah, kampung dan juga persatuan-persatuan belia di bandar. Ini kerana pelanggan utama kementerian kita pada dasarnya kebanyakannya terdiri daripada golongan belia. Oleh yang demikian, pihak kementerian akan terus memantau pergerakan Pegawai Belia dan Sukan daripada semasa ke semasa supaya mereka sentiasa mendampingi golongan belia di pelbagai peringkat terutama sekali kepada mereka yang berada di kawasan ataupun lokasi yang dinyatakan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan cadangan supaya ditubuhkan satu jawatankuasa khas untuk mengkaji dan menarik minat para belia yang tidak mahu menyertai program-program anjuran kementerian, terutamanya dari kalangan sesetengah belia bukan Melayu, kementerian ini sentiasa menerima maklum balas yang positif daripada pelbagai peringkat seperti Majlis Perundingan Belia Negara (MPBN), Majlis Belia Negeri, Majlis Belia Daerah dan lain-lain lagi. Maklum balas dan cadangan daripada pelbagai peringkat ini adalah memadai untuk dijadikan asas bagi merangka dan merancang aktiviti-aktiviti yang digemari oleh golongan belia terutama sekali daripada golongan bukan Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya akhiri ucapan penggulungan saya, sekali lagi saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun memberikan cadangan, pandangan dan teguran kepada Kementerian Belia dan Sukan. Segala pandangan dan teguran yang diberikan itu akan tetap diberikan perhatian yang sepenuhnya oleh kementerian saya bagi memantap dan menyempurnakan lagi program-program pembangunan belia dan sukan negara. Sekian, terima kasih.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat. Saya menjemput Kementerian Pertanian.

2.07 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Dato' Abu Bakar bin Taib]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah turut mengambil bahagian membahas isu-isu berkaitan Kementerian Pertanian.

Yang Berhormat Senator Puan Lim Kee Moi telah menyentuh tentang isu mengenai pertanian, FAMA dan bidang komersial. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian dalam *Balance Of Trade (BOT)* yang bertujuan untuk mengurangkan defisit perdagangan negara memang ada perancangan untuk membangunkan industri perdagangan bagi meningkatkan nilai produk pertanian. Di antara industri yang terlibat ialah industri pemprosesan produk buah-buahan seperti nanas, jambu batu, mangga, rozel dan lain-lain lagi.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian juga sedang meningkatkan penggunaan automasi di ladang untuk mengurangkan penggunaan tenaga kerja dan kos pengeluaran. Pengusaha-pengusaha digalakkan memohon Skim Kredit Mikro untuk membeli mesin-mesin kecil dan peralatan bermotor. Projek-projek berkelompok juga digalakkan membeli traktor, trailer dan penyembur bermotor untuk kegunaan peserta projek dan untuk disewa kepada pengusaha-pengusaha lain untuk projek.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian telah meningkatkan hasil penggunaan ICT dalam bidang pertanian dan beberapa tahun ini semua maklumat pasaran, teknologi, pengeluaran hasil dan produk berdaya maju, projek berkaitan import eksport serta kemudahan insentif pelaburan boleh dipenuhi di taman pertanian. Ini termasuk berkenaan dengan taman-taman laut di Malaysia dan juga dari segi agro-pelancongan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian juga sedang berusaha untuk memperkenalkan jenama '*Malaysia Best*' sebagai hasil dan produk makanan pertanian ini yang dikeluarkan. Pengusaha memperkenalkan jenama ini berdasarkan pasaran tempatan dan juga pasaran luar negara. Buat masa ini, kementerian memberi fokus kepada lima jenis produk utama iaitu buah betik, tembikai, mangga, belimbing dan nanas.

Tuan Yang di-Pertua, di antara peranan yang dimainkan oleh FAMA untuk memaju para pengeksport, memasarkan hasil-hasil pertanian ialah seperti berikut:

- (i) membangunkan hasil pertanian dengan mewujudkan spesifikasi piawaian dan gred serta teknik pengendalian, ubah suai bertujuan meningkatkan kualiti eksport buah-buahan dan sayur-sayuran dari segi gred, pembungkusan dan amalan pengendalian yang betul;
- (ii) menganjurkan kempen dan promosi di dalam dan di luar negara termasuk *promotion* bertujuan memperkenalkan hasil-hasil pertanian Malaysia di samping mencari pasaran baru di luar negara;
- (iii) menjalankan kajian keluasan pasaran bagi produk, pengguna, sistem pengedaran dan promosi bagi membantu pengeksport dan pengimport memahami peluang-peluang pasaran yang wujud di luar negara; dan
- (iv) membuat hantaran percubaan hasil-hasil pertanian ke pasaran semasa dan yang baru untuk menarik peluang di pasaran baru bagi buah-buahan dan sayur-sayuran Malaysia di negara luar.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia telah berjaya meningkatkan nilai eksport bagi buah-buahan sebanyak RM624 juta bagi tahun 2002 berbanding tahun 1991 berjumlah RM497 juta. Mengenai eksport sayur-sayuran, ia telah meningkat sebanyak RM359 juta bagi tahun 2002 berbanding tahun 2001 sebanyak RM312 juta. Pasaran yang diterokai ialah di Eropah termasuk Holland, U.K., U.S.A., Taiwan, Hong Kong, Singapura, Brunei dan negara-negara Timur Tengah, iaitu Saudi Arabia, Dubai dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian melalui Jabatan Pertanian telah, sedang dan akan terus berusaha membangunkan akuakultur selaras dengan matlamat Dasar Pertanian Negara (DPN3). Pembangunan akuakultur mapan bukan sahaja bergantung kepada penggunaan teknologi malah ia juga perlu kepada pengetahuan sains yang mendalam dalam bidang akuakultur.

Terdapat banyak strategi dalam akuakultur yang diamalkan di negara ini, seperti ternakan ikan dalam sangkar konvensional dan ternakan ikan sangkar laut dalam ataupun sangkar laut terbuka (*off-shore cage*). Ternakan udang dan ikan dalam kolam menggunakan sistem tertutup (*closed system*) dan juga di laguna-laguna, termasuklah yang terdapat di Terengganu, contohnya. Sistem ternakan aliran tertutup (*closed circulating system*), ternakan ikan dalam sistem air aliran terus (*running-water system*) dan beberapa lagi sistem yang menggunakan teknologi yang mudah dan ringkas serta moden.

Bagi memastikan pengeluaran akuakultur berterusan dan memenuhi kualiti hasil, aspek pengurusan yang cekap dan berkesan juga adalah penting. Penggunaan teknologi moden sepenuhnya memerlukan kos yang tinggi kerana teknologi ini diimport dari luar negara dan boleh dipertingkatkan secara berperingkat-peringkat jika peruntukan mencukupi.

Walau bagaimana pun, sejumlah tidak kurang dari 38,000 hektar kawasan khas yang sesuai perlu dibangunkan bagi memastikan pengeluaran tidak kurang daripada 600,000 tan metrik menjelang tahun 2010. Sehingga kini hanya terdapat 18,000 hektar kawasan yang telah berjaya dibangunkan. Ini bermakna tidak kurang dari 20,000 hektar kawasan baru dibangunkan menjelang tahun 2010. Insya-Allah kita akan teruskan perusahaan ini dengan sebaik mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini mengucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh secara langsung atau tidak langsung mengenai Kementerian Pertanian, dan perbincangan isu-isu yang tidak dapat dijawab pada hari ini akan diberi perhatian sewajarnya. Sekian, terima kasih.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Terima kasih. Dijemput Kementerian Pendidikan.

2.53 ptg.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan ingin mengucapkan berbilang terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang mengemukakan cadangan, kritik dan pandangan berhubung dengan kementerian ini.

Pertama sekali, persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan K.R.A. Naidu, adalah satu perkara yang spesifik, iaitu istilah "keling". Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan sidang Dewan sekalian, di sub-benua India ada satu tempat dinamakan Kalingapura. Kalingapura ini, dalam ringkasnya dipanggil "Kalinggam". Untuk makluman tuan-tuan dan puan-puan sidang hadirin juga, perhubungan dagang, kebudayaan dan perniagaan di antara sub-benua India dengan Tanah Melayu adalah mengambil masa yang paling lama di antara pedagang-pedagang yang pernah datang ke negara kita. Dan oleh sebab adanya pedagang-pedagang dari Kalingapura ini, maka perkataan ringkasnya ialah "Keling" bagi orang pada masa itu. Tidak ada *offence*, Tuan Yang di-Pertua, tidak ada *offence* langsung dalam memperkatakan perkataan "keling" ini.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Tidak ada niat.

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Tidak ada niat untuk menyakitkan hati sesiapa, hanya meringkaskan hubungan. Dalam pada itu, kerana terdapat dalam teks-teks pengajian Bahasa Melayu dan juga di segi puisi dan pantun dan cerita-cerita lama, memang terdapat perkataan "keling", dan oleh sebab itu, ia tidak berniat untuk mengecilkan hati orang-orang India di Tanah Melayu ini khususnya. Malangnya, di dalam pergaulan masyarakat, timbul perkataan ini sebagai mencemuh. Serupa juga panggilan kepada orang Melayu yang pada satu masa dahulu, "Hai bangsat Melayu!". Kalau itu diambil kira, maka bertempurilah rakyat Tanah Melayu ini seluruhnya.

Alhamdulillah, perkara ini dapat dinyatakan. Hanya perkataan yang timbul, seperti mana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Tuan K.R.A. Naidu, kerana ia tertulis dalam kamus Dewan Bahasa keluaran tahun 1996, dan edisi kedua kamus Dewan Bahasa, ia telah memperbetulkan istilah, mengatakan tidak ada kaum yang harus melihat ini sebagai cemuhan kerana perkataan ini sudah didapati sebagai kurang manis digunakan. Oleh sebab itu, untuk pengetahuan Yang Berhormat Tuan K.R.A. Naidu, pada terbitan kamus edisi yang ke empat, perkataan yang menyentuh satu-satu kaum, sama ada perkataan bahasa ataupun peribahasa, akan dikeluarkan sama sekali supaya keharmonian dalam negara ini terjamin.

Tuan K.R.A. Naidu: [*Bangun*]

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz Shamsuddin, Tuan K.R.A. Naidu minta laluan.

Tuan K.R.A. Naidu: Boleh saya? Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan itu. Saya tidak mempersoalkan perkara itu. Sebenarnya kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri baca *Hansard*, saya katakan perkara ini adalah benar. Persoalan saya ialah, dalam kamus ini dipetik erti "keling" ada tiga makna. Satu ialah dalam kamus cetakan pada tahun 1996, maknanya ialah "kata yang kurang halus bagi orang yang berasal dari Selatan India". Makna yang kedua, ialah "orang India yang beragama Islam", itu pun saya tidak hiraukan, tetapi yang saya persoalkan ialah "keling pelikat", yang dimaksudkan sebagai "orang India yang beragama Islam". Adakah ini benar? "Keling pelikat" bermaksud "orang India yang beragama Islam". Jadi, orang India yang beragama Islam sudah tentu mereka akan tersinggung hati. Mereka akan berasa kecil hati. Terima kasih.

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Tuan Yang di-Pertua, saya ini bukan seorang ahli bahasa. Namun demikian, tersinggungnya perasaan ini memanglah kerana dalam sebuah daripada ensiklopedia dari Britain, ia mengatakan makna "Melayu" itu adalah "bangsa yang paling malas di dunia ini". Kalau diambil kira, kita tidak mahu tengok pun muka orang Puteh tetapi oleh sebab kita menggunakan akal lebih daripada perasaan maka kita dapat terus berhubung bukan sahaja dari segi perniagaan tetapi juga dalam segi ilmu serta lain-lain perkara yang menguntungkan negara kita.

Kalau sekiranya ada orang India yang beragama Islam merasa tersinggung, tetapi saya nampak di Pulau Pinang, kebanyakan daripada mereka diterima kerana mereka berkahwin dengan perempuan Melayu. Jadi, saya ingat perasaan ini tidak timbul sama sekali. Namun demikian, yang penting kita fikirkan ialah, pada edisi kamus yang ke empat diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, ia tidak akan lagi mengambil kira perkataan-perkataan yang boleh menimbulkan perkataan-perkataan yang sensitif kepada pelbagai kaum di negara ini. Ini yang penting. Ertinya, kita mengakui kalau ada kesilapan kita perbetulkan. Itu yang penting.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan M. Ratnam membawa isu pendidikan dan kementerian pendidikan sedar bahawa untuk mobiliti ke atas tidak ada cara lain bagi kaum-kaum di negara ini hanyalah melalui pendidikan. Kebanyakan kita di dalam Dewan ini saya tidak tahu tetapi kalau tengok dari wajah-wajah ini, kita bukan berasal daripada orang yang senang tetapi sudah pun maju ke hadapan semata-mata kerana pendidikan yang kita terima. Oleh sebab itu Yang Berhormat Tuan M. Ratnam, kita akan terus mengusahakan supaya mutu pendidikan negara ini bertambah baik dan kita akan menentukan bahawa anak-anak kita beruntung daripada sistem ini. Hanya masalah yang ditimbulkan yang lebih penting ialah dia hendak supaya SJK(T) dan SJK(C) diberi bantuan maksimum tanpa mengira sekolah kerajaan ataupun sekolah bantuan kerajaan.

Kalau dipandang dari segi satu aspek, memang tidak patut hanya semata-mata kerana sekolah bantuan kerajaan ini tanah atau premis dan juga bangunannya dipunyai oleh kumpulan swasta sama ada *estate owners* ataupun individu dan sekolah-sekolah ini sebenarnya dikuasai satu lembaga ataupun *board of trustees* yang berhak atas tanah itu. Oleh sebab itu kerajaan tidak boleh sesuka hati untuk mendirikan bangunan di tempat ini kerana takut adanya perubahan-perubahan dalam urusan *board* ini sendiri.

Oleh sebab itu, kita tidak memberi sumbangan sepenuhnya kepada sekolah-sekolah bantuan kerajaan semata-mata agar tidak ada rasa curiga nanti. Apa yang akan berlaku kepada keadaan itu. Yang sebenarnya bantuan ini bukanlah untuk membantu sepenuh projek sekolah tetapi meringankan beban bagi sekolah-sekolah bantuan kerajaan iaitu SJK(C) ataupun SJK(T) tetapi untuk makluman Yang Berhormat, bantuan per kapita dari sekolah tersebut, belanja mengurus, membayar gaji guru dan menyediakan guru-guru terlatih adalah sama seperti sekolah kerajaan. Hanya sedikit perubahan ialah bantuannya tidak sepenuh seperti yang kita bincangkan.

Namun demikian kalau sekiranya ada usaha daripada pihak yang berkenaan sama ada badan ataupun pemilik yang berhak atas sekolah itu ingin merujuk kepada kerajaan supaya menyerahkan kuasa tanah atau bangunan yang ada sudah tentu kerajaan boleh mempertimbangkan.

Dalam pada masa itu kerajaan juga mengiktiraf seperti yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri pada 13 November 2003, banyak perkara yang telah di sentuh. Kita mengiktiraf bahawa ada komuniti ataupun masyarakat yang membiayai sekolah bantuan kerajaan ini dengan begitu penuh komitmen. Umpamanya di Miri Sarawak. Sekolah ini bernama, minta maaf Tuan Yang di-Pertua saya terpaksa menerangkan sedikit, Sekolah Menengah Chung Hua, Miri, ada orang budiman yang bernama Tan Sri Dato' Paduka Ting Pek King dan isterinya menderma sebanyak RM10 juta untuk membangunkan sekolah itu dan banyak lagi sekolah-sekolah seumpamanya di Sekolah Menengah Assunta Petaling Jaya. Seluruh empat tingkat *lab* dibiayai oleh orang kaya juga yang bernama The YTL Group, Yoh Teng Lee Group.

Baru-baru ini pula kita mendengar Yayasan Al Bukhari melibatkan diri kepada sekolah-sekolah bantuan kerajaan tetapi ke seluruh sekolah, menghulurkan bantuan RM10.6 juta untuk membiayai pendidikan dan dua hari lepas saya berada di Cheras, dijemput oleh Yang Berhormat Dato' Syed Ali dia telah pun menubuhkan Yayasan Pelajaran Cheras dan pada masa itu telah menghulurkan bukan untuk anak Melayu tetapi Cina dan India yang miskin untuk belajar IT ataupun komputer, menghulurkan setiap tahun tidak kurang daripada RM60 ribu. Jadi, kita mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada pihak penderma yang bersimpati.

Saya mengulangi sekolah-sekolah bantuan kerajaan ini boleh menjalankan usaha kalau sekiranya dapat menyerahkan premis ini supaya kita dapat menguruskan dengan sempurna insya-Allah. Kalau ada yang tidak berpuas hati boleh kemukakan kemudian tetapi masyarakat mesti menyerahkan kepada kerajaan supaya tidak bertindih. Umpamanya Tuan Yang di-Pertua, elok saya terangkan sedikit. Ada sebuah sekolah premisnya dipunyai oleh swasta. Tiba-tiba kerajaan telah diminta untuk mendirikan bangunan yang cantik maka kita dirikan bangunan yang cantik tetapi pemilik kata, *this is not your land* dengan izin. Akhirnya bangunan itu akan pergi balik kepada swasta. Perkara ini mungkin tidak akan berlaku.

Ada juga cadangan daripada Yang Berhormat Tuan R. Sinniah mengatakan oleh sebab terciptanya budak-budak kerana pelbagai faktor antaranya ialah kemiskinan. Di sini disambut dengan satu cadangan supaya mengadakan asrama bagi sekolah-sekolah di luar bandar tetapi bukan sekolah bantuan penuh kerajaan. Lagi sekali kita akan menghadapi masalah kerana hari ini tanah sudah berubah milik. Umpamanya Sime Darby dipunyai oleh syarikat Inggeris pada satu masa dahulu. Hari ini ia telah dipunyai oleh TNB, Guthrie, Dunlop dan sebagainya.

Kalau perkara ini berlaku tuan milik yang asal sudah tidak ada lagi, tuan milik yang kedua, ketiga mempunyai perancangan tertentu ke atas tanahnya maka mereka berhak untuk menuntut balik tanah ini. Oleh sebab itu kerajaan mestilah menjaga amanah kerana kita adalah *custodian* kepada *public interest*. Oleh sebab itulah sebab-sebab tertentu mengapa perkara ini tidak dijalankan. Jadi, berhubung dengan tujuan untuk mengadakan asrama ini, selagi ia bukan tanah kerajaan dan milik bantuan kerajaan sepenuhnya, kita tidak akan dapat menjalankan.

Namun demikian pintu tidak tertutup. Ia masih terbuka kalau kita mahu berunding. Yang Berhormat Tuan R. Sinniah berhubung dengan keciciran bukan sahaja anak India tetapi ia

melibatkan semua kaum terutama sekali kaum yang jauh di luar bandar dan menghadapi kemiskinan. Oleh sebab itu kerajaan telah menubuhkan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin atau KWAPM. Mudah-mudahan dengan wang bantuan ini, anak-anak yang tercicir akan mendapat rahmat daripada kemiskinan yang ditanggung oleh ibu bapa ini. Ini selaras dengan pendidikan wajib yang dimulakan pada tahun 2003. Seperti Yang Berhormat sekalian maklum, melalui pendidikan wajib ini banyaklah kemudahan-kemudahan yang diberikan kepada anak-anak kita umpamanya uniform ke sekolah, tambang ke sekolah, makanan di sekolah, buku dan lain-lain. Ditambah dengan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin ini, mudah-mudahan anak-anak Malaysia tidak akan tertinggal dalam usaha mengejar pendidikan.

Kepada Yang Berhormat Tuan Osman bin Bungsu. Kalau kita perhatikan Yang Berhormat Tuan Osman bin Bungsu dengan songkoknya, kita tidak tahu yang dia Orang Asli tetapi sebenarnya dia adalah Orang Asli yang tulen dan dia bermegah dan saya juga bermegah atas sikap itu. Maksud saya kalaulah semua Orang Asli yang sudah mara ke hadapan dan maju ke hadapan seperti Yang Berhormat kita berhimpun dan bergerak dari satu kampung ke satu kampung Orang Asli, saya yakin anak-anak ini akan terikut dan terpengaruh dengan kejayaan Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian.

Ini adalah satu cabaran kepada keutuhan anak-anak Orang Asli dan lebih baik kalau kita pula mengadakan kelas-kelas tertentu dan kursus-kursus tertentu supaya membawa mereka kepada kesedaran bahawa di luar sana, ertinya di baruh dengan yang di darat, mungkin tuan-tuan tidak tahu ini tetapi Yang Berhormat Tuan Osman bin Bungsu tahu apa itu baruh dan darat. Baruh dan darat ini, kita di baruh dia di darat dan kalau mereka digabungkan selalu saya yakin kemajuan anak-anak Orang Asli tidak akan kita bincangkan lagi dalam beberapa masa lagi. Saya yakin mereka juga adalah anak-anak yang pandai kerana mereka juga adalah manusia yang dijadikan oleh Tuhan yang sama. Jadi Yang Berhormat saya berharap, ketua-ketua kaum Orang Asli mestilah didampingi dan dibawa kepada masyarakat yang lebih medan daripada hari ini. Bagi kerajaan kita akan usahakan apa sahaja untuk membantu memberi kemudahan kepada sekolah-sekolah ini.

Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng membangkitkan masalah kolej-kolej persendirian dan rasa kesal kerana Stamford College tidak berjaya untuk membawa tenaga pengajar yang akan mengajar bahasa Rusia. Ini kita bersimpati tetapi sebenarnya Kementerian Pendidikan sedia untuk menerima asalkan kolej ini membuat permohonan rasmi kepada Jabatan Pendidikan Swasta. Apabila kolej ini menulis dan merayu untuk membawa masuk pengajar Rusia, Jerman atau Afrika, *it will be allowed*, dengan izin, tidak ada sekatan dan kita masih menunggu lagi daripada JPS apakah jawapan yang telah dikemukakan diterima atau tidak. Sekiranya tidak diterima kalau permohonan sudah ada, saya bukan menteri penuh tetapi saya akan tolong Yang Berhormat supaya permintaan itu berjaya.

Berhubung dengan kurikulum dan hubungan kait dengan LAN, pertama sekali negara Malaysia hari ini membuat perubahan yang begitu *significant* dengan menubuhkan kolej-kolej swasta dan kolej swasta tidak boleh ditubuhkan dengan sewenang-wenangnya, ia mesti meminta izin dan kebenaran daripada pihak Jabatan Pendidikan Swasta di Kementerian Pendidikan. Kita hendak pastikan bangunannya baik, guru-gurunya terlatih dan kemudahannya lengkap. Apabila pihak JPS sudah bersetuju dan mengakui akan kebaikan dan juga kemantapannya maka sekolah itu dibenarkan membuka kursus apa yang mereka hendak. Namun demikian, mereka juga belum bebas lagi kecuali LAN *certified* kursus-kursus itu sebenarnya dijalankan dan ini di akhirnya ditentukan oleh Menteri Pendidikan itu sendiri.

Timbul masalah mengapa ada *twinning system* di antara negara kita dengan negara yang lebih maju; Australia ataupun England masih lagi dipersoalkan atas kehadiran mereka walhal mereka adalah universiti yang lebih tua dan lebih lama *being acknowledged*, bukan semuanya, hanya sesetengah kerana kurikulum mereka tidak sesuai dengan tempatan. Oleh sebab itu LAN terpaksa campur tangan supaya kursus-kursus yang dijalankan di kolej swasta ini walaupun dia *twinning* dengan negara asing ataupun negara yang lebih maju tetapi demi kepentingan anak-anak kita maka penyesuaian

kurikulumnya haruslah sesuai untuk cita rasa tempatan. Oleh sebab itulah ada sedikit kekeliruan. Apabila perkara ini telah diuruskan, insya-Allah tidak ada lagi masalah akan timbul.

Yang Berhormat Puan Wan Ubaidah binti Omar mencadangkan adakan program keusahawanan di institusi pengajian tinggi. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, perkara ini memang sudah ada, hanya tidak ada *specific subject* dalam soal keusahawanan. Kalau kita pergi ke mana-mana universiti ada mengajar *Economic* kalau peringkat tinggi di mana sahaja di universiti, bidang perniagaan dan pengurusan tetapi tidak ada *specific* bagaimana cara hendak menjual cendol, bagaimana hendak menjual tempurung, tidak ada tetapi dengan cara pendidikan yang formal dan informal, anak-anak ini akan tahu apa yang sesuai dan patut mereka jalankan.

Oleh sebab itu kita tidak ada *specific* tetapi cadangan Yang Berhormat itu sudah pun dijalankan beberapa lama dahulu. Hanya mungkin ada perkara baru yang akan timbul iaitu kita mungkin mengadakan kaunselor keusahawanan. Sudah berapa banyak kaunselor-kaunselor dan satu daripadanya ialah kaunselor keusahawanan kerana kita dapati daripada sekolah menengah sampai ke kolej dan universiti memang ada pelajaran asas ekonomi dan mudah-mudahan dengan bimbingan kaunselor keusahawanan ini mutu dan juga kecekapan anak-anak kita akan lebih baik daripada yang kita sangka.

Yang Berhormat Puan Hajah Azidah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Dun mencadangkan adanya projek *Work* bagi sekolah-sekolah. Ini juga telah diadakan di peringkat sekolah menengah tetapi kalau kita perhatikan projek *Work*, kita tidak tahu apakah definisi sebenar daripada Yang Berhormat, kita sudah mulakan dari sekolah rendah dengan mengadakan kokurikulum sekolah kita di mana anak bermain sebagai individu dan juga sebagai berpasukan dan sampailah kepada sekolah menengah dan universiti, perkara ini memang ada dijalankan sama ada ia berbentuk kumpulan ataupun individu.

Yang terakhir ialah cadangan dan pandangan daripada Yang Berhormat Datuk Yaakob bin Haji Mohammad. Yang Berhormat minta supaya kita mengawasi kegiatan ekstremis di luar negara. Yang kedua, merealisasikan sekolah wawasan. Memang betul kita sudah mengadakan AUKU semenjak tahun 1971. Hari ini AUKU ataupun *University Act* sudah berumur 32 tahun dan ia masih relevan demi kepentingan negara. Mungkin ada yang mengatakan perlu apa AUKU kerana anak-anak aku sudah pandai? Manusia tidak pandai selalu, kadang-kadang dia bodoh dan bila bodoh dia terperangkap dan dia marah. Oleh sebab itu kita yakin bahawa AUKU yang ada akan dapat menghilangkan sentimen *extremism* yang boleh dimasukkan ke universiti dan kita yakin ini relevan kerana sudah 32 berjalan, universiti kita bukan bertambah kurang tetapi daripada 3, menjadi 12, jadi 15 dan bilangan yang hendak masuk ke dalam masih banyak dan banyak yang masih menunggu di luar. Bukan sahaja kita menerima daripada anak-anak yang baik tetapi anak-anak orang yang tidak baik pun kita masuk kerana salah ayahnya tidak hukum anaknya. Begitulah sistem yang ada di negara kita pada hari ini.

Oleh sebab itu memang kita memantau kegiatan ekstremisme ini kerana kita adalah pemegang amanah kepada rakyat atas wang yang dikumpulkan bagi membangunkan negara ini dan kita tidak akan membenarkan selagi Barisan Nasional memerintah, ia tidak akan membenarkan siapa juga yang sabotaj untuk pembangunan dan kesejahteraan rakyat pada hari ini dan masa hadapan. Insya-Allah [*Tepuk*]

Sekolah wawasan timbul, Tuan Yang di-Pertua, kerana kita melihat dan kalau kita benarkan ia berterusan, *there will be a parallel education* di dalam negara ini. *Parallel* tidak akan menemui kepada pusat yang tertentu kerana masing-masing akan terus berjalan dengan kemahuannya sendiri. Sekolah Cina akan terus dengan Sekolah Cinanya, Sekolah Tamil akan terus dengan Sekolah Tamilnya, Sekolah Melayu akan terus dengan Sekolah Melayunya, tidak akan berlaku perjumpaan. Tidak serupa masa saya belajar dahulu, kami berkumpul di satu sekolah di mana anak Cina, anak India, *rationya* hampir sama walaupun kadangkala memang orang Melayu kurang tetapi perhubungan persahabatan tetap terbina dan *there was no worry about extremism, there was no worry about you are Chinese, you are Indian, you are Malay*, kita merasakan diri kita berkawan.

Hari ini rupanya selepas merdeka 46 tahun, keadaan ini agak membimbangkan dan sebagai pemimpin negara itu sebabnya bekas Perdana Menteri kita Tun Dr. Mahathir Mohamad merasakan kalau kita tidak *check early then we are going to face disaster* maka timbullah perkataan sekolah wawasan. Ramai orang disalahtafsirkan sekolah wawasan ini kita akan duduk sama-sama dalam satu kelas, tidak. Sekurang-kurangnya kita berada dalam satu kawasan di situ ada sekolah Cina, sekolah Tamil dan sekolah kebangsaan. Mereka bermain di padang yang sama, makan di kantin yang sama, belajar kelas masing-masing, guru besarnya masing-masing, pengetuanya masing-masing. Tetapi sekurang-kurangnya dia dapat bau macam mana bau Cina, macam mana bau India, macam mana bau Melayu dengan adanya pergaulan yang rapat. Jadi dari segi *habitnya* dan inilah cara-cara sekurang-kurangnya dapat mengetahui supaya kita tidak merasa terasing di negara sendiri dan kita akan realisasikan sekolah wawasan ini demi perpaduan negara dan keselamatan serta kesejahteraan negara pada masa hadapan. Sekian daripada Kementerian Pendidikan, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat. Saya jemput Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga.

3.20 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga [Datuk Hajah Mastika Junaidah binti Husin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan berbilang-bilang terima kasih atas pandangan dan saranan yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat terutama Yang Berhormat Senator Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Dun dalam membahaskan perbahasan ke atas Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelapan yang melibatkan Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga.

Tuan Yang di-Pertua, Kursus Pra-Perkahwinan kepada bakal-bakal pengantin sememangnya telah dijalankan oleh kerajaan melalui JAKIM untuk pasangan Islam dan oleh NGO serta badan-badan agama untuk mereka yang bukan Islam. Walau bagaimanapun, Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga buat masa ini tidak bercadang mewajibkan kursus ini kepada semua bakal pengantin. Namun kita menyokong pihak-pihak yang mengambil inisiatif ke arah tersebut. Untuk itu, LPPKN telah pun menerbitkan satu panduan perkahwinan iaitu Pakej *Smart Start* untuk menjadi bahan rujukan kepada pasangan dan juga kepada NGO yang ingin menganjurkan kursus pra-perkahwinan.

Mengenai cadangan untuk mewajibkan Kursus Pra-Poligami, buat masa ini kementerian menerapkan kesedaran para suami untuk berlaku adil melalui program-program pendidikan yang dijalankan oleh kementerian melalui seperti bengkel *Smart Start*, ceramah-ceramah mengenai pembangunan keluarga, Program Literasi Undang-undang dan Program Nur Bahagia.

Mengikut kajian yang dijalankan di Malaysia dan juga antarabangsa, masalah keruntuhan akhlak remaja tidak terhad kepada keluarga di mana ibu-ibu bekerja. Kajian LPPKN mengenai disiplin pelajar sekolah menengah di Malaysia pada tahun 1994 dan 1995 mendapati faktor hubungan antara pelajar dan ibu bapa menjadi penentu utama sama ada pelajar itu dikategorikan sebagai bermasalah ataupun tidak.

Mengikut pelajar bermasalah, mereka kurang mendapat perhatian kasih sayang, galakan daripada ibu bapa serta kurang terlibat dengan aktiviti-aktiviti bersama dengan keluarga. Penemuan yang sama juga didapati dalam kajian LPPKN ke atas kes-kes juvana, kajian keluarga disfungsi dan juga kajian penjagaan anak dan cara gaya keibubapaan di kalangan ibu bapa bekerja di Malaysia.

Berdasarkan penemuan ini, Pakej Kasih iaitu modul berkaitan kemantapan perkahwinan keibubapaan, pembangunan remaja dan kebapaan telah dibangunkan. Buat masa ini, modul-modul ini telah banyak dilaksanakan oleh LPPKN dan NGO di peringkat akar umbi. Adalah diharapkan kesedaran para ibu bapa dapat ditingkatkan melalui program-program pendidikan, Kempen Utamakan Keluarga, Semakin Hari Semakin Sayang dan juga melalui pembinaan Pusat Khidmat Keluarga Setempat iaitu Kompleks Kasih Keluarga di bawah Rancangan Malaysia Kelapan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai penyelarasan dan penyeragaman Undang-undang Keluarga Islam, adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Bagaimanapun, Undang-undang Keluarga Islam memang menyediakan peruntukan kepada isteri atau bekas isteri untuk membuat tuntutan ke atas harta sepencarian. Kementerian menyokong sekiranya kerajaan-kerajaan negeri dapat menyeragamkan Undang-undang Keluarga Islam supaya hak-hak isteri yang terabai dan teraniaya tidak dinafikan.

Sementara itu, kementerian ini amat memandang berat dan prihatin terhadap masalah yang dihadapi oleh wanita yang diabaikan ataupun yang bercerai atau yang berpisah tetap. Untuk membantu mereka ini dan juga ibu tunggal yang menghadapi masalah kewangan, kerajaan telah melaksanakan pelbagai bentuk bantuan termasuklah dari segi pendidikan dan latihan kemahiran, bantuan modal untuk memulakan perniagaan, keutamaan dalam memiliki rumah kos rendah dan sebagainya.

Kementerian ini juga meneliti Rang Undang-undang Keluarga Islam dan telah mengemukakan beberapa cadangan pindaan yang mengambil kira kedudukan institusi keluarga pada masa kini dan akan datang. Di samping itu, kementerian ini telah mengadakan Program Literasi Undang-undang untuk menerangkan tentang tanggungjawab suami isteri dan hak-hak wanita yang perlu dituntut oleh seorang wanita semasa dan selepas perkahwinan. Program ini telah dilaksanakan hingga ke peringkat akar umbi dengan kerjasama Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga di peringkat negeri dan juga di kawasan Parlimen serta pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, ini termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat wanita, sebahagian dari mereka adalah Pengerusi Majlis Pembangunan Wanita sama ada di peringkat negeri ataupun di peringkat Parlimen.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Yang Berhormat, kita lihat makin kita bergerak ke arah negara maju, makin rumit lagi peraturan-peraturan untuk kahwin. Kalau dahulu senang sahaja hendak kahwin. Jadi, adakah itu pada pandangan Yang Berhormat, akan menghalang atau tidak menghalang orang tidak hendak berkahwin?

Datuk Hajah Mastika Junaidah binti Husin: [Ketawa] Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan ini nampaknya begitu berat untuk saya menjawab. Untuk seseorang itu berkahwin...

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Kalau dahulu, tidak ada kursus, tidak ada itu, tidak ada ini, orang kahwin. Oleh kerana banyak hendak kena pergi kursus dan sebagainya, malas, leceh, maka tidak payah kahwinlah katanya.

Datuk Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Saya rasa bukan itu....

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Hajah Mastika Junaidah binti Husin:bukan itu, Tuan Yang di-Pertua. Bukan itu alasan mereka yang tidak berkahwin. Kalau dia sudah jatuh cinta, walau macam mana pun kita halang, dia terus hendak berkahwin.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Alhamdulillah!

Datuk Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Dia cari jalan untuk berkahwin.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Alhamdulillah!

Datuk Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tetapi akhir-akhir ini, keadaan pencapaian penduduk di negara kita di mana sesetengah pihak, mereka lebih mengutamakan karier mereka begitu sibuk dengan karier mereka hingga terlupa hendak kahwin. Ini masalahnya. [Ketawa]

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Ya, sila teruskan.

Datuk Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Dan satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, apa yang disebutkan tadi soal susah atau senangnya kahwin itu, saya rasa bukanlah perkara pokok tetapi tanggungjawab selepas perkahwinan. Itu yang penting. Bagi keluarga seseorang individu yang telah berkahwin, sebenarnya tanggungjawabnya bukan sekadar

untuk institusi keluarganya, tetapi apa yang berlaku dalam keluarganya akan menentukan kejayaan negara kita. Ini adalah unit yang terkecil...

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Saya setuju.

Datuk Hajah Mastika Junaidah binti Husin: ...di dalam masyarakat yang menentukan pencapaian negara kita.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Saya setuju.

Datuk Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Jadi, tanggungjawab selepas berkahwin itu amat penting. Sebab itu bagi pihak kementerian, kita mengambil daya usaha...

Tuan Ismail bin Kasim: *[Bangun]*

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Yang Berhormat...

Datuk Hajah Mastika Junaidah binti Husin: ...untuk mengadakan kursus dan juga..

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Ada...

Datuk Hajah Mastika Junaidah binti Husin:untuk memberikan..

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Belum dapat laluan.

Datuk Hajah Mastika Junaidah binti Husin: ...memberikan pendidikan kepada mereka yang ingin berkahwin dan juga mereka yang telah berkahwin supaya dapat mewujudkan rumah tangga yang bahagia dan unit keluarga yang berjaya. Ada...?

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Ya, Yang Berhormat Tuan Ismail minta laluan.

Datuk Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Ya, sila.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Ha, boleh dah!

Tuan Ismail bin Kasim: Terima kasih.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Perlis ke Perlis!

Tuan Ismail bin Kasim: Ya, Perlis ke Perlis. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyarankan kepada pihak kementerian supaya juga diperkenalkan satu kursus untuk mengendalikan kasih sayang terhadap suami dari segi layanan yang lebih baik kerana kalau kita melihat dan mencontohi, dengan izin,

Neng tambun neng produk,

Satu kampung satu produk.

[Ketawa] Ini mengikut apa yang dibuat di Thailand. Apa salahnya dari segi layanan mesra perempuan Thailand terhadap suami, layanan yang istimewa ini, diberi kursus kepada wanita-wanita di Malaysia supaya suami ini tidak lari ataupun ingin menambah kuota dan sebagainya. Terima kasih.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Itu saya tidak campur.

Datuk Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Itu saya tidak campur, ya. *[Ketawa]*

Datuk Hajah Mastika Junaidah binti Husin: ...dan terima kasih kepada Senator Tuan Ismail bin Kasim. Kita memang bersetuju supaya para isteri menjalankan tanggungjawab mereka sebaik mungkin sebagai isteri dan layanan kepada suami itu sebenarnya salah satu daripada tanggungjawab isteri. Tetapi kalau membandingkan layanan isteri dengan layanan yang di Thailand, ini layanan sebab ada "fulus". Ini bukan layanan percuma. Isteri melayan suami dengan penuh kasih sayang, bukan disebabkan

oleh ganjaran. Ini harus kita bezakan. Agaknya, saya tidak tahulah di Thailand, mungkin lebih banyak bayar, lebih hebat layanan. Saya tidak tahulah itu. *[Ketawa]*

Tuan Ismail bin Kasim: *[Bangun]*

Datuk Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya memang bersetuju dan pihak kementerian dalam kursus-kursus yang kita anjurkan melalui LPPKN juga, bukan sahaja kita sekarang ini sekadar memberikan kursus-kursus kepada pasangan-pasangan supaya mereka dapat, dengan izin, *develop* hubungan yang baik, persefahaman yang baik dan interaksi yang baik antara suami isteri tetapi sampai kepada bagaimana suami isteri ini dapat melalui kehidupan rumah tangga yang bahagia. Ini pun telah diberi perhatian oleh jabatan di bawah kementerian kita. Saya rasa saya telah menjawab persoalan Yang Berhormat. Ada lagi yang hendak ditanya?

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Saya...

Tuan Ismail bin Kasim: Ya, penjelasan.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Nanti sekejap. Saya tidak membenarkan dia berbahas.

Tuan Ismail bin Kasim: Bukan berbahas, Tuan Yang di-Pertua, bukan berbahas.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Cuma bagikan pandangan...

Tuan Ismail bin Kasim: Kebetulan, kebetulan. Sebab tidak semua pada saya... Saya bukan membela Yang Berhormat Puan Siw Chun yang ada pertalian dengan...

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Sebab itu saya kata jangan berbahas. Bagikan pandangan sahaja.

Tuan Ismail bin Kasim: Pandangan Tuan Yang di-Pertua. Tidak semua perempuan Thailand yang melayan suami kerana ganjaran ataupun disebabkan oleh unsur-unsur material ataupun kewangan dan sebagainya. Pada saya layanan kelembutan itu, kerat kuku suami, mandikan suami...*[Beberapa Ahli ketawa]* Perkara ini wanita kita tidak boleh buat. Jadi saya minta kemesraan itu supaya kementerian timbulkan unsur-unsur itu, elemen-elemen itu di kalangan wanita kita..

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Okay, jelas.

Tuan Ismail bin Kasim: ...bukan kerana kewangan, kerana nilai-nilai kasih sayang yang tulen. Itu saya hendak.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Jelas. Terima kasih. Tapi perempuan Malaysia pun ada. Isteri saya pun potong kuku saya.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Silakan.

Datuk Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, tadi pada mulanya bila disebut layanan daripada wanita Siam, mungkin saya dapat *connotation* yang lain dan pandangan yang lain. Apa yang disebut oleh Yang Berhormat Tuan Ismail bin Kasim adalah layanan isteri, wanita Thailand. Ini juga bagi kita negara yang berbilang kaum, bagi Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga kita menghargai nilai-nilai yang ada pada pelbagai kaum. Misalnya kaum India ada kekuatan, kaum Cina ada kekuatan..

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Ada keistimewaan.

Datuk Hajah Mastika Junaidah binti Husin: ...keistimewaan dan orang-orang Thailand, mungkin ini keistimewaan kita boleh mungkin dapat...

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Belajar daripada mereka.

Datuk Hajah Mastika Junaidah binti Husin: ...daripada Yang Berhormat Puan Siw Chun a/p Eam yang ada di sini. Mendapatkan maklumat yang lebih mendalam dan saya rasa sebagai warganegara Malaysia yang kita mempunyai peluang yang begini baik,

mempunyai etnik yang berbagai-bagai tidak salah bagi kita untuk menerap nilai-nilai yang baik supaya kita dapat mewujudkan masyarakat Malaysia yang terbaik mungkin kita jadi masyarakat yang terbaik di dunia

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Yang lebih kaya dengan budayanya ya.

Datuk Hajah Mastika Junaidah binti Husin: ...dan ini memang boleh kita kaji dan boleh kita ambil peluang supaya dalam kita mempunyai infrastruktur yang *first class*, kita juga hendak mewujudkan masyarakat yang *first class*. Setiap elemen yang baik perlu kita lihat untuk kita terapkan pada masyarakat. Jadi kita bersetujulah dengan pandangan yang dikemukakan tadi.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Yang Berhormat.

Datuk Hajah Mastika Junaidah binti Husin: ..tapi saya tidak tahu Yang Berhormat Tuan Ismail Kasim ini dia tahu berkenaan dengan wanita Thai..

Tuan Ismail bin Kasim: Tidak, saya Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Hajah Mastika Junaidah binti Husin: ...isteri tapi saya tahu dia tidak berkahwin dengan wanita Thai... [Ketawa].

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Duduk, duduk.

Datuk Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Itu satu pandangan dan kajian yang mungkin boleh diperdebatkan nanti di luar Dewan. Terima kasih.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Saya tidak memberinya

Datuk Haji Karim Ghani: [Bangun]

Datuk Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Berhubung dengan peningkatan peranan wanita dalam pembangunan negara...

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Boleh bagi laluan kepada Yang Berhormat Datuk Haji Karim Ghani.

Datuk Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Bolehkah? Kalau Tuan Yang di-Pertua bagi izin, ada masa! Saya tidak keberatan.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Tidak soalnya laluan ini adalah Yang Berhormat...

Datuk Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Kalau masa mengizinkan bagi pihak Dewan, saya tidak keberatan. Sila.

Datuk Haji Karim Ghani: Sedikit sahaja Tuan Yang di-Pertua. Dari apa yang dicakapkan oleh Yang Berhormat tadi, saya merasa sedikit pelik kerana apa yang saya nampak banyak orang mahu kahwin tapi tidak mahu nikah. Apa pandangan Yang Berhormat.

Datuk Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kalau mahu kahwin tidak mahu nikah ini memang dilarang oleh agama mana-mana pun. Ia akan menimbulkan masalah dalam masyarakat. Sebenarnya ikatan perkahwinan yang wujud di dunia ini adalah untuk menstabilkan dan juga untuk mengharmonikan masyarakat. Walaupun ia tuntutan agama tetapi dalam tuntutan masyarakat ia jelas dan perlakuan yang di luar daripada itu adalah perlakuan yang boleh menjejaskan masyarakat keseluruhan.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Yang Berhormat, kita ada undang-undang untuk menangannya. Jadi tidak payah jawab.

Datuk Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Ya, ya kita memang ada undang-undang untuk itu. Sebab itu undang-undang diwujudkan ke arah itu. Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan ya. Kerajaan sentiasa mempunyai tanggapan bahawa wanita adalah sumber tenaga manusia yang sama penting dengan lelaki di negara ini. Dalam hubungan ini, Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga akan terus berusaha untuk menghapuskan sebarang bentuk ketidakadilan dan diskriminasi terhadap wanita termasuk

dalam bidang perundangan, pekerjaan, pendidikan dan penyertaan dalam ekonomi supaya mereka dapat berperanan sebagai *important player* dalam pembangunan negara.

Penglibatan wanita dalam sesetengah bidang seperti pendidikan, pekerjaan dan profesional telah melebihi kaum lelaki. Umpamanya dalam bidang pendidikan di IPTA, *enrollment* wanita adalah kira-kira 62% berbanding dengan 38% lelaki. Manakala di IPTS, bilangan wanita dan lelaki hampir sama iaitu 50-50. Walau bagaimanapun, di peringkat pembuat keputusan seperti Jawatan Utama Sektor Awam (JUSA), wanita masih lagi ketinggalan iaitu hanya kira-kira 15% wanita menjawat jawatan JUSA berbanding dengan kira-kira 46% wanita dalam sektor awam, hampir 50% wanita dalam sektor awam tapi JUSA cuma ada 15%.

Ini satu angka yang amat rendah dibandingkan dengan perbandingan wanita dalam sektor awam. Begitu juga dalam sektor korporat. Wanita yang memegang jawatan Ahli Lembaga Pengarah masih rendah iaitu kira-kira 10% sementara penglibatan wanita luar bandar peringkat akar umbi dalam politik, NGO dan persatuan, kajian Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga mendapati ia masih di peringkat yang rendah iaitu kira-kira 31% daripada jumlah wanita keseluruhannya.

Menyedari bahawa penglibatan wanita di peringkat membuat keputusan masih di tahap yang rendah, Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga kini sedang mengambil inisiatif bagi meningkatkan penyertaan wanita di peringkat berkenaan. Ini akan membantu dan mempercepatkan usaha-usaha meningkatkan penglibatan wanita dalam semua peringkat dan juga dalam semua bidang secara saksama. Adalah diharapkan semua wanita Malaysia akan turut sama dengan inisiatif tersebut, sekali gus menyokong usaha-usaha Kerajaan Barisan Nasional untuk memartabatkan wanita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pandangan dan saranan yang membina terhadap berbagai-bagai isu yang menyentuh kementerian. Semua saranan tersebut akan diberi perhatian sewajarnya bagi membantu kementerian melaksanakan program dan aktiviti yang lebih berkesan dan cemerlang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Terima kasih. Saya jemput Kementerian Pengangkutan.

3.37 ptg.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada beberapa Yang Berhormat yang telah memberi pandangan mengenai Kementerian Pengangkutan. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng dan Yang Berhormat Tuan Benedict Bujang Tembak telah membangkitkan isu kontrak landasan berkembar utara-selatan yang diberi kepada MMC Gamuda.

Untuk makluman Yang Berhormat, kontrak yang ditawarkan kepada syarikat MMC Gamuda adalah berdasarkan tawaran harga terendah yang dibuat oleh syarikat tersebut. Pemberian kontrak kepada kontraktor yang menawarkan harga terendah adalah merupakan dasar kerajaan. Walau bagaimanapun, sekiranya kontrak yang ditawarkan kepada syarikat luar negara, kerajaan akan mengenakan syarat untuk melaksanakan perdagangan timbal balas minyak kelapa sawit dan ini akan dapat memberikan keuntungan kepada negara dengan meningkatkan jumlah harga eksport negara. Kerajaan akan meneruskan semua dasar-dasar hubungan dua hala yang telah dilaksanakan kepada hubungan negara luar. Pihak kerajaan juga akan memberi penjelasan kepada kedua-dua negara mengenai perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng membangkitkan isu mengenai rasional melaksanakan projek kereta api berkembar. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan pada masa ini sedang melaksanakan program pemodenan perkhidmatan kereta api. Salah satu program yang dirancang adalah dengan mewujudkan landasan berkembar daripada Johor Bahru ke Padang Besar.

Pemodenan sistem pengkeretaan akan dapat meningkatkan kecekapan operasi kereta api, meningkatkan hasil dan peluang-peluang perniagaan, meningkatkan kapasiti

perkhidmatan kepada lima kali ganda dari kapasiti semasa serta mengadakan perkhidmatan yang lebih cemerlang kepada pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Osman bin Bungsu telah membangkitkan isu mengenai had laju bas ekspres. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut Seksyen 40 Akta Pengangkutan Jalan, mana-mana pemandu yang memandu sesuatu kenderaan motor dengan kelajuan yang lebih daripada apa-apa had laju yang dikenakan di bawah akta ini, maka pemandu tersebut akan melakukan kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM1,000. Had laju yang dibenarkan bagi bas ekspres dan bas persiaran ialah 90 kilometer sejam bagi lebuhraya dan 80 kilometer sejam bagi kenderaan biasa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, walaupun pihak Jabatan Pengangkutan Jalan mempunyai kuasa di bawah akta ini untuk menjalankan penguatkuasaan had laju, namun kuasa telah diberikan kepada pihak Polis Diraja Malaysia bagi menjalankan penguatkuasaan had laju. Ini kerana pihak PDRM mempunyai peralatan yang mencukupi dan tenaga kerja yang berkemahiran bagi melaksanakan penguatkuasaan had laju ini. Pihak JPJ lebih menumpukan kesalahan yang melanggar peraturan dan syarat-syarat permit kenderaan perdagangan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Osman bin Bungsu juga telah menyentuh mengenai isu pendaftaran dan penukaran hak milik kenderaan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut Seksyen 13 Akta Pengangkutan Jalan, pemilik sesebuah kenderaan dikehendaki melakukan penukaran hak milik kenderaan dalam tempoh tujuh hari selepas proses tukar milikan dibuat. Pemrosesan borang penukaran hak milik biasanya mengambil masa maksimum tiga hari bekerja, walau bagaimanapun, sekiranya jumlah borang yang diproses sedikit maka tempoh masa yang diambil adalah lebih singkat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, masalah yang dihadapi ialah keengganan sesetengah pemilik membuat penukaran hak milik terutamanya bagi pengusaha-pengusaha kereta terpakai. Dalam usaha untuk menggalakkan pengusaha kereta terpakai membuat penukaran hak milik, pihak JPJ mempunyai cadangan untuk menurunkan kadar bayaran sebanyak RM100 bagi proses penukaran hak milik kepada satu kadar yang berpatutan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Lim Kee Moi mencadangkan supaya pengendalian barang *perishable* dijalankan dengan lebih baik dan efisien serta kerjasama dengan Pelabuhan Tanjong Pelepas (PTP). Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah dalam perancangan Senai Airport Terminal Services Sendirian Berhad (SATS) telah pun mendapat khidmat konsultan untuk membuat kajian menyeluruh berkaitan dengan kemudahan *perishable centre* di Senai. SATS kini bekerjasama dengan pelbagai pihak pengusaha pengangkutan termasuklah Pelabuhan Tanjong Pelepas bagi menggunakan lapangan terbang tersebut sebagai sebuah logistik am. Dengan kerjasama yang dirancang ini akan dapat mewujudkan satu rangkaian perkhidmatan logistik multi model yang kukuh dan menyeluruh yang mana melibatkan pengangkutan laut, darat dan udara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang Mahani membangkitkan isu mengenai langkah-langkah yang diambil untuk meningkatkan rel kereta api negeri Sabah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah bersetuju untuk melaksanakan projek menaik taraf infrastruktur dan stor kereta bagi kereta api negeri Sabah sebagai program jangka pendek secara berperingkat-peringkat dari Tanjong Aru ke Beaufort ke Tenom sepanjang 134 kilometer. Di antara kerja-kerja yang akan dilaksanakan adalah membaiki pulih landasan jambatan, pembinaan 13 bangunan stesen, platform, semboyan, komunikasi, stor kereta dan bengkel. Semua ini berjumlah RM383.15 juta.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang Mahani juga mencadangkan supaya rel kereta api negeri Sabah dipanjangkan dari Tenom ke Keningau. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan pada masa ini belum ada cadangan untuk menyambungkan landasan kereta api dari Tenom ke Keningau.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang Mahani juga mencadangkan penambahan konsesi hak pendaratan yang membenarkan syarikat-syarikat

penerbangan asing beroperasi ke Sabah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan mengamalkan dasar liberal dalam bidang penerbangan awam antarabangsa dan sentiasa mendapatkan hak-hak trafik udara untuk memperluaskan rangkaian perkhidmatan antarabangsa dari Malaysia ke negara-negara asing di samping mengalu-alukan syarikat penerbangan asing untuk mengadakan penerbangan ke Malaysia. Dalam hal ini, dalam rundingan-rundingan udara yang diadakan dengan negara-negara asing, kerajaan akan menawarkan hak-hak trafik kepada negara-negara berkenaan bagi membolehkan syarikat-syarikat penerbangan mereka mengadakan penerbangan ke Malaysia termasuk ke negeri Sabah dan negeri Sarawak. Terpujalah kepada syarikat-syarikat penerbangan tersebut untuk mengadakan perkhidmatan dan membawa pelancong terus ke Sabah ataupun ke Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang Mahani juga ada mencadangkan untuk membesarkan Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu dan memindahkannya ke tapak lain. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelapan, kerajaan telah bersetuju untuk menaik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu. Pada masa ini kerajaan tidak ada apa-apa pertimbangan untuk membina lapangan terbang baru di kawasan lain. Ini adalah kerana lapangan terbang yang sedia ada didapati boleh dinaik taraf secara fizikal.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang Mahani juga mencadangkan untuk menjadikan Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu sebagai sebuah *hub cargo*. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berhubung dengan cadangan untuk menjadikan Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu sebagai satu *hub cargo* sederhana, kerajaan buat masa ini belum mempunyai rancangan.

Namun demikian, kerajaan sentiasa bersikap peka dan terbuka untuk menerima dan menimbang sebarang cadangan yang baik, yang berasaskan kepada justifikasi pertumbuhan jumlah kargo yang dikendalikan dan lain-lain faktor ekonomi yang kukuh demi mempertingkatkan industri pengangkutan udara negara.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahajalah perkara-perkara yang saya dapat sempat jawab bagi pihak Kementerian Pengangkutan, jadi apa-apa perkara yang kita tidak jawab di sini, akan diambil perhatian oleh kementerian.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Terima kasih, saya jemput Kementerian Sumber Manusia.

3.47 ptg.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada empat orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh isu mengenai Kementerian Sumber Manusia sewaktu menggulung perbahasan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelapan iaitu Yang Berhormat Senator Datuk Nor Azah binti Awan dan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Arzmi bin Haji Abdul Hamid yang membangkitkan isu mengenai 1.5 juta pekerja asing yang bekerja di negara ini yang menjejaskan peluang pekerjaan tempatan dan pekerja di desa yang menganggur dan ingin mengetahui sebab-sebabnya menganggur.

Untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua, ini telah saya jawab dengan panjang lebar sewaktu menggulung perbahasan dalam Rancangan Malaysia Kelapan dan Bajet dan juga soalan yang dikemukakan kepada kementerian pada 11 November, jadi tidak perlu diulang balik.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Jawapannya sama?

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Jawapannya sama. Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Chin Fook Weng membangkitkan isu mengenai keupayaan sumber manusia untuk membantu penganggur mendapatkan pekerjaan serta mereka yang kehilangan pekerjaan disebabkan kelembapan ekonomi dan penutupan syarikat. Beliau berharap latihan tambahan diberi kepada graduan dan keupayaan latihan sumber manusia ditingkatkan.

Bagi makluman Dewan yang mulia ini, Kementerian Sumber Manusia melalui agensinya iaitu Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSM) telah melaksanakan dua skim iaitu skim latihan pekerja yang diberhentikan dan juga skim latihan penganggur SPM dan skim latihan graduan Fasa 1 pada tahun 2001 dan Fasa 2 yang baru sahaja dimulakan pada bulan September yang lalu.

Skim latihan pekerja yang diberhentikan kerja dan penganggur SPM menawarkan pelbagai jenis kursus di peringkat sijil ataupun diploma bertujuan untuk membantu dan melengkapkan pekerja yang diberhentikan kerja dan pengangguran selepas SPM dengan kemahiran yang lebih bagi meningkatkan peluang mereka untuk mendapat pekerjaan.

Kumpulan sasar skim ini adalah pekerja-pekerja yang telah diberhentikan kerja oleh majikan dari semua sektor ekonomi dan juga penganggur lepasan SPM yang masih belum mendapat pekerjaan setelah tiga tahun mengambil peperiksaan tersebut. Skim ini telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan dari pekerja yang diberhentikan kerja dan penganggur lepasan SPM yang telah pun ditutup pada 22 Ogos pada tahun lepas iaitu tempoh sembilan bulan daripada tarikh pelaksanaannya.

Oleh kerana terdapat baki kewangan yang boleh digunakan semula, maka skim ini dibuka semula pada 29 Januari 2003. Kumpulan sasar skim ini adalah para pekerja yang diberhentikan kerja sahaja. Skim ini kemudian dilihat berjaya dan dapat melatih 9,520 orang pekerja yang diberhentikan kerja dan juga penganggur lepasan SPM dengan melibatkan bantuan sebanyak RM57 juta.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini pula pada 5 November 2003 latihan pekerja yang diberhentikan kerja telah dibuka semula bagi membantu para pekerja yang diberhentikan mendapatkan kemahiran yang baru, yang lebih tinggi untuk mereka mendapatkan pekerjaan yang baru. Skim latihan graduan juga telah dilaksanakan daripada tahun 2001 hingga tahun lepas dan dengan melibatkan 12,449 graduan diberi bantuan dengan dana melibatkan RM80 juta. Graduan-graduan ini telah diberi latihan dalam teknologi maklumat, komunikasi dan juga bahasa iaitu bahasa Inggeris dan bahasa Mandarin bertujuan untuk meningkatkan kemahiran dalam bidang berkenaan bagi membantu mereka mendapatkan pekerjaan.

Secara keseluruhannya lebih kurang 60% dari para graduan yang telah mengikuti skim latihan graduan telah pun berjaya mendapat pekerjaan. Ini menunjukkan bahawa skim latihan graduan ini sedikit sebanyak dapat menyelesaikan sebahagian daripada isu dan juga permasalahan graduan yang menganggur. Justeru itu skim fasa ke dua telah dimulakan pada bulan Ogos dan memperoleh peruntukan RM50 juta dan melibatkan seramai 6,300 graduan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator K. R. A Naidu telah meminta supaya kerajaan memastikan pekerja di sektor swasta dapat mencerminkan komposisi kaum di Malaysia. Mengenai saranan Yang Berhormat, suka saya menjelaskan bahawa sememangnya kerajaan mengambil perhatian berat terhadap perkara ini kerana kerajaan sedar betapa perlunya integrasi nasional antara kaum seperti yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan bagi menjamin kestabilan negara dan kesejahteraan rakyat Malaysia keseluruhannya.

Ini dibuktikan melalui tindakan-tindakan yang telah dan sedang diambil oleh kerajaan bagi memastikan imbangan yang adil terhadap peluang-peluang pendidikan, kegiatan ekonomi dan peluang pekerjaan dalam usaha mewujudkan integrasi nasional dan kesejahteraan rakyat. Walau bagaimanapun, pengambilan pekerja oleh majikan di sektor swasta adalah adakah mutlak pengurusan syarikat berkenaan. Kementerian berpendapat bahawa seorang majikan perlu diberi hak dan kebenaran untuk memilih pekerja yang dianggap sesuai atau yang terbaik untuk sesuatu tugas oleh organisasi atau syarikat bagi memenuhi keperluan syarikat itu sendiri.

Namun begitu, kementerian ini sedang memberi nasihat kepada majikan supaya tidak ada amalan perburuhan yang tidak sihat dipraktikkan di syarikat masing-masing. Jika terdapat kes-kes yang sebegini rupa, Jabatan Tenaga Kerja akan membuat pemantauan

bagi memastikan pekerja dilayan secara adil, saksama tanpa mengira kaum. Sehingga kini, komposisi kaum di kalangan pekerja sektor swasta adalah memuaskan.

Akhir sekali, saya mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh isu-isu yang berkaitan dengan Kementerian Sumber Manusia. Selamat terbuka. Terima kasih.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Dijemput Kementerian Pembangunan Usahawan.

3.53 ptg.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Berhormat Menteri saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan memberikan perhatian serta membincangkan perkara-perkara di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan semasa membahaskan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelapan.

Bagi menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan K. R. A Naidu, mengenai garis panduan untuk permit-permit bas berhenti-henti, suka saya maklumkan bahawa Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan tidak mengenakan syarat bahawa syarikat baru tidak boleh mendapat lesen bagi sesuatu laluan yang diusahakan oleh syarikat lain. Sebaliknya LPKP membenarkan lebih daripada satu syarikat bagi satu-satu laluan bagi menampung keperluan penumpang dan menyokong keperluan bas sekiranya terdapat syarikat mempunyai masalah seperti kerosakan dan pemberhentian perkhidmatan. Selain itu, ia akan mewujudkan persaingan sihat yang boleh meningkatkan mutu perkhidmatan kepada penumpang.

Bagi pertanyaan Yang Berhormat Tuan R. Sinniah yang meminta pihak kementerian memberikan perhatian dan menyegerakan pemberian permit lesen dan pinjaman kepada usahawan India yang semakin bertambah. Suka dijelaskan bahawa LPKP tidak mengamalkan diskriminasi dalam pemberian lesen kepada pengusaha pengangkutan. Pemberian lesen diberi kepada semua pemohon yang memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan seperti modal yang mencukupi dan keperluan pengangkutan di satu-satu kawasan atau satu-satu perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Dun, tentang sejauh mana pencapaian 30% ekuiti bumiputera. Kementerian Pembangunan Usahawan akan meneruskan program-program pembangunan usahawan yang sedia ada. Walau bagaimanapun, tumpuan akan lebih diberi untuk memperluaskan kumpulan sasaran. Bagi kumpulan sasaran yang sedia ada, mereka akan terus diberi bantuan, bimbingan dan latihan secara intensif supaya prestasi dan taraf mereka boleh ditingkatkan dari usahawan di peringkat mikro ke peringkat yang lebih besar.

Mengenai soalan Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Haji Ahmad Raffae tentang birokrasi pengeluaran lesen PKK, suka saya nyatakan di sini bahawa sebenarnya sistem memproses bagi pengeluaran lesen PKK mudah sekiranya pemohon itu menepati syarat-syarat dan kriteria-kriteria yang telah ditetapkan. Walau bagaimanapun, Kementerian Pembangunan Usahawan senantiasa meneliti proses pemberian lesen bagi mengelakkan kelewatan dan apa juga permasalahan.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Jaya Partiban kerana latihan untuk usahawan muda sememangnya menjadi teras utama aktiviti Kementerian Pembangunan Usahawan dan aktiviti ini meliputi semua golongan bumiputera dan bukan bumiputera khususnya sebagai contoh Skim Usahawan Siswazah dan beberapa skim lagi. Di bawah Skim Usahawan Siswazah, bakal usahawan layak menerima bantuan, ini contoh, Tuan Yang di-Pertua, layak memohon bantuan sebanyak antara RM20 ribu hingga RM250 ribu untuk membolehkan seorang siswazah itu memulakan dan menjayakan sesuatu perniagaan yang dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu sahaja penjelasan-penjelasan yang dapat saya berikan di atas perkara yang telah dibangkitkan di sepanjang perbahasan ini dan kalau sekiranya ada perkara-perkara lain yang tidak saya sentuh, saya beri jaminan seperti biasa bahawa semuanya itu kita ambil perhatian dan kita ambil tindakan. Sekian, terima kasih.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Terima kasih. Akhirnya saya menjemput Jabatan Perdana Menteri sebagai kementerian yang bertanggungjawab untuk menggulung perbahasan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelapan ini.

3.59 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Bernard Giluk Dompok]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan usul Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelapan dan telah memberi penerangan, teguran dan cadangan yang membina. Dalam penggulungan ini, saya akan memberikan lebih tumpuan kepada perkara-perkara yang di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri oleh kerana kementerian-kementerian sendiri telah menjawab banyak soalan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, ekonomi negara telah berjaya dipertahankan dan dipulihkan dari pergolakan ekonomi antarabangsa hasil daripada kekuatan fundamental kestabilan politik dan sosial serta usaha dan langkah terancang yang dilaksanakan oleh kerajaan. Usaha dan langkah yang dilaksanakan sebelum ini telah dikaji semula dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelapan untuk membolehkan ekonomi Malaysia berada di landasan pembangunan jangka pertengahan dengan lebih kukuh.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Ismail bin Kasim telah membangkitkan isu memulihkan sektor swasta dan ingin saya maklumkan bahawa kerajaan sememangnya memberi penekanan bagi meningkatkan kerjasama erat antara sektor kerajaan dengan sektor swasta bagi membangunkan negara. Kerajaan telah melaksanakan pelbagai langkah dan melancarkan pakej bantuan untuk memulihkan dan mengiatkan semula sektor swasta dan meningkatkan keupayaan bersaing dalam era globalisasi dan liberalisasi supaya sektor swasta terus menjadi peneraju pertumbuhan ekonomi.

Dalam hubungan ini, kerajaan antara lain telah menyediakan kemudahan pembiayaan dan memberi insentif cukai dan bukan cukai, mengurangkan kos menjalankan perniagaan dan menambah peluang latihan kemahiran tenaga bagi meningkatkan produktiviti syarikat. Kerajaan juga telah membantu pengusaha mengeksport barangan dan perkhidmatan di pasaran antarabangsa melalui promosi galakan eksport, misi pelaburan, promosi pendidikan swasta serta promosi pelancongan.

Malah dalam kajian separuh penggal ini, kerajaan telah mengenal pasti bidang-bidang yang berpotensi untuk diceburi oleh sektor swasta. Selain dari itu, kerajaan sentiasa berusaha mewujudkan suasana yang mesra perniagaan dengan memudahkan prosedur-prosedur dan mengurangkan karenah birokrasi. Kerajaan juga bersikap terbuka dan telah mengadakan pelbagai dialog dengan sektor swasta untuk mendapat maklum balas bagi memperbaiki prestasi sektor awam.

Ramai Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan betapa perlunya kita mengukuhkan asas-asas ekonomi makro khususnya pengawalan defisit akaun Kerajaan Persekutuan di samping mengekalkan kadar inflasi dan pelaburan yang rendah, lebihan akaun semasa imbalan pembayaran dan kedudukan rizab luar negara yang teguh. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sentiasa memberi keutamaan terhadap pengukuhan asas ekonomi dan menjadikannya sebagai teras dasar ekonomi makro dalam setiap rancangan pembangunan. Keutamaan inilah yang telah menyebabkan negara kita sehingga kini masih mampu mengekalkan asas ekonomi makro yang kukuh walaupun

dalam keadaan ekonomi negara yang kurang memberangsang seperti yang dialami pada tahun 1988 dan 2001.

Menyedari betapa penting untuk meningkatkan daya saing negara, sebagaimana yang dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat, langkah yang berterusan telah dan akan diambil khususnya untuk membantu usahawan Malaysia bagi mengurangkan kos pengeluaran serta meningkatkan mutu dan reka bentuk keluaran. Ini termasuklah penyediaan kemudahan pembiayaan dan galakan untuk aktiviti penyelidikan dan pelaburan serta insentif cukai dan bukan cukai untuk meningkatkan teknologi dan sumber tenaga manusia.

Sektor swasta sewajarnya mengambil peluang daripada inisiatif yang diperkenalkan oleh kerajaan terutama untuk menerokai peluang pasaran yang terhasil daripada globalisasi dan liberalisasi ekonomi dunia. Kerajaan juga menyedari bahawa terdapat ruang-ruang untuk memperbaiki lagi *delivery system*, dengan izin, atau sistem penyampaian sektor kerajaan terutama dari segi perkhidmatan *one-stop-centre*, dengan iizn, mengurangkan karenah pentadbiran dan memendekkan tempoh pemprosesan atau kelulusan projek pelaburan tempatan dan asing sebagaimana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Kenyataan Yang Berhormat Tuan Benedict Bujang Tembak yang menyatakan bahawa daya saing negara untuk menarik pelaburan telah menurun, sebenarnya adalah tidak betul. Berdasarkan penilaian dalam Laporan World Competitiveness Report 2003, daya saing Malaysia telah meningkat ke tangga keempat bagi kategori negara yang mempunyai penduduk melebihi 20 juta, berbanding kedudukan di tangga keenam pada tahun 2002. Ini adalah disebabkan pencapaian yang lebih baik dalam empat kategori utama yang diukur iaitu pencapaian ekonomi, kecekapan kerajaan, kecekapan perniagaan dan pembangunan infrastruktur.

Tuan Yang di-Pertua: Termasuk kecekapan kerajaan, ya Yang Berhormat.

Tan Sri Bernard Giluk Dompok: Termasuk kecekapan kerajaan. Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng telah meminta kerajaan menerangkan langkah yang telah diambil untuk meningkatkan pembangunan sumber manusia dalam penyediaan peluang pekerjaan terutama di kalangan siswazah dengan menyediakan pelbagai peluang latihan. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM225.85 juta di bawah program sangkutan dan latihan yang dilancarkan pada bulan November 2001. Menerusi program ini, para graduan di peringkat ijazah dan diploma lepasan institusi pengajian tinggi telah diberi latihan terutama dalam bidang ICT, bahasa Inggeris dan keterampilan yang akan dapat meningkatkan *marketability* dan *employability* mereka, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Haji Karim Ghani membangkitkan tentang isu kekurangan doktor di Sabah dan menggesa kerajaan menghantar pelajar ke universiti di Indonesia dengan menyediakan pembiayaan pendahuluan menerusi penubuhan tabung khas. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan sememangnya maklum akan kekurangan doktor perubatan di negara ini termasuklah di negeri Sabah.

Sehubungan dengan ini, kerajaan telah mengambil tindakan untuk menaja di dalam bentuk biasiswa kepada pelajar-pelajar di dalam bidang perubatan di dalam dan di luar negara. Bagi penajaan di luar negara, kerajaan mula menghantar pelajar-pelajar ke Indonesia pada tahun 2003. Di samping itu, kerajaan juga menyediakan kemudahan penajaan dalam bentuk pinjaman kepada pelajar-pelajar persendirian yang layak untuk mengikuti pengajian di dalam bidang perubatan di luar negara termasuklah negara Indonesia.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai persoalan yang ditimbulkan oleh Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Abdullah bin Ayub tentang siapakah yang mengawal aktiviti Petronas, suka saya maklumkan bahawa sebagai sebuah perbadanan yang dipunyai oleh kerajaan seratus peratus, Petronas diletakkan di bawah tanggungjawab Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Walaupun Laporan Tahunan Petronas tidak dibentangkan di Parlimen kerana Akta Pembangunan Petronas 1974 tidak memperuntukannya, segala aktiviti Petronas dikemukakan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Jemaah Menteri dari

masa ke semasa. Seterusnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sentiasa memaklumkan hal ehwal Petronas jika terdapat isu-isu yang dibangkitkan semasa Persidangan Parlimen. Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat supaya Petronas disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur, saya ingin maklumkan bahawa dua anak syarikatnya telah disenaraikan iaitu Petronas Gas Berhad dan Petronas Dagangan Berhad.

Yang Berhormat Datuk Nor Azah binti Awin memohon penjelasan mengenai program Petronas dalam membimbing kontraktor tempatan dan bilangan yang telah mendapat manfaat daripada program tersebut. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Petronas telah melaksanakan Program Pembangunan Usahawan (*Vendor Development Programme*) bagi membimbing syarikat tempatan melibatkan diri dalam industri petroleum. Program ini bertujuan untuk melahirkan usahawan yang berdaya saing dan berdaya maju dalam bidang pembuatan produk ataupun komponen dan perkhidmatan serta kejuruteraan yang berteknologi sederhana dan tinggi. Sebanyak 43 syarikat telah berdaftar dengan program ini.

Di samping itu, syarikat-syarikat tersebut juga digalakkan memperluaskan penglibatan mereka di luar negara. Dalam hubungan ini, Petronas turut membawa mereka di mana Petronas beroperasi dengan mengadakan usaha sama dengan syarikat-syarikat tempatan bagi menjalankan urus niaga seperti bekalan peralatan dan perkhidmatan.

Beberapa syarikat dari Malaysia telah berjaya di negara-negara seperti Thailand, Vietnam, Brunei, UAE dan Sudan. Sebagai contoh, Syarikat Petra Resources Sdn. Bhd. yang berdaftar dengan Program Pembangunan Usahawan Petronas bersama-sama dengan Syarikat Apidex SES Sdn. Bhd. telah memperoleh kontrak perkhidmatan penyelenggaraan dan operasi lapangan minyak bernilai USD4.3 bilion di Sudan. Tuan Yang di-Pertua, mengenai pertanyaan Yang Berhormat Tuan Benedict Bujang Tembak.....

Tuan Yang di-Pertua: USD4.3 bilion?

Tan Sri Bernard Giluk Dompok: USD4.3 bilion. Mengenai pertanyaan Tuan Benedict Bujang Tembak, sembilan etnik minoriti di Sarawak yang diliputi dalam penyiasatan khas pendapatan isi rumah tahun 2002 fasa yang pertama adalah:

- (i) Bisaya;
- (ii) Bukitan;
- (iii) Kadayan;
- (iv) Kajang;
- (v) Kayan;
- (vi) Kelabit;
- (vii) Kenyah;
- (viii) Limbawang; dan
- (ix) Penan.

Di negeri Sabah pula, etnik yang terpilih untuk penyiasatan fasa pertama ini ialah:

- (i) Bisaya;
- (ii) Idahan;
- (iii) Iranun;
- (iv) Kadayan;
- (v) Orang Sungai;
- (vi) Pulau Kokos;
- (vii) Rungus;

- (viii) Suluk; dan
- (ix) Kidong.

Pemilihan sembilan etnik tersebut mengambil kira saiz penduduk berdasarkan banci penduduk tahun 2000. Kini tindakan sedang diambil untuk menggubal satu program pembasmian kemiskinan khusus untuk kumpulan etnik minoriti bumiputera di kedua-dua negeri berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan M. Ratnam telah menyentuh mengenai masyarakat India yang dianggap sebagai tidak mencapai kemajuan yang dapat dibanggakan berbanding dengan kaum bumiputera dan Cina walaupun telah mencapai banyak kejayaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dasar-dasar pembangunan yang dilaksanakan oleh kerajaan bertujuan untuk meningkatkan taraf hidup dan penglibatan semua rakyat dalam ekonomi negara, pada amnya semua kaum telah mendapat manfaat hasil daripada langkah tersebut. Begitu juga dengan masyarakat India yang terus menunjukkan kemajuan yang menggalakkan dari segi pencapaian ekonomi dan taraf hidup.

Pencapaian masyarakat India dari segi agihan pendapatan menunjukkan kemajuan dengan pendapatan purata meningkat seiring dengan pembangunan ekonomi negara. Malah pendapatan purata masyarakat India adalah lebih tinggi iaitu RM3,044 berbanding dengan bumiputera iaitu RM2,376 sebulan bagi tahun 2002.

Dari segi guna tenaga pula, beratus-ratus penyertaan etnik India dalam lapangan pekerjaan profesional terpilih seperti arkitek, akauntan, doktor, peguam dan sebagainya adalah tinggi dan melebihi komposisi penduduk etnik India dalam negara kita. Penyertaan golongan etnik India adalah paling tinggi dalam profesion seperti berikut:

Profesion	Peratus
Doktor	27.5
Peguam	25.8
Doktor Veterinar	25.7
Doktor Gigi	19.1

Sungguhpun pemilikan ekuiti kaum India berada pada tahap 1.5%, pemilikan modal saham mereka sebenarnya meningkat. Malah kadar pertumbuhan yang dicatatkan sebanyak 7.6% setahun tidak jauh berbeza dengan pencapaian pertumbuhan ekuiti bumiputera sebanyak 7.8% setahun. Oleh itu adalah tidak benar masyarakat India dalam negara ini tidak mengalami kemajuan yang membanggakan.

Yang Berhormat Tuan M. Ratnam juga minta kerajaan memperincikan langkah-langkah untuk mencapai sasaran 3% pemilikan ekuiti untuk masyarakat India menjelang tahun 2010. Selaras dengan matlamat ini, kerajaan telah dan akan terus menyediakan peluang-peluang penyertaan melalui pelaksanaan berbagai program seperti latihan termasuk latihan keusahawanan dan latihan kemahiran serta bantuan kewangan bagi usahawan dan bakal-bakal usahawan yang berminat dan mempunyai kesungguhan dalam bidang berkaitan.

Pada masa ini, terdapat banyak tabung yang dibuka kepada semua kaum yang boleh dimanfaatkan oleh usahawan India. Di samping itu kerajaan juga akan terus menyediakan peluang kepada masyarakat India untuk menyertai program-program penswastan dan pembangunan industri kecil dan sederhana yang juga menyediakan peluang yang luas kepada masyarakat India untuk meningkatkan aktiviti korporat mereka.

Untuk makluman Yang Berhormat Tuan R. Sinniah, program-program yang disediakan ini adalah berdasarkan penemuan dan kajian-kajian mengenai penglibatan kaum India dalam ekonomi yang terdapat masalah utama yang dihadapi oleh masyarakat India ialah kekurangan sumber kewangan serta kurang penglibatan dalam latihan vokasional dan kemahiran.

Kerajaan akan terus memberi peluang terutamanya kepada rakyat yang ditinggalkan khususnya yang berpendapatan sederhana dan rendah yang terdiri daripada semua kaum termasuk kaum India untuk memiliki kepentingan sektor korporat melalui penyertaan dalam skim-skim saham amanah seperti Amanah Saham Wawasan 2020, Amanah Saham Malaysia, Amanah Saham Mara Berhad iaitu melalui Mara First Public Fund, ASM Premier Fund dan ASM Balance Fund. Kewujudan tabung amanah yang diuruskan oleh pihak swasta juga membuka peluang pelaburan yang luas kepada semua rakyat termasuk kaum India untuk meningkatkan pemilikan ekuiti mereka dalam sektor korporat.

Kerajaan akan terus memberi perhatian utama dalam usaha meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara supaya semua kaum akan terus mendapat faedah daripada pertumbuhan tersebut. Walau bagaimanapun perlu dijelaskan bahawa kejayaan sesuatu kaum dalam mengejar pembangunan dan kekayaan ekonomi bukan bergantung kepada kerajaan semata-mata kerana kesungguhan dan usaha gigih sesuatu kaum itulah yang sebenarnya akan menentukan kejayaan mereka.

Sehubungan dengan ini, kerajaan menggesa usahawan India berusaha dengan lebih gigih untuk merebut peluang yang wujud di pasaran global. Cadangan Yang Berhormat Tuan M. Ratnam supaya kerajaan menubuhkan suatu unit khusus untuk merancang dan memantau program-program bagi memastikan pencapaian matlamat pemilikan 3% ekuiti kaum India adalah tidak perlu pada ketika ini memandangkan jentera kerajaan yang ada sudah mencukupi untuk tugas ini.

Apa yang perlu dilaksanakan ialah mengambil langkah untuk memperkemaskan mekanisme pelaksanaan dan pemantauan khususnya yang berkaitan dengan dasar-dasar penyusunan semula masyarakat. Sebagai langkah ke arah ini, Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelapan menyarankan agar setiap agensi kerajaan mewujudkan sistem pemantauan bagi memantau pelaksanaan program-program berkaitan dengan penyusunan semula masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kenyataan Yang Berhormat Tuan M. Ratnam bahawa amalan menyatukan perangkaan kaum India bersama dengan kaum Cina, tidak memberi gambaran yang tepat mengenai pencapaian etnik India. Saya menyarankan Yang Berhormat merujuk kepada Jadual 3 hingga 5 muka surat 68 dalam dokumen Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelapan yang jelas memperincikan pemilikan etnik India secara berasingan untuk memberi gambaran yang lebih tepat mengenai pencapaian dan kedudukan pemilikan ekuiti saham sektor korporat oleh kumpulan-kumpulan etnik tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan Yang Berhormat Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee supaya konsep mini estet tanaman padi diperluaskan ke kawasan lain secara lebih menyeluruh. Saya ingin maklumkan kepada Yang Berhormat bahawa tanaman padi secara mini estet dan berkelompok memang diberi perhatian tinggi dalam program tanaman padi di lapan kawasan jelapang padi negara bagi meningkatkan produktiviti dan pendapatan petani.

Selain daripada KADA dan MADA, agensi lain yang turut melaksanakan program ini ialah FELCRA di Sarawak serta FELCRA Berhad. Walau bagaimanapun, pelaksanaan mini estet padi tidak boleh dilaksanakan secara serentak di semua kawasan padi negara kerana ia perlu dilaksanakan secara berperingkat. Ini terutamanya kerana ia perlu melibatkan persetujuan pemilik tanah dan tempoh masa tertentu bagi penyediaan infrastruktur pertanian yang sesuai serta pengubahsuaian tanah sawah padi untuk tanaman secara ladang.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Dr. S. Vijayarajam bangkitkan isu ketidakseimbangan pembangunan antara Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan

Sarawak dan ketiadaan projek landasan berkembar di Sabah dan Sarawak serta ingin mendapat penjelasan tentang kedudukan status Trans-Borneo Highway. Sesungguhnya kerajaan sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan kemudahan di Sabah dan Sarawak. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Rancangan Malaysia Kelapan, tiga lapangan terbang telah dibina dan lima dinaik taraf. Dari segi infrastruktur jalan raya pula kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM2.41 bilion untuk Sabah dan RM2.46 bilion untuk Sarawak. Trans-Borneo Highway yang merupakan rangkaian jalan raya dari Kuching ke Tawau sebenarnya telah siap dibina. Pada masa ini, kerajaan sedang membuat kajian untuk menentukan *viability*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, pembinaan jalan yang menghubungkan Sarawak dan Sabah tanpa melalui Brunei Darussalam.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Dato' Haji Arzmi bin Haji Abdul Hamid dan Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng, kerajaan sentiasa menyusun strategi-strategi yang berkesan bagi mempertingkatkan mutu Perkhidmatan Awam supaya menjadi lebih cekap dan dinamik. Antara strategi tersebut ialah mengadakan syarat perkhidmatan yang mantap dan efektif, mengadakan peluang latihan dan peningkatan kemahiran yang mencukupi untuk anggota di semua peringkat, pembangunan *competency* di kalangan anggota dalam usaha memupuk budaya organisasi pembelajaran dan membangunkan pekerja pengetahuan, memperkenalkan penilaian tahap kecekapan dan penilaian prestasi anggota yang menitikberatkan penguasaan ilmu, peningkatan kemahiran dan budaya kerja yang positif serta pencapaian matlamat, memperbaiki pengurusan tatatertib supaya kawalan tatatertib menjadi lebih berkesan dan meneruskan program peningkatan kualiti Perkhidmatan Awam.

Bagi memastikan Perkhidmatan Awam dapat mengendalikan permohonan-permohonan pelanggan dengan berkesan, semua agensi kerajaan diminta mematuhi piagam pelanggan yang telah ditetapkan dalam Perkhidmatan Kemajuan Pentadbiran Awam Bil.3/1993 iaitu Panduan Mengenai Piagam Pelanggan yang merupakan jaminan yang dibuat oleh agensi yang berkenaan untuk menyampaikan perkhidmatan mengikut standard kualiti yang menepati harapan dan kehendak pelanggan.

Di samping itu, surat Pekeliling Kemajuan Pentafsiran Awam 1994 bertajuk "Panduan Pelaksanaan Sistem Pemulihan Perkhidmatan" telah dikeluarkan untuk membantu agensi-agensi kerajaan mengambil tindakan pemulihan jika berlaku sebarang kecacatan dalam perkhidmatan yang diberikan. Jabatan-jabatan pula perlu memastikan permohonan-permohonan diproses mengikut prosedur MS ISO9000 yang dapat memulihkan keperluan pelanggan sekiranya ia telah ditetapkan dalam jabatan masing-masing.

Kerajaan sentiasa memberi perhatian dan membuat kajian ke atas persaraan anggota Perkhidmatan Awam. Malahan untuk memastikan pegawai awam sentiasa bermotivasi untuk meningkatkan prestasi masing-masing dan memiliki kemahiran atau *competency* di tahap yang diperlukan untuk meningkatkan mutu perkhidmatan, kerajaan melalui Sistem Saraan Malaysia telah memperkenalkan pengiktirafan berdasarkan prestasi dan menawarkan imbuhan yang sewajarnya.

Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng supaya INTAN menjalankan kursus khas mengenai Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelapan bagi meningkatkan kefahaman dan mengurangkan masalah birokrasi, suka saya maklumkan bahawa INTAN sememangnya dari masa ke semasa mengadakan program berkaitan dengan rancangan Malaysia dan usaha-usaha ini akan diteruskan bagi Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelapan.

Cadangan Yang Berhormat Tuan K.R.A. Naidu untuk menubuhkan *a parliamentary standing committee* di kementerian-kementerian atau di jabatan-jabatan kerajaan bagi mengatasi masalah penyelewengan dan penyalahgunaan kewangan, adalah difikirkan ini tidak perlu. Ini adalah kerana pada masa ini telah wujud Jawatankuasa Kira-kira Awam yang dianggotai oleh Ahli-ahli Parlimen untuk membincangkan masalah dan hal-hal kewangan di kementerian-kementerian ataupun jabatan-jabatan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin mengucapkan banyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbincangan

Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelapan. Segala cadangan dan pandangan membina yang diberikan akan diberi perhatian serius dan diambil kira dalam pelaksanaan strategi dan program pembangunan bagi memastikan matlamat yang ditetapkan dapat dicapai dengan jayanya. Saya juga ingin menekankan bahawa isu dan persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak sempat dijawab, kerajaan akan memberi perhatian dan pertimbangan yang sewajarnya. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini hendaklah disetujui.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KANUN KESEKSAAN (PINDAAN) 2003

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.28 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2003 dibacakan kali yang kedua sekarang. Masalah keganasan merupakan perkara global yang memerlukan penglibatan usaha dan kerjasama sebuah masyarakat di peringkat domestik dan antarabangsa untuk mengatasinya. Oleh itu, Malaysia bercadang untuk menjadi suatu pihak kepada konvensyen antarabangsa bagi pembanterasannya pembiayaan keganasan dan konvensyen antarabangsa menentang pengambilan tebusan 1999.

Untuk membolehkan Malaysia menyertai konvensyen ini, undang-undang domestik Malaysia perlu dipinda untuk menjadikan perbuatan keganasan suatu kesalahan jenayah dengan hukuman yang setimpal. Kedua-dua konvensyen itu turut memperuntukkan obligasi bahawa negara-negara yang menjadi pihak kepadanya hendaklah mewujudkan bidang kuasa mengenai semua kesalahan perbuatan keganasan yang disenaraikan dalam konvensyen itu yang dilakukan di dalam dan luar negara. Bagi maksud itu, Fasal 2 rang undang-undang ini mencadangkan supaya Seksyen 4, Kanun Keseksaan dipinda untuk meluaskan pemakaian Kanun Keseksaan kepada kesalahan luar wilayah. Pindaan kepada seksyen itu juga memperuntukkan alasan tambahan bagi melaksanakan bidang kuasa jenayah luar wilayah.

Tuan Yang di-Pertua, penganas masa kini menyembunyikan aliran kewangan mereka daripada pihak berkuasa dengan berselindung di sebalik organisasi sah yang bersifat kebajikan, sosial dan kebudayaan. Organisasi ini juga digunakan oleh penganas untuk mengumpul dana daripada sumbangan orang awam tanpa mendedahkan tujuan sebenar dana tersebut.

Tindakan sewajarnya untuk mengesan, membekukan dan menyita serta melucutkan apa-apa dana yang dipercayai digunakan oleh penganas untuk membiayai perbuatan dan kegiatan keganasan, juga perlu diperuntukkan dalam undang-undang. Oleh itu, Fasal 5 rang undang-undang ini mencadangkan supaya Kanun Keseksaan dipinda dengan memasukkan bahagian baru 6A yang mengandungi seksyen baru 130B hingga 130T, yang memperkatakan pembanterasannya perbuatan keganasan dan pembiayaan perbuatan keganasan.

Seksyen baru 130B mentakrifkan ungkapan tertentu yang digunakan dalam bab 6A. Antaranya ialah takrif "kesalahan pembiayaan keganasan"; "penganas"; "entiti penganas"; "kumpulan penganas"; "harta penganas"; dan "perbuatan keganasan".

Seksyen baru 130C menjadikan perbuatan keganasan sebagaimana yang ditakrifkan dalam subseksyen 130B (2) sebagai suatu kesalahan. Jika perbuatan itu

mengakibatkan kematian, orang yang disabitkan atas kesalahan itu boleh dihukum dengan hukuman mati. Jika kesalahan itu tidak melibatkan kematian, hukuman yang dicadangkan ialah pemenjaraan selama tempoh tidak kurang dari tujuh tahun tetapi tidak melebihi 30 tahun. Orang yang disabitkan kesalahan itu juga boleh didenda.

Seksyen baru 130D memperkatakan kesalahan “membekalkan kepada kumpulan pengganas atau anggotanya apa-apa bahan letupan atau peranti yang boleh membawa maut”.

Seksyen baru 130E dan 130F masing-masing menjadi perbuatan merekrut orang untuk menjadi anggota kumpulan pengganas atau mengambil bahagian dalam perbuatan keganasan dan mengadakan latihan dan ajaran bagi pengganas, suatu kesalahan.

Seksyen baru 130G menjadikan perbuatan tertentu suatu kesalahan. Perbuatan yang dimaksudkan itu ialah perbuatan menghasut atau menggalakkan perlakuan perbuatan keganasan, perbuatan menghasut atau menggalakkan keanggotaan dalam kumpulan pengganas atau perbuatan mendapatkan harta bagi manfaat kumpulan pengganas atau perlakuan perbuatan keganasan.

Seksyen baru 130H menjadikan perbuatan mengadakan kemudahan untuk menyokong perbuatan keganasan suatu kesalahan.

Seksyen baru 130I pula menjadikan perbuatan mengarahkan kegiatan kumpulan pengganas suatu kesalahan.

Perbuatan yang menjadi kesalahan di bawah seksyen baru 130J ialah perbuatan mendapatkan sokongan bagi dan pemberian sokongan kepada kumpulan pengganas atau perbuatan keganasan.

Di bawah seksyen baru 130K dan seksyen baru 130L pula, perbuatan melindungi pengganas dan persubahatan untuk melakukan mana-mana kesalahan di bawah bab 6A merupakan kesalahan. Jika seseorang sengaja tidak memberikan maklumat yang berhubung dengan perbuatan keganasan, dia melakukan kesalahan di bawah seksyen baru 130M.

Seksyen baru 130N dan seksyen 130O pula masing-masing menjadikan kesalahan perbuatan mengadakan, mengumpul harta bagi perbuatan keganasan dan perbuatan mengadakan perkhidmatan atau kemudahan kewangan bagi mana-mana pengganas, entiti pengganas atau kumpulan pengganas.

Mengikut seksyen baru 130P, seseorang yang membuat perkiraan bagi pemerolehan, pemegang atau kawalan harta pengganas adalah melakukan kesalahan.

Di bawah seksyen baru 130Q pula, perbuatan membuat urusan tentang harta pengganas juga menjadi suatu kesalahan.

Seksyen baru 130R dan 130S masing-masing menjadikan perbuatan tidak memberikan maklumat tentang harta pengganas dan perbuatan membiayai keganasan dengan sengaja sebagai suatu kesalahan.

Seksyen baru 130T pula memperkatakan kesalahan di bawah Bab 6A yang dilakukan oleh pertubuhan perbadanan.

Tuan Yang di-Pertua, apabila Malaysia menyertai Konvensyen Antarabangsa Menentang Pengambilan Tebusan 1999, Malaysia akan mempunyai obligasi untuk menangani perlakuan jenayah yang melibatkan penahanan orang tebusan. Untuk membolehkan Malaysia memenuhi obligasi ini, Fasal 8 rang undang-undang ini mencadangkan pindaan kepada Kanun Keseksaan dengan memasukkan seksyen baru 374A.

Di bawah seksyen baru ini, perbuatan pengambilan tebusan untuk memaksa pihak kerajaan pertubuhan, kumpulan atau orang lain supaya melakukan atau tidak melakukan sesuatu perbuatan sebagai syarat bagi pelepasan tebusan itu, dijadikan suatu kesalahan.

Hukuman mati dicadangkan dikenakan terhadap orang yang disabitkan atas kesalahan pengambilan tebusan yang melibatkan kematian. Jika kesalahan itu tidak

melibatkan kematian, hukuman yang dicadangkan ialah pemenjaraan selama tidak kurang daripada tujuh tahun dan tidak melebihi 30 tahun. Orang yang disabitkan atas kesalahan itu boleh juga didenda.

Tuan Yang di-Pertua, sejak kebelakangan ini, kesalahan rogol muhrim dan sumbang muhrim semakin berleluasa. Banyak cadangan telah dibuat oleh orang ramai dan badan-badan kerajaan dan bukan kerajaan untuk menangani isu ini. Antaranya, ialah saranan agar tindakan yang lebih tegas diambil terhadap pesalah jenayah seksual dengan mengenakan hukuman yang lebih berat.

Oleh yang demikian, Fasal 9 rang undang-undang ini mencadangkan supaya seksyen 376 Kanun Keseksaan dipinda dengan memasukkan suatu kategori jenayah seksual yang baru iaitu rogol muhrim. Orang yang disabitkan atas kesalahan ini boleh dikenakan hukuman pemenjaraan tidak kurang daripada 15 tahun tetapi tidak melebihi 30 tahun. Orang itu boleh juga dikenakan hukuman sebat tidak kurang daripada 10 sebatan. Fasal 9 rang undang-undang ini juga memperuntukkan hukuman mati jika mangsa rogol mati semasa jenayah rogol itu dilakukan atau cuba dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, diperhatikan bahawa jenayah seperti rompakan berkumpulan yang melibatkan kematian atau cedera parah, perbuatan menyebabkan kematian seseorang tanpa tergolong sebagai pembunuhan, penculikan dengan tujuan membunuh dan pecah rumah yang melibatkan cedera parah atau kematian semakin banyak berlaku. Kerajaan memandang serius perkara ini. Sebagai usaha untuk membendungnya, hukuman maksimum yang boleh dikenakan bagi kesalahan tersebut dicadangkan dinaikkan.

Oleh itu Fasal 3, 6, 7, 10 dan 11 rang undang-undang ini mencadangkan pindaan kepada seksyen 57, 304, 396 dan 460 Kanun Keseksaan untuk menaikkan hukuman maksimum pemenjaraan bagi kesalahan yang disebut tadi daripada 20 tahun kepada 30 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan lain yang dicadangkan dalam rang undang-undang ini yang tidak saya sebut dengan khusus, merupakan pindaan yang kecil atau berbangkit. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin]: Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Kanun Keseksaan dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan. Yang Berhormat Puan Wan Ubaidah binti Omar.

4.40 ptg.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi izin kepada saya untuk turut sama membahaskan rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Kanun Keseksaan.

Tuan Yang di-Pertua, amat malang sekali bila disebut keganasan selalunya dikaitkan dengan Islam. Saya berharap perkara ini akan berubah kerana dunia telah menyaksikan siapa sebenarnya pengganas, yang mengganas di luar sana ialah Amerika dan Israel. Hasil daripada keganasan mereka itulah kini membiakkan keganasan yang lain, seperti kata pepatah: "*Violence breeds violence*", dengan izin. Saya menyeru semua kaum dalam Malaysia ini supaya saling bersikap terbuka dan toleran di antara satu sama lain supaya kehidupan yang harmoni dan damai di Malaysia yang tercinta ini dapat diteruskan.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga menjadi satu perkara yang amat mendukacitakan apabila disebut hukum hudud dan qisas masyarakat satu dunia termasuk juga setengah golongan masyarakat dalam negara kita ini menjadi takut dan ngeri seolah-olah hukum hudud bila dilaksanakan semua orang akan dikenakan hukuman sedangkan

dalam negara kita sendiri terdapat akta-akta yang ada peruntukan hudud tidak adapun pula orang yang takut. Begitu juga dengan hukum hudud, bila hukum hudud itu ada bukan semua orang kena hukuman ada *steps* dan langkah-langkahnya, ada hakim dan sistem mahkamahannya.

Contohnya bila ada orang yang ditangkap mencuri bukan terus dipotong tangan tetapi akan diselidiki dahulu. Mencuri kerana lapar contohnya tidak boleh dipotong tangan, mencuri harta yang terbiar yang tidak dijaga tidak boleh dipotong tangan mereka, mungkin didenda sahaja. Mencuri telur ayam mungkin tidak sama dengan mencuri kereta. Orang yang mencuri, merompak sebagai profesion barulah dipotong tangan. Itu pun apabila ada bukti dan dijatuhkan hukuman dalam sistem mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan hukum Islam ialah untuk menghalang lebih daripada menghukum. Contohnya apabila pencuri atau perompak atau penyamun dipotong tangan mereka, ini menjadi satu pengajaran kepada orang lain dan kepada masyarakat umumnya. Orang ini kemudiannya dibebaskan dan dapat meneruskan kehidupan mereka dengan keluarga mereka. Kerajaan pula tidak menanggung kos penjara kerana orang yang dipotong tangannya akan dilepaskan. Anak-anak dan isteri masih dapat bersama dengan mereka dan di akhirat pula tiada hukuman lagi bagi mereka.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kes hukuman qisas pula, misalnya seorang Muslim membunuh seorang Muslim yang lain dan bila sudah dibuktikan kesalahannya, dia juga akan dihukum bunuh oleh mahkamah. Di dunia dia dibunuh hukumannya dan di akhirat pula dia dibebaskan daripada dosa membunuh itu. Sedangkan jika pembunuh Muslim itu dihukum di bawah Akta Kanun Keseksaan, di akhirat nanti dia tidak akan terlepas daripada seksaan Allah kecuali jika dia bertaubat dan dimaafkan oleh keluarga orang yang terbunuh.

Tuan Yang di-Pertua, alangkah baiknya kalau kerajaan dapat melaksanakan hukum hudud mengikut ajaran Al-Quran, rakyat yang bersalah dihukum dikembalikan kepada keluarga, kerajaan pula jimat duit tidak perlu banyak berbelanja untuk menjaga penjara dan yang pentingnya ialah di akhirat tiada hukuman lagi baginya. Kerajaan akan mendapat rahmat daripada Allah S.W.T.

Tuan Yang di-Pertua yakinlah hanya bila kita mengamalkan semua ajaran dalam Al-Quran, insya-Allah segala masalah yang melanda masyarakat kita akan dapat diatasi. Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada ..

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Ismail bin Kasim mohon laluan, adakah Yang Berhormat memberikan laluan?

Tuan Ismail bin Kasim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan hujah yang disampaikan oleh Yang Berhormat Puan Wan Ubaidah binti Omar tentang hukuman mencuri, bermakna kata dipotong tangan kalau mencuri kali kedua mungkin dipotong kedua-dua tangan.....

Tuan Yang di-Pertua: Mana Yang Berhormat tahu, Yang Berhormat baru masuk sahaja.

Tuan Ismail bin Kasim: Saya mendengar di luar. Dan juga bermakna kata selepas hukuman itu dijalankan, pesalah berkenaan dilepaskan dan kerajaan tidak akan menanggung segala kos apa-apa yang berhubung kait dengannya. Kalau dua kesalahan mencuri dia keluar kedua tangan telah dipotong dan kesalahan ketiga dilakukan, hukuman yang bagaimana yang patut dilakukan ke atas pesalah berkenaan? Terima kasih.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya minta maaf tentang itu, saya kurang arif dan kita kena rujuk kepada pakar, itu sudah teknikal, mungkin dikenakan denda, sebab kita ada lagi bentuk-bentuk hukuman iaitu takzir contohnya iaitu hukuman yang ditetapkan oleh mahkamah.

Dan akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua. saya ingin merujuk kepada Fasal 9 Seksyen 376 (i) dan (ii) di mana saya ingin mencadangkan supaya *whipping*, dengan izin, ataupun hukuman sebatan dilakukan secara terbuka ataupun secara *public*. Ini akan

memalukan orang yang melakukan kesalahan dan menghindarkan orang lain daripada turut sama melakukannya.

Saya juga mencadangkan hukuman sebat dilakukan secara Islam di mana orang yang menyebat tidak boleh mengangkat tangannya sampai nampak ketiaknya untuk tidak terlalu menyakitkan orang yang dihukum. Dengan ini saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Menyokong atau tidak? Dato' Dr. S. Vijayaratnam.

4.46 ptg.

Dato' Dr. S. Vijayaratnam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang DR 40/2003. Tuan Yang di-Pertua, selepas berlakunya kejadian 11 September 2001 di New York, keganasan telah diberikan kepada satu rupa baru, rupa ini boleh dikatakan lebih berbahaya, lebih berkesan dan lebih menakutkan. Malaya telah menghadapi masalah keganasan teruk selepas perang dunia kedua dengan ancaman dan serangan dari pihak *Malayan Communist Party*.

Pemimpin-pemimpin angkatan tentera, polis dan rakyat jelata pada ketika itu telah pun biasa dan mempunyai pengalaman dengan keganasan yang dilakukan oleh anasir-anasir jahat daripada pihak komunis. Tetapi dengan muka baru keganasan seperti yang tersebut tadi haruslah kita bersiap sedia untuk menghadapi keganasan baru yang bukan sahaja menggunakan cara-cara yang lebih canggih dan berbahaya tetapi tidak ada sempadan yang boleh mengehadkannya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan zaman berkomputer, senjata-senjata yang begitu berkesan dan teknologi yang sangat ke hadapan, sukarlah mengenal pasti pengganas-pengganas dan mencegah perbuatan-perbuatan jahat mereka. Di samping itu, dukacitanya diambil perhatian bahawa ada juga sedikit daripada warga kita terlibat atau disyaki terlibat dengan perbuatan-perbuatan keganasan. Baru-baru ini 13 penuntut Malaysia ditahan oleh Kerajaan Pakistan dan pulang ke tanah air dan ditahan di sini. Sebelum itu pun ada kes di mana penuntut-penuntut Malaysia ditahan di negara Mesir.

Pada ketika ini, Tuan Yang di-Pertua, masa kita bersidang polis negara Indonesia mencari dua orang lelaki warganegara Malaysia yang juga disyaki terlibat di dalam peletupan bom di Bali dan di J.W. Marriot Hotel, Jakarta tidak lama dahulu. Perbuatan-perbuatan begini oleh warganegara kita sendiri akan merosakkan nama Malaysia. Saya juga bimbang jika ada bukti bahawa orang-orang ini yang dianggap terlibat dalam aktiviti-aktiviti buruk di luar negeri mempunyai perhubungan dengan parti-parti politik tertentu, dan jika ada, saya berharap pihak polis akan mengambil tindakan yang sewajarnya dengan tegas.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam sesuatu perlakuan keganasan tiada sesiapa yang beruntung. Yang selalu terkorban dan tercedera ialah orang yang tidak berdosa. Peristiwa-peristiwa di Riyadh, Casablanca, Bali, Jakarta, Mambosa dan baru-baru ini di Istanbul telah menunjukkan bahawa ini memang benar. Sasaran pengganas iaitu pihak pemerintah, pemimpin kerajaan atau anggota-anggota tentera selalu dilindungi dengan baik. Tidak apa-apa akan terjadi kepada mereka. Yang kena ialah orang awam, *innocent bystanders*, dengan izin. Apakah pengganas-pengganas harap dicapai dengan perbuatan-perbuatan zalim mereka? Pihak berkuasa akan lebih gigih dan keras hati. Mereka akan mempertahankan jawatan dan kuasa mereka. Di samping itu, orang awam yang terlibat, keluarga mangsa-mangsa dan yang tercedera tentu tidak akan bersimpati dengan pengganas itu dan membenci mereka. Adakah pengganas itu dapat apa yang mereka desak? Tidak ada apa yang dicapai.

Walau bagaimanapun, saya sangat sukacita melihat bahawa kerajaan dengan segala kebijaksanaannya telah mengambil beberapa langkah yang sesuai untuk menghadapi ancaman keganasan pada zaman ini. Di antaranya ialah persetujuan di atas beberapa usul-usul Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang dicadangkan di Fasal 5. Malaysia menyertai konvensyen antarabangsa bagi penumpasan pembiayaan keganasan yang diterima oleh Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada 9

Disember 1999 dan mematuhi resolusi-resolusi Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai langkah-langkah menentang keganasan khususnya resolusi Majlis Keselamatan 1373 bertarikh 28 September 2001.

Saya berasa sukacita mengambil perhatian bahawa kerajaan Malaysia akan melaksanakan langkah-langkah untuk mengetatkan jaring kita supaya bukan sahaja masalah keganasan akan dicegah tetapi mereka yang terlibat akan ditangkap dan tidak akan terlepas lari. Penganas-penganas tidak akan diberi apa-apa peluang untuk menjalankan aktiviti-aktiviti mereka di Malaysia. Tidak ada ruang untuk mendapat apa-apa saluran pembiayaan. Ini dirujuk di seksyen baru 130B. Saya setuju juga dengan langkah-langkah yang diambil ke atas individu-individu atau golongan-golongan yang membantu, menolong atau bekerjasama dengan pihak penganas termasuklah mereka yang menyembunyikan atau memberi perlindungan kepada penganas-penganas. Mereka yang enggan memberi maklumat mengenai penganas-penganas juga boleh didakwa di bawah Seksyen 130 R dan 130 S.

Berkaitan dengan *terrorism*, Tuan Yang di-Pertua, saya sedikit bimbang di atas kawalan dan keselamatan tapak-tapak letak kereta di bawah bangunan. Keadaan ini bukan sahaja dari segi kelakuan jenayah seperti kecurian, perampasan, merogol dan pembunuhan - macam kes Canny Ong tetapi boleh jadi sebagai tempat sesuai untuk perbuatan keganasan. Ada beberapa bangunan besar di negara ini seperti Petronas Twin Towers, KLIA, PWTC, bangunan kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan yang mempunyai tapak letak kereta di bawah bangunan. Semuanya hampir dengan asas bangunan. Langsung tidak ada pemeriksaan *security* di kebanyakan tapak-tapak letak kereta di Malaysia termasuk bangunan-bangunan.

Nampaknya pada ketika ini ia menjadi satu sasaran mudah untuk penganas-penganas masuk dan memasang bom oleh kerana peletup-peletup plastik moden seperti "*Simetex*" senang disembunyikan dan dibawa ke mana-mana. Ada juga kemungkinan bom tersebut boleh ditinggalkan di dalam kenderaan dan dinyalakan melalui suis jarak jauh ataupun *remote control*, dengan izin. Syarikat-syarikat kawalan telah memasang *close circuit TV* di situ tetapi adakah ini diawasi dengan teliti untuk 24 jam? Saya harap pihak-pihak penguat kuasa undang-undang dan agensi-agensi kawalan memberi lebih perhatian dan tumpuan untuk menguruskan keselamatan di tapak-tapak letak kereta.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, kita harus bersyukur bahawa keadaan keselamatan di negara kita yang dicintai sentiasa bagus. Suasana aman ini bukan wujud kerana nasib baik atau *by chance*, dengan izin. Rakyat Malaysia harus menghargai bahawa keamanan kita adalah oleh kerana usaha kerajaan khususnya pihak polis dan Kementerian Dalam Negeri selalu berhati-hati dan sentiasa menjalankan operasi kawalan dan rondaan di sekitar tanah air. Ini bukan satu keadaan yang boleh dikira sebagai perkara biasa. *It is not something to be taken for granted*, dengan izin. Bila dibandingkan dengan negara-negara lain di Asia, Malaysia sangat aman. Syabas, terima kasih dan tahniah kepada anggota-anggota Polis Diraja Malaysia.

Di sini, Tuan Yang di-Pertua, saya dengan sukacita di atas peningkatan gaji anggota-anggota polis yang baru diumumkan. Ini pun adalah satu lagi sebab untuk pengimbangan bahawa Akta Keselamatan Dalam Negeri iaitu ISA sangat perlu dan harus dikekalkan. Sesiapa pun yang disyaki sahaja akan membuat sesuatu yang membahayakan nyawa orang ramai atau yang akan mengancam keselamatan dan keamanan awam. *They are a threat to public order and security* - dengan izin – dan akan terus ditahan tanpa bicara mahkamah untuk tempoh yang ditetapkan oleh Menteri Dalam Negeri. Tidak boleh dinafikan juga bahawa ketenteraman, kestabilan dan keamanan negara wujud oleh kerana langkah-langkah tegas telah diambil oleh semua pihak penguat kuasa undang-undang negara. Dengan kata-kata itu saya mohon menyokong satu akta untuk meminda Kanun Keseksaan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Dr. Chin Fook Weng.

4.58 ptg.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya mengambil bahagian juga dalam pindaan 2003 kepada Akta Kanun

Keseksaan iaitu Akta 574. Bagi saya, semasa melihat rang undang-undang yang telah disediakan bagi kami, saya dapati apa yang Malaysia ingin buat untuk menumpaskan perbuatan keganasan itu mungkin tidak begitu kuat dengan penjelasan-penjelasan seperti yang diberikan dalam rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, kenapa saya sebutkan demikian? Apabila kita melihat alasan-alasan yang telah diberi, alasan-alasan itu menyatakan kita mematuhi resolusi-resolusi Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan tadi rakan saya Dato' Dr. S. Vijayarajam telah juga menyentuh tentang Resolusi 1373 yang dibuat pada 2001 iaitu 28 September 2001.

Saya lebih suka melihat dalam alasan itu bahawa Malaysia sendiri memandang perkara ini sebagai satu perkara yang begitu serius dan selain daripada mematuhi resolusi-resolusi seperti yang dipersetujui oleh Majlis Keselamatan, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, maka kita juga merasa bahawa perkara keganasan ini merupakan sesuatu yang kita mahu hapuskan. Bukan semata-mata kerana kita mahu mematuhi resolusi-resolusi yang dikatakan itu. Dan juga kalau kita melihat satu lagi alasan yang diberi iaitu kenapa kita mahu masukkan Seksyen 374A itu ke dalam Akta 574 itu akan membolehkan Malaysia menyertai konvensyen antarabangsa menentang pengambilan keputusan yang diterima pakai oleh Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita menggunakan alasan-alasan seperti itu untuk kita mengambil sesuatu tindakan, mungkin ia tidak memberi satu gambaran yang cukup dan nyata tentang pendirian Malaysia dalam hal keganasan. Bagi saya, saya lebih suka melihat bahawa kita sendiri mahu mengatasi masalah ini sama ada ada resolusi atau tidak ada resolusi, negara kita mahu menentang keganasan kerana keburukan-keburukan keganasan. Itu bagi saya adalah alasan yang lebih kuat dan di samping itu kita juga mematuhi resolusi-resolusi...

Tuan Yang di-Pertua: Kerana bertentangan dengan sistem nilai kita.

Dr. Chin Fook Weng: Betul Tuan Yang di-Pertua kerana kita sebagai satu negara yang moden, sederhana, mengamalkan nilai-nilai murni dan baik, maka kita sendiri benci kepada perkara ini dan oleh kerana itu kita mahu mengatasinya. Tidak ada apa-apa paksaan daripada orang luar. Kita sendiri dengan relanya mahu mengatasi masalah ini. Ini adalah satu pandangan apabila saya melihat kertas kerja dalam rang undang-undang ini.

Kalau kita bandingkan usaha yang telah diambil oleh Malaysia, kita nampak bahawa kita memang serius dalam perkara ini dan oleh kerana itu, di setiap forum antarabangsa, kita telah menyuarakan dan kita juga minta supaya sebab-sebabnya ada keganasan itu dikaji dengan mendalam. Sungguhpun pendapat ini belum lagi diterima oleh dunia-dunia antarabangsa itu tetapi bagi saya, itu adalah satu pendirian yang cukup baik dan mencerminkan bahawa kita bertanggungjawab dalam hal ini.

Bagi saya, kita sudah berusaha begitu banyak dalam cadangan untuk menumpaskan keganasan itu, jadi kenapa kita tidak sebut demikian dan beritahu semua negara tentang pendirian kita supaya ini akan memperkukuh lagi tindakan-tindakan dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh jadi Yang Berhormat, ia dinyatakan secara tidak langsung sebab dipinda Kanun Keseksaan. Bermakna jika bunuh, rogol dan rompak bertentangan dengan sistem nilai dan cara hidup kita, kini kita nyatakan keganasan juga bertentangan dengan sistem nilai dan cara hidup kita dengan meminda Kanun Keseksaan. Secara tidak langsung sudah dinyatakan. Sudah dinyatakan!

Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, saya pun tidak tahu sama ada kalau kita menyatakan secara tidak langsung, kita memerlukan orang yang baca itu memahaminya dan daripada tangkapan-tangkapan boleh membuat andaian tetapi kalau itu adalah hasrat kita, kita tidak sebut secara langsung. Kenapa kita mahu sembunyi di sini dan di sana. Terus kepada subjek itu dan terus menyatakan kita menentang sekeras-kerasnya perkara keganasan.

Itu bererti kita ada pendirian yang tersendiri, pendirian yang teguh, pendirian yang kuat dan itu kita mahu melihat berlaku di negara kita sama ada dengan pengaruh atau

tekanan daripada pihak-pihak lain. Saya juga melihat bahawa mesej kita itu tidak cukup terang dan kuat kerana kita hanya bercadang untuk meminda Kanun Keseksaan ini.

Dalam negara ini, kita ada satu akta yang diketahui umum dan sebelum itu menjadi pertikaian di arena antarabangsa. Kita selalu disalahkan kerana akta itu dan akta itu adalah ISA iaitu Akta Keselamatan Dalam Negeri. Kalau kita mahu memberitahu arena antarabangsa tentang maksud kita dan sebagainya, kenapa kita tidak juga merancang satu akta khas untuk mengatasi masalah keganasan? Kalau kita berbuat demikian, kita dengan jelasnya membuktikan bahawa kita memang menentang perkara ini dengan sekeras-kerasnya.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini kita juga menggunakan ISA dalam kes-kes seperti yang kita mahu mengatasi. Baru-baru ini 13 orang pelajar yang balik dari Pakistan itu yang telah dihantar balik kerana dikatakan bersabit dengan aktiviti keganasan itu. Kesemua 13 orang itu ditahan di bawah ISA tetapi malangnya juga, ISA itu dilihat dari satu lagi sudut iaitu ISA diguna untuk orang politik. Itu pada masa ini masih mempengaruhi pendapat pihak-pihak tertentu bahawa tujuan ISA itu ialah mahu mengambil tindakan terhadap mereka yang tidak menyokong kerajaan. Itu ialah pandangan banyak pihak dan selepas keganasan itu berlaku, maka di dunia itu mereka telah memahami tujuan kita mengadakan ISA dan kebelakangan ini, nampaknya tidak ada pihak yang mempertikai perkara ini lagi.

Jadi ini bermakna kalau kita mencadangkan satu akta baru bagi mengatasi masalah ini, kita memberikan tumpuan yang kuat dan terus terang kepada perkara ini. Itu ialah jalan yang paling baik bagi saya dan bukan melalui apa yang kita bahaskan hari ini sungguhpun ini adalah satu tindakan. Mungkin ini juga satu tindakan yang berkesan nanti tetapi kalau diperlihatkan dari banyak sudut kita dapati ada unsur-unsur lain yang kita sudah masukkan ke sini seperti merogol, kita sudah masukkan dan itu tidak ada kaitan dengan keganasan. Kita juga ada rogol mahram. Itu juga tidak ada kaitan dengan keganasan kerana itu berlaku dalam keluarga.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai satu bandingan saya mahu membandingkan hukuman yang dikenakan kepada mereka yang melakukan keganasan dengan hukuman yang akan dikenakan kepada mereka yang melakukan rogol mahram seperti yang dicadangkan di bawah Seksyen 376 itu. Satu, mendapat hukuman tujuh tahun sehingga maksimum 30 tahun, itu untuk keganasan tetapi untuk rogol mahram, hukumannya ialah 15 tahun hingga 30 tahun dan juga termasuk *whipping* 15 kali, Tuan Yang di-Pertua.

Kalau kita ingin menangani masalah keganasan, kalau pihak-pihak melihat dan membandingkan kedua-dua perkara ini yang mana lebih berat, yang mana akan mengakibatkan orang-orang yang tidak bersabit salah itu kehilangan anggota, kehilangan nyawa kerana perkara keganasan. Di banyak tempat seperti yang di Bali baru-baru ini, mereka tidak melakukan apa-apa kesalahan, mereka ke sana makan angin dan pada malam itu menari, menyanyi dan adakan satu masa yang selesa dengan kawan dan sebagainya tetapi tiba-tiba kerana bom, ramai telah mati kerana aktiviti ini. Adakah itu satu keadilan kepada pihak-pihak ini?

Perkara macam ini boleh berlaku pada mana-mana masa, di mana-mana tempat ia boleh berlaku dan kepada siapa pun tidak mengira kaum, mengira bangsa, warna kulit dan sebagainya. Itu tidak dan apabila ia berlaku, orang yang tidak ada kaitan mungkin yang mendapat banyak kerugian termasuk mungkin kehilangan nyawa mereka.

Jadi kalau kita bandingkan kedua-dua perkara ini dan kalau bandingkan hukuman yang dicadangkan, bagi saya ini juga melemahkan usaha kita untuk mengatasi masalah keganasan. Itu satu bandingan sahaja, Tuan Yang di-Pertua, tetapi dari itu kita boleh melihat sama ada usaha kita telah dijayakan kerana dalam hukuman yang kita cadangkan itu juga tidak begitu selaras. Seperti banyak orang telah mempertikaikan, seorang pencuri yang mencuri kerana dia lapar, dihukum lima tahun penjara tetapi seorang yang melakukan rasuah CBT berjuta-juta ringgit itu telah hilang hanya dihukum RM10,000. Ini juga satu yang dipersoalkan banyak kali oleh banyak pihak. Kita tidak mahu perkara ini juga dipersoalkan semacam contoh tadi kerana nampaknya tidak ada keadilan kepada pihak-pihak ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua itu adalah komen-komen am dalam akta ini dan sekarang saya mahu menumpukan perhatian saya kepada beberapa seksyen kerana kita tahu dalam Fasal 5 ada dicadangkan satu bab baru iaitu VIA dan VIA ini mengandungi Seksyen 130B sehingga 130T dan semua ini adalah bertujuan untuk memperkatakan penumpasan perbuatan keganasan dan juga penumpasan pembiayaan perbuatan keganasan dan semua seksyen ini bercadang untuk menambahkan penalti bagi kesalahan ini.

Satu lagi akta yang kita akan bahaskan nanti juga ada kaitan dengan pembiayaan perbuatan keganasan. Itu kita akan bahaskan esok. Nampaknya seksyen-seksyen yang dicadangkan itu ada menyebut dengan terus terangnya apakah tujuannya dan kalau kita membaca apa yang telah disebutkan, kita juga bangga dengan usaha kerajaan untuk mengatasi masalah ini. Itu bagi saya adalah jelas bahawa pendirian kita adalah supaya kita dapat menentang perkara ini. Jadi Seksyen 130B sehingga Seksyen 130T yang memperkatakan tujuan-tujuan penumpasan perbuatan keganasan itu saya amat menyokong dan saya ucapkan tahniah kepada kerajaan kerana sudah masukkannya dalam bab baru VIA ini. Hanya apa yang saya sebutkan tadi ialah kita juga tambah bahawa ini kerana kita mahu mematuhi resolusi-resolusi Majlis Keselamatan dan itu telah sedikit sebanyak melemahkan semangat kita.

Dan 130B sehingga 130D ini memperuntukkan kesalahan-kesalahan dan denda-denda tertentu di atas tindakan-tindakan seperti berikut, penyediaan apa-apa bahan letupan atau alat yang boleh membawa maut, merekrut orang untuk menjadi anggota kumpulan pengganas, pengambilan bahagian dalam kelakuan perbuatan keganasan. Mengadakan latihan dan ajaran bagi pengganas, perbuatan menghasut, menggalakkan perlakuan perbuatan keganasan, mengadakan perkhidmatan atau kemudahan kewangan bagi mana-mana pengganas memperoleh kekayaan pemegangan dan kawalan harta pengganas dan berurusan dengan harta pengganas, tidak memberikan maklumat tentang harta pengganas dan kesalahan membiayai keganasan-keganasan dengan sengaja.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita melihat semua tujuan ini, kita juga melihat begitu sukar bagi kita membuktikan perkara-perkara semacam ini. Jadi, ia baik disebut tetapi bagaimana kita boleh buat tangkapan. Bagaimana kita boleh membuktikan bahawa ada perkara-perkara macam ini kerana tadi kita telah mendengar bahawa banyak daripada perkara ini disembunyikan di bawah organisasi-organisasi kebajikan, organisasi-organisasi NGO yang mungkin hanya menyatakan mereka menyokong kesenian, tarian, budaya dan sebagainya.

Satu daripada masalah ialah bagaimana kita boleh membuktikan dan bagi saya, ini semua akan mengambil banyak masa. Dan kenapa kita tidak mencari satu yang lebih senang untuk kita membuktikan kerana pada masa sekarang banyak pihak sudah menerima bahawa kejadian keganasan ini akan sedikit sebanyak menyekat kebebasan-kebebasan seorang individu.

Tuan Yang di-Pertua, ini sudah difahami dengan jelas oleh semua pihak. Oleh kerana kefahaman ini, dan juga persediaan masyarakat supaya kebebasan mereka itu sedikit sebanyak kena diambil alih oleh pihak berkuasa yang diberi kuasa untuk mengatasi keganasan, maka kenapa kita tidak menggunakan kesempatan itu untuk menyatakan beberapa lagi sebab yang mungkin lebih senang dibuktikan, sama ada dalam mahkamah ataupun bagi kita mengambil tindakan terhadap pihak-pihak ini. Kalau kita mengambil banyak masa untuk mengambil tindakan, maka kekesanan pindaan-pindaan itu bagi saya tidak begitu baik. Dan kalau kekesanan itu tidak ada atau lemah, maka kalau kita mahu mengatasi perkara ini, kita kena cari cara-cara yang lebih kukuh supaya mereka yang terlibat dalam aktiviti ini betul-betul boleh diambil tindakan.

Kalau tidak, maka masih ada ruang untuk pertikaian dan kemudian mungkin mereka guna peguam-peguam yang pandai dan atas apa tindakan teknikal mereka mungkin terlepas daripada ikatan undang-undang ini dan kita tidak mahu semua usaha yang ditempuh oleh pihak penguat kuasa itu sia-sia sahaja, kerana masalahnya ialah bagaimana boleh membuktikan semua yang telah disenaraikan itu iaitu semuanya lapan perkara yang telah disenaraikan. Jadi, ini satu yang saya harap akan diberi jawapan bagaimana ia boleh diperkuatkan supaya kita dapat mencapai hasrat kita.

Kemudian saya ingin menyentuh kepada pindaan Seksyen 304, 364, 396 dan 460. Dan ini memperuntukkan tempoh maksimum pemenjaraan daripada 20 tahun kepada 30 tahun bagi kesalahan membunuh tanpa niat, mencolek untuk membunuh, merompak berkumpulan yang melibatkan pembunuhan dan memecah rumah yang mengakibatkan kematian.

Bagi saya, semua seksyen ini telah menyatakan dengan terus terang bahawa kita ingin mengadakan satu hukuman yang lebih berat kepada kesalahan-kesalahan seperti yang saya sebut tadi iaitu meningkatkan masa pemenjaraan daripada 20 tahun kepada 30 tahun. Kalau ini hanya dibiarkan sedemikian, adakah ini cukup tegas untuk mengatasi masalah ini. Dalam kes yang mana melibatkan pembunuhan, bagi saya adalah lebih baik kalau mereka yang sabit kesalahan itu juga mendapat satu hukuman mandatori dan bukan dipenjarakan tetapi dihukum mati juga kerana perbuatan itu. Kalau kita memenjarakan satu pihak itu selama 30 tahun, maka kerajaan kena menjaga mereka, kena bagi makanan, sungguh pun kebebasan mereka itu

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat bercadang untuk menyambung ucapan sehingga besok?

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Ya, saya mahu menyambung kerana ada banyak lagi Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Jadi, dalam perkara penjara 30 tahun ini, sungguh pun ia telah ditambah sepuluh tahun daripada apa yang sedia ada tetapi sama ada ini akan membebaskan kita lagi kerana di banyak penjara kita, kita sudah tidak ada tempat, sudah penuh. Apabila kita tanya, tempat-tempat di penjara semua sudah penuh dan kita kena sediakan kemudahan-kemudahan tambahan bagi mengatasi masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa cukup. Yang Berhormat boleh sambung esok.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan. Dewan akan bersidang semula pada jam 10.00 pagi esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.